




Laporan Tahunan 2007



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Melindungi Deposit Anda.



-  *"Sentiasa usahakan yang terbaik. Apa yang disemai sekarang akan berbuah hasil kemudian." Og Mandino, dan kepercayaan teguh kami.*

Laporan Tahunan kami memabadkan aktiviti dan pencapaian kami sepanjang tahun lepas. Ia merupakan satu babak dalam perjalanan kami ke arah mencapai Misi dan Visi kami.

Kami merakamkan kisah ini menerusi pendekatan rekaan kami. Tali ini, diikat rapi kepada pokok, melambangkan Nilai dan usaha yang disumbangkan untuk memperkukuhkan organisasi kami. Tali ini juga merupakan pautan kami – kakitangan PIDM – dalam usaha untuk menjadi sebuah organisasi yang berpegang kepada Misi dan Visi ke arah mencapai mandat kami.

Sebagai sebuah organisasi yang masih baru, perjalanan ini bukan tanpa cabaran. Namun, dengan kepimpinan, kerja berpasukan, fokus dan dedikasi, sebagaimana yang dimaklumkan dalam Laporan ini, kami telah mencapai kemajuan yang begitu baik.

Kami percaya dengan teguh (seperti kata Og Mandino, seorang penulis terkemuka) untuk mengusahakan yang terbaik dalam perkhidmatan kami kepada pemegang kepentingan utama, orang awam – untuk melindungi deposit anda.

Bekerja secara bersepadu, sejajar dengan Nilai dan hala tuju strategik kami, tiada yang di luar capaian kami.

PIDM mengutamakan pengurusan bertanggungjawab di dalam setiap aspek operasi kami. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Laporan Tahunan ini. Ia disahkan oleh Forest Stewardship Council (FSC) iaitu organisasi antarabangsa yang menyokong piawaian tertinggi dalam pengurusan hutan.

• Visi Kami

- Diiktiraf sebagai penginsurans deposit paling efektif di Asia Tenggara menjelang 2008.
- Diperakui sebagai satu daripada peneraju penginsurans deposit utama di dunia menjelang 2010.

• Misi Kami

- PIDM akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, dan menggalak serta menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. PIDM akan memenuhi mandatnya dengan efisien dan efektif, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan serta pemegang kepentingan yang lain.

• Rancangan Korporat 2008 hingga 2010 Kami

- Rancangan Korporat kami yang telah diterbitkan menggariskan hala tuju strategik, inisiatif dan rancangan kewangan sokongan kami bagi tahun 2008. Rancangan ini menggariskan fokus strategik dan keutamaan kami yang berasaskan rangka kerja pengurusan risiko organisasi korporat bagi membolehkan kami memenuhi mandat dan mencapai Visi serta Misi kami.

• Teras Strategik Kami

- Kesediaan operasi – kesediaan dalam memenuhi peranan kami sebagai penginsurans deposit.
- Amalan urus niaga dan kewangan yang mantap – bagi menunjukkan kami diurus tadbir dengan baik dengan rangka kerja kebertanggungjawaban yang kukuh serta pendedahan dan rejim pelaporan yang mampan.
- Kesedaran awam yang efektif – bagi menjelaskan faedah dan batasan sistem kami.
- Perkongsian yang kukuh – untuk berunding dengan mereka dan bekerjasama dengan lebih efektif bersama rakan kongsi kami bagi membantu mencapai mandat kami.

• Objektif Korporat Kami

- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik.
- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat.
- Perkongsian efektif.
- Penggunaan sumber yang optimum.
- Kecemerlangan operasi.
- Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten.
- Persekitaran korporat yang kondusif.

• Nilai Korporat Kami

- Kecemerlangan dan Profesionalisme.
- Hormat dan Adil.
- Integriti dan Kebolehpercayaan.
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan.
- Pengeloaan Kewangan.

**MEMBINA ATAS KEKUATAN KAMI****AKTIVITI UTAMA PADA 2007****Mengeratkan hubungan kami dengan pemegang kepentingan dan rakan kongsi utama**

- Mewujudkan asas rakan kongsi strategik.
- Bekerjasama rapat dengan Menteri Kewangan, Bank Negara Malaysia, institusi anggota, pengawal selia kewangan dan agensi kerajaan lain.
- Melaksanakan Fasa 1 Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami.
- Menumpukan kepada aktiviti untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan PIDM, termasuk menganjurkan Pameran Kewangan Malaysia 2007 (Malaysia Financial Exhibition – “MYFex2007”) dan Persidangan Tahunan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (International Association of Deposit Insurers - “IADI”) Ke-6.

Menguatkan proses dan pengelolaan kewangan kami

- Melaksanakan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko kami.
- Membangunkan Fasa 1 Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi kami.
- Mewujudkan rangka kerja bagi pengurusan komunikasi krisis, pengurusan risiko organisasi, kawalan dalaman dan Sistem Premium Berbeza.
- Mengeluarkan lima kertas perundingan awam (berkaitan dengan Garis Panduan bagi “Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Diinsuranskan”, draf Peraturan “Keperluan Maklumat bagi Insurans Deposit”, draf Peraturan “Sistem Premium Berbeza”, draf Peraturan “Terma dan Syarat Keanggotaan” dan cadangan berkaitan peruntukan penjelasan penamatan bersih dalam urus niaga derivatif.)
- Mewujudkan Jawatankuasa Aset Liabiliti dan Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat kami.
- Melaksanakan Fasa 2 rancangan peningkatan infrastruktur IT (teknologi maklumat) kami.

Memantapkan tenaga pekerja kami dan menggalakkan persekitaran bekerja yang kondusif

- Menyediakan rangka kerja pengurusan penggantian bagi Lembaga dan Pengurusan.
- Mengadakan empat sesi formal pendidikan Lembaga dan orientasi bagi ahli Lembaga Pengarah baru kami.
- Menjalankan tinjauan pendapat para pekerja.
- Membangunkan program latihan dan pembangunan.

- Melaksanakan mekanisme maklum balas menyeluruh bagi pengurusan.
- Mewujudkan Polisi bagi Gangguan di Tempat Kerja.
- Mengadakan bengkel kerja bagi nilai-nilai korporat.
- Menganjurkan Hari Keluarga dan Majlis Makan Malam sulung PIDM.
- Memindahkan pejabat kami ke 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral.

PENCAPAIAN

- Mencapai 98% daripada Penunjuk Prestasi Utama (“PPU”) kami dalam Rancangan Korporat 2007-2009 tepat pada masa dan mengikut bajet yang diperuntukkan.
- Mencapai indeks kepuasan pekerja pada 79%, mengatasi sasaran 75%.
- Selain PPU, kami juga melaksanakan program-program utama berikut:
 - Polisi bagi Tanggungjawab Sosial Korporat;
 - MYFex 2007 bagi pendidikan pengguna; dan
 - maklum balas menyeluruh bagi pengurusan.

PENGIKTIRAFAN LUAR

- Laporan Tahunan 2006 kami mendapat pengiktirafan apabila menerima anugerah “Certificate Of Merit” daripada Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (NACRA).
- Juruaudit luar kami memberi penilaian “Sangat Baik” (tahap penilaian tertinggi) kepada Perbadanan selepas audit pengurusan pada 2007.
- Persidangan Tahunan IADI Ke-6 kami menarik bilangan delegasi paling ramai dalam sejarah persidangan IADI yang pernah diadakan, dengan sejumlah 232 orang delegasi dari 43 negara.

MASA HADAPAN

- Rancangan Korporat 2008-2010 baru kami menggariskan hala tuju strategik dan menjelaskan lebih lanjut inisiatif kami ke arah mencapai Visi dan Misi kami sepanjang tempoh perancangan ini.
- Rancangan itu memberi fokus terhadap membentuk kumpulan kepimpinan yang unggul, meningkatkan pengurusan hubungan kami serta membangunkan budaya korporat yang mantap.
- Kami juga akan terus meningkatkan kesediaan operasi kami menerusi pembangunan kapasiti dan pengurusan pengetahuan.

RINGKASAN KEWANGAN


Sorotan kewangan ditunjukkan seperti di bawah.

	Bajet 2008 RM	2007 RM	Peralihan daripada 2006	2006 RM	2005 RM
Butiran Lembaran Imbangan					
Jumlah Aset	296,100,000	215,077,133	69%	127,020,219	33,176,484
Jumlah Liabiliti	3,900,000	3,754,586	-17%	4,545,838	634,443
Kumpulan Dana Insurans Deposit	292,200,000	211,322,547	73%	122,474,381	32,542,041
<i>Konvensional</i>	<i>264,100,000</i>	<i>190,399,969</i>	<i>71%</i>	<i>111,218,891</i>	<i>29,527,976</i>
<i>Islam</i>	<i>28,100,000</i>	<i>20,922,578</i>	<i>86%</i>	<i>11,255,490</i>	<i>3,014,065</i>
Butiran Penyata Pendapatan					
Pendapatan Premium	120,000,000	110,155,613	8%	102,122,205	35,671,770
<i>Konvensional</i>	<i>107,000,000</i>	<i>98,546,846</i>	<i>6%</i>	<i>92,719,007</i>	<i>32,368,754</i>
<i>Islam</i>	<i>13,000,000</i>	<i>11,608,767</i>	<i>23%</i>	<i>9,403,198</i>	<i>3,303,016</i>
Pendapatan Pelaburan	8,000,000	5,754,463	104%	2,815,560	204,692
<i>Konvensional</i>	<i>7,200,000</i>	<i>5,203,432</i>	<i>102%</i>	<i>2,576,330</i>	<i>184,851</i>
<i>Islam</i>	<i>800,000</i>	<i>551,031</i>	<i>130%</i>	<i>239,230</i>	<i>19,841</i>
Perbelanjaan Operasi	45,000,000	27,100,910	81%	15,005,425	3,334,421
Lebihan Bersih	83,000,000	88,848,166	-1%	89,932,340	32,542,041



KANDUNGAN

IMBASAN KEWANGAN



Sekilas Pandang	3
Perutusan daripada Pengerusi, Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha	7
Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Jean Pierre Sabourin	11
Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil	17
Carta Organisasi	21
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil	23
BAHAGIAN I: PENGENALAN	29
BAHAGIAN II: URUS TADBIR KORPORAT	39
Penyataan Urus Tadbir	41
Penyataan Kawalan Dalaman	55
BAHAGIAN III: PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN	59
Persekitaran Operasi Kami	61
Kajian Semula Operasi dan Pencapaian 2007	67
Tinjauan Kewangan 2007	71
Menangani Risiko Kami	81
Ringkasan Rancangan Korporat 2008-2010 Kami	85
BAHAGIAN IV: PENYATA KEWANGAN	87
Laporan Pengarah	89
Penyataan Pengarah	91
Akuan Berkanun	92
Laporan Ketua Audit Negara	93
Lembaran Imbangan	94
Penyata Pendapatan	95
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab	96
Penyata Aliran Tunai	97
Dana Insurans Deposit Konvensional – Lembaran Imbangan	98
Dana Insurans Deposit Konvensional – Penyata Pendapatan	99
Dana Insurans Deposit Konvensional – Penyata Aliran Tunai	100
Dana Insurans Deposit Islam – Lembaran Imbangan	101
Dana Insurans Deposit Islam – Penyata Pendapatan	102
Dana Insurans Deposit Islam – Penyata Aliran Tunai	103
Nota kepada Penyata Kewangan	104
BAHAGIAN V: ARTIKEL	127
Sistem Premium Berbeza – Insentif bagi Pengurusan Risiko Kukuh	129
Peraturan Maklumat – Bagi Pendeposit Yang Bermaklumat	139
BAHAGIAN VI: INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT	141
BAHAGIAN VII: KALENDAR PERISTIWA	151
LAMPIRAN	163
Piagam Jawatankuasa Urus Tadbir	165
Piagam Jawatankuasa Ganjaran	168
Piagam Jawatankuasa Audit	170
Scorecard Korporat 2008-2010	176
Senarai Polisi Utama	178
Glosari Istilah	180
Butiran Lanjut	183



PERUTUSAN DARIPADA PENGERUSI Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha

MEMBINA ATAS KEKUATAN KAMI

"Kakitangan ialah tonggak kekuatan kami. Justeru itu, usaha membina di atas kekuatan kami akan menumpu terutamanya bagi membangunkan dan memanfaatkan bakat serta daya tenaga kakitangan kami."

Selepas usaha gigih untuk membina asas yang kukuh, saya berpuas hati untuk melihat, pada tahun 2007, pengesahan bebas mengenai kualiti kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"). Antara pencapaian kami pada 2007 terutamanya ialah penilaian audit pengurusan yang "Sangat Baik" daripada Jabatan Audit Negara dan penerimaan Certificate of Merit pada Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan ("NACRA") yang ditaja oleh *Malaysia Institute of Accountants*, Bursa Malaysia, *Malaysia Institute of Management* dan *Malaysian Institute of Certified Public Accountants*, untuk Laporan Tahunan 2006 kami. Kami juga berjaya mengetengahkan keupayaan kami dan negara kita di peringkat antarabangsa, apabila kami menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa ("IADI") Ke-6 pada Oktober tahun lepas.

Pengesahan bebas mengenai piawaian yang tinggi di PIDM sesungguhnya merupakan satu pengiktirafan penting, memandangkan usia organisasi kami yang masih lagi muda. Laporan 2007 kami berbanding penunjuk prestasi utama dalam Rancangan Korporat 2007-2009 dan projek tambahan pada 2007 sekali lagi menonjolkan kemajuan besar ke arah membangunkan organisasi dengan sistem semak dan imbang (*checks and balances*) yang perlu di samping terus efisien dan efektif.

Segala pencapaian ini, pada pandangan saya, mencerminkan kebolehan Lembaga Pengarah dan kakitangan kami, yang telah bekerja keras bagi membina sebuah organisasi yang mereka boleh banggakan, dan saya berbesar hati menjadi sebahagian daripadanya.

Antara penyumbang utama kepada kejayaan berterusan kami pada tahun 2007 termasuklah asas organisasi yang teguh, kerjasama erat dengan Bank Negara Malaysia ("BNM") dan rakan-rakan kongsi lain, serta komitmen kakitangan di PIDM.



PERUTUSAN DARIPADA PENGERUSI (sambungan)

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA

Membina Atas Kekuatan Kami

Walaupun kami memberi tumpuan terhadap menyediakan asas organisasi yang kukuh pada tahun-tahun sebelumnya, 2007 merupakan tahun membina di atas kekuatan yang sedia, membangunkan kapasiti dan keupayaan kami.

Pengurusan risiko yang utuh, kawalan dan proses-proses urus tadbir yang baik, serta keupayaan kawal aturan untuk bertindak dengan pantas dan berkesan, merupakan kunci kepada kejayaan PIDM.

Justeru itu, tumpuan kami pada 2007 termasuklah membangunkan kakitangan yang berbakat, komited dan bermotivasi; memperkasakan hubungan kami dengan rakan kongsi utama kami; memanfaatkan rangkaian antarabangsa kami bagi penyelidikan, pembelajaran dan pembangunan; dan menyediakan rangka kerja pengurusan risiko utama serta kawalan dalaman.

Di masa hadapan, kami akan terus membina di atas kekuatan-kekuatan ini untuk memenuhi mandat kami dan memastikan kami bersiap sedia dalam segala hal bagi menunaikan tanggungjawab kami kepada pemegang kepentingan, terutamanya, orang awam.

Rakan Kongsi Kami

Kerjasama kami yang unik dengan BNM juga membantu kami mencapai matlamat kami bagi 2007. Kami bersyukur dapat memanfaatkan hubungan kami dengan BNM, yang turut berkongsi matlamat yang sama dengan kami – bagi menggalakkan keyakinan awam dan mengukuhkan amalan pengurusan risiko yang mapan dalam sistem kewangan. Tahun lepas, antara pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, kami bekerjasama rapat dengan BNM, dengan berbincang mengenai pembangunan dasar dan peraturan utama kami. Ini termasuklah rangka kerja sistem premium berbeza kami, cadangan peraturan bagi terma dan syarat keanggotaan, dan kami juga berkongsi maklumat penting mengenai institusi anggota. Kami banyak meraih faedah daripada kekuatan dan sumber BNM, yang dikongsinya bersama kami.

Seperti sebelumnya, kami juga berinteraksi dan bekerjasama dengan institusi anggota, berbincang dengan mereka mengenai polisi

dan peraturan penting, dan kami terus membina asas pembekal utama.

Kakitangan Kami

Kekuatan dan kejayaan sesebuah organisasi bukan hanya terletak kepada struktur organisasi yang kukuh, tetapi juga kepada komitmen dan kecekapan kakitangannya. Kekuatan teras kami, tanpa diragui lagi, adalah kakitangan kami.

Organisasi kami memberi penekanan utama kepada sumber pentingnya, iaitu modal insan. PIDM berusaha untuk terus kompetitif dalam pasaran pekerjaan dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, serta menarik dan mengekalkan pekerja berbakat terbaik. Keputusan tinjauan pendapat kakitangan yang dijalankan pada tahun 2007, yang menunjukkan indeks kepuasan pada 79% telah memberikan dorongan dan harapan yang tinggi kepada saya. Daripada pemerhatian saya sendiri, sebelum keputusan itu diperolehi dan daripada hasil interaksi saya dengan individu dalam organisasi, saya dapati semangat kerja begitu tinggi, persekitaran kerja yang tidak tertanding, dan kakitangan yang komited serta berbangga mempunyai perkaitan dengan PIDM.

Kesimpulan Kata

Berdasarkan segala pencapaian ini, saya mampu mengatakan dengan penuh keyakinan bahawa PIDM mempunyai permulaan yang baik. Tugas kami untuk PIDM di masa hadapan sudah pastinya akan lebih mencabar dan kami perlu menumpu untuk mempertingkatkan kesediaan dan keberkesanan operasi kami, terutamanya berkaitan dengan pengendalian campur tangan dan resolusi.

Kami perlu terus membangunkan tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan yang berupaya menangani perkara-perkara seperti pengurusan krisis, campur tangan dan resolusi kegagalan bank-bank yang bermasalah, sistem pengurusan pembayaran dan rancangan pemulihan bencana. Oleh itu, kami perlu mempunyai persediaan yang baik, dan banyak usaha akan ditumpukan kepada latihan, memajukan kecekapan dan pembangunan kumpulan kakitangan yang berbakat.

Perbincangan kami di persidangan IADI di Kuala Lumpur mengenai perlindungan pengguna turut membuahkan hasil, dengan krisis bank Northern Rock di United Kingdom yang mengingatkan kami bahawa keyakinan awam, yang sememangnya rumit, tidak seharusnya dipandang ringan. Sememangnya kami menyedari akan keperluan mengekalkan keyakinan, dan sehubungan ini, kami akan meneruskan usaha mempertingkatkan kesedaran awam di Malaysia mengenai faedah dan batasan sistem insurans deposit.

Inisiatif-inisiatif ini, bagaimanapun, tidak akan memalingkan perhatian kami terhadap usaha untuk melaksana dan mengamalkan budaya urus tadbir berpiawaian dalam seluruh organisasi. Dalam Laporan Tahunan 2006, kami melaporkan bahawa Lembaga mematuhi 10 daripada 15 piawaian Polisi Urus Tadbir Lembaga kami. Pada tahun 2007, sukacita ingin saya nyatakan bahawa kami telah mencatatkan kemajuan ketara dengan empat piawaian lain, dan kami mempunyai satu lagi baki – perancangan penggantian bagi pengurusan utama – dalam agenda bagi tahun 2008.

Daripada perspektif urus tadbir, saya yakin rakan setugas lain dalam Lembaga Pengarah bersetuju bahawa PIDM setakat ini telah mengguna pakai dan melaksanakan amalan terbaik antarabangsa, dan setiap seorang daripada kami komited untuk meneruskan usaha ini.

Ucapan Penghargaan

Bagi semua pencapaian ini, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terutang budi kepada rakan-rakan setugas dalam Lembaga Pengarah. Mereka telah membuktikan bahawa mereka begitu berdedikasi, menerima pemilikan dan kebertanggungjawaban bagi urusan dan hal ehwal organisasi ini. Mereka berusaha gigih bersama pihak Pengurusan, walaupun mempunyai jadual ketat serta tanggungjawab lain. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Sri Izzuddin bin Dali yang telah menamatkan perkhidmatannya pada hujung bulan Februari 2007 dan mengalu-alukan penggantinya Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin

Wan Abdullah. Sumbangan setiap ahli Lembaga amat berharga dan saya berharap akan dapat terus bekerja bersama lagi.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih tulus ikhlas kepada Encik Jean Pierre Sabourin, Ketua Pengarah Eksekutif PIDM, di atas usahanya yang begitu unggul. Selain menyumbang kepakaran serta rangkaian luasnya dalam insurans deposit, dari hari pertama lagi, beliau berpegang kepada Visi dan Misi yang jelas dan berusaha ke arah mencapai penunjuk prestasi utama yang mencabar serta memberi dorongan kepada pasukannya meneruskan profesionalisme dan kecemerlangan. Saya yakin hasil keputusan Perbadanan sudah jelas membuktikannya dan tiada lain yang mampu saya katakan selain memberi penghargaan kepada Encik Sabourin di atas kepimpinan cemerlangnya.

Akhir sekali, matlamat kami pada tahun 2007 tidak akan tercapai tanpa usaha gigih dan pembabitan kakitangan kami. Pencapaian kami merupakan bukti jelas mengenai semangat, komitmen dan keupayaan mereka. Sebagai mewakili Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kami.

Ketika kita terus mara ke hadapan, saya yakin kita telah mempunyai asas untuk mengemudi PIDM, malahan mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang lebih tinggi lagi di tahun-tahun yang akan datang. Sebagai Pengerusi PIDM, saya amat berbangga dan berbesar hati untuk menerajui organisasi di mana kakitangannya bekerja tanpa kenal penat lelah untuk membangunkan sistem insurans deposit bertaraf dunia bagi faedah pendeposit dan sistem kewangan negara.

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
18 Februari 2008



PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Jean Pierre Sabourin

Tahun 2007 merupakan satu lagi tahun yang mencatatkan kemajuan pesat bagi PIDM serta beberapa pencapaian yang julung kali diraih. Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan terus berusaha untuk bekerja dengan sikap mementingkan kesegeraan, menumpukan kepada inisiatif yang diberi keutamaan seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat kami. Antara keutamaan penting kami termasuklah (1) membangunkan polisi dan peraturan sebagai insentif bagi pengurusan risiko yang mantap; (2) membangunkan sistem penilaian risiko kami; (3) melaksanakan inisiatif untuk memaklumkan kepada pengguna kami dan menggalakkan keyakinan dalam sistem kewangan; (4) menonjolkan diri kami di peringkat antarabangsa; dan (5) meneruskan, seperti sebelumnya, untuk membangun dan mempertingkatkan urus tadbir dan amalan pengurusan terbaik, termasuk rangka kerja pengurusan organisasi kami. Pada masa yang sama, kami menyedari cabaran untuk membangunkan set kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan sistem insurans deposit dengan berkesan di Malaysia, jadi kami terus bekerja keras untuk menarik, membangun, dan mengekalkan ramuan penting kepada kejayaan kami – kakitangan kami.

Semua inisiatif ini mustahak kepada Misi kami – untuk melindungi pendeposit dengan lebih cekap dan berkesan, mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap, dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan kami. Pencapaian berterusan kami pada tahun 2007 telah mendekatkan lagi kami kepada sasaran untuk memenuhi Visi kami menjadi salah satu peneraju penginsurans deposit paling efektif di Asia Tenggara.

Ia merupakan satu tahun yang menunjukkan pelbagai pencapaian yang julung. Antaranya ialah –

- Kami membangunkan rangka kerja sistem premium berbeza (“SPB”) pertama kami, peraturan berkaitannya, dan peraturan terma dan syarat keanggotaan, yang kami jangka berkuatkuasa pada tahun 2008. Ini akan menggalakkan lagi pengurusan risiko yang lebih mantap dalam sistem kewangan, sejajar dengan matlamat mandat kami.
- Buat pertama kalinya, kami menganjurkan dialog dengan institusi anggota kami susulan penerbitan Laporan Tahunan 2006 kami, agar institusi anggota boleh berinteraksi dengan ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
- Kami berbincang dengan menyeluruh bersama institusi anggota dan pemegang kepentingan yang lain bagi pembangunan peraturan kami.

PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (sambungan)

JEAN PIERRE SABOURIN

- Pameran Kewangan Malaysia 2007 (“MYFex 2007”), pameran kewangan paling menyeluruh pada tahun itu, diadakan di Pusat Pameran Mid Valley. Bersama dengan institusi anggota kami dan badan berkaitan lain, pameran ini merupakan satu daripada antara pelbagai inisiatif untuk menyumbang kepada pendidikan pengguna yang lebih baik lagi mengenai isu kewangan.
- Program capaian korporat pertama kami diadakan pada Oktober di Pulau Pinang, membolehkan ketua-ketua perniagaan dan komuniti di luar Kuala Lumpur bertemu dengan ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan kami. Kami juga mengadakan sesi taklimat awam mengenai insurans deposit dan merancang mengadakan program capaian seumpama itu di semua bandar-bandar utama di Malaysia di masa yang lain.
- Pada akhir bulan Oktober, kami menganjurkan Persidangan Tahunan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (“IADI”) Ke-6 di Kuala Lumpur. Persidangan itu mencapai kejayaan besar dan berjaya menarik bilangan peserta paling ramai serta tokoh pemikir dari seluruh dunia.
- Tinjauan terhadap tahap kepuasan kakitangan kami yang kali pertama diadakan, mencatatkan indeks kepuasan pada 79%, mengatasi sasaran kami.
- Kami menerima penilaian audit pengurusan pertama kami dengan penarafan paling tinggi iaitu “Sangat Baik”.
- Kami menerima “Certificate of Merit” di Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan bagi Laporan Tahunan 2006 kami.
- Kami juga menggabungkan proses perancangan korporat dan strategik kami dengan proses pengurusan risiko organisasi (“ERM”) menyeluruh. Kami bukan sahaja terus melaksanakan proses yang menggalakkan kecekapan, tetapi juga melakukannya dengan cara yang dapat menjadikan kami lebih efektif dalam menjangka dan bertindak balas kepada perubahan.

Laporan Kewangan Kami

Rangka kerja kebertanggungjawaban kami menuntut kami menyediakan maklumat yang boleh dipercayai, bermakna dan tepat pada masa kepada pemegang kepentingan kami. Setiap tahun kami menerbitkan dan mengedarkan dengan meluas Rancangan Korporat yang merangkumi prestasi berbanding penunjuk prestasi utama, agar pemegang kepentingan memahami rancangan dan inisiatif kami. Kami juga menyerahkan penyata kewangan dan laporan tahunan kami kepada Menteri Kewangan, menjelang 31 Mac setiap tahun, untuk dibentangkan di Parlimen seperti yang dikehendaki undang-undang. Justeru itu, laporan kami merangkumi kewangan dan juga maklumat prestasi.

Keadaan industri perbankan masih menggalakkan dan, pada tahun 2007, keanggotaan kami bertambah sebuah lagi kepada 33 dengan kemasukan Asian Finance Bank Berhad. Institusi anggota kami terdiri daripada 22 bank perdagangan dan 11 bank Islam pada 31 Disember 2007. Dengan pertumbuhan deposit yang dipegang Institusi anggota, jumlah deposit yang diinsurans juga berkembang daripada RM165 bilion pada tahun 2006 kepada RM179 bilion pada tahun 2007. Premium yang ditaksir berjumlah RM110.2 juta pada tahun 2007, berbanding RM102.2 juta pada tahun 2006. Sejajar dengan polisi pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan undang-undang, kami melabur lebihan dana kami dalam instrumen yang selamat dan berkecayaan tinggi. Pendapatan daripada pelaburan kami berjumlah RM5.8 juta dan membentuk 5% daripada jumlah pendapatan kami.

Pada 31 Disember, kami mencatatkan jumlah perbelanjaan operasi RM27.1 juta, RM6.9 lebih rendah berbanding bajet dan RM12.1 juta lebih tinggi berbanding 2006. Peningkatan utama dalam perbelanjaan operasi pada tahun 2007 datang daripada pelaksanaan strategi modal insan dan komunikasi, iaitu, pengambilan kakitangan baru, gaji dan manfaat, iklan dan perhubungan awam.

Kami mencatatkan lebihan RM88.8 juta berbanding RM89.9 juta pada tahun 2006.

Hasilnya, pada 31 Disember 2007, Dana Insurans Deposit Konvensional berjumlah RM190.4 juta manakala Dana Insurans Deposit Islam berjumlah RM20.9 juta.

Berkaitan penyata kewangan kami, Ketua Audit Negara sekali lagi mengeluarkan pandangan audit tanpa teguran, yang juga mengesahkan lagi usaha kami untuk melaksanakan kawalan dalaman dan pelaporan yang lebih kukuh bagi pengurusan dana kami.

Menggalakkan Pengurusan Risiko Efektif, Luaran Dan Dalaman

Seperti yang dirancang sejak Rancangan Korporat 2006-2008 pertama kami, usaha polisi utama pada tahun 2007 ialah memastikan SPB dan peraturannya bersedia untuk dilaksanakan pada tahun 2008. Penyiapan rangka kerja itu adalah signifikan, memandangkan usia kami yang masih baru, dan hakikat bahawa kami berada di rantau di mana hanya sebuah negara lain yang mempunyai SPB, iaitu Taiwan. Di bawah sistem SPB konvensional dan Islam kami, institusi anggota akan dinilai berdasarkan profil risiko mereka dan ditempatkan ke dalam kategori risiko yang sesuai, dan mereka akan membayar premium yang berbeza. Sistem itu bukan sahaja lebih saksama, tetapi apa yang lebih penting, ia akan menggalakkan institusi anggota menguruskan risiko mereka dengan lebih berhemat. Set peraturan kedua, Terma dan Syarat Peraturan Keanggotaan, juga dibangunkan, dengan sasaran mengurangkan risiko pendedahan kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit. Jika terdapat sebarang pelanggaran syarat, peraturan ini melibatkan potensi penalti termasuk surcaj premium di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Mandat “kos paling sedikit” juga memerlukan kami memantau dengan rapi dan menilai risiko sedia ada dan sedang muncul daripada institusi anggota kami dan ini merupakan fungsi utama Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan kami. Pada tahun 2007, kami membangunkan sistem teknologi maklumat penilaian risiko menyeluruh. Sistem automasi kami akan menarik maklumat mengenai institusi anggota daripada pangkalan data BNM dan

dengan itu, mengurangkan jumlah masa yang dihabiskan oleh penilai risiko kami untuk menyalin data. Ini membolehkan mereka menggunakan masa mereka dengan lebih produktif bagi menganalisis maklumat dan menghasilkan laporan pengurusan.

Dalam tahun 2007, kami bukan sahaja menggalakkan pengurusan risiko yang mantap di kalangan institusi anggota kami, tetapi kami juga menyudahkan pembangunan kami sendiri, amalan terbaik, rangka kerja pengurusan risiko organisasi, yang kami berbangga untuk melaporkannya, pada muka surat 81 dalam Laporan Tahunan ini. Dalam industri yang mempunyai risiko unik yang ketara kepada sistem kewangan dan di mana pengurusan risiko harus digalakkan, kami berhasrat untuk mempamer amalan terbaik dalam pengurusan risiko kami, bagi membuktikan kredibiliti dan kebolehan.

Ke Arah Kesedaran Awam Yang Lebih Tinggi

Perbincangan hangat dan kesimpulan daripada Persidangan Tahunan IADI yang bertemakan “Insurans Deposit dan Perlindungan Pengguna” hanya mengukuhkan kepercayaan kami bahawa kesedaran awam perlu wujud bagi sistem insurans deposit yang efektif.

Memandangkan sejarah singkat kami, tahap kesedaran rendah mengenai insurans deposit di Malaysia bukan suatu yang tidak dijangka. Kami sedar bahawa orang awam harus memahami apakah insurans deposit dan bagaimana kami menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. Tahun 2007 menandakan pelancaran dan pelaksanaan Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007-2011 kami. Dalam tahun pertama perancangan ini, kami menjalankan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran insurans deposit menggunakan banyak saluran termasuk iklan cetak dan penyiaran, taklimat, jerayawara, pameran dan perhubungan media. Selain itu, seperti yang disebut sebelum ini, kami juga terus menyumbang kepada peningkatan pengetahuan mengenai kewangan di Malaysia dengan menganjurkan MYFex 2007, pameran kewangan paling menyeluruh yang menarik kunjungan

PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (sambungan)

JEAN PIERRE SABOURIN

lebih 5,000 pelawat. Usaha-usaha ini telah membawa kepada peningkatan dalam tahap keseluruhan kesedaran insurans deposit daripada 13% (2006) kepada 15% (2007). Meskipun tahap kesedaran umum pada 15% masih di bawah sasaran 30%, tahap pemahaman ciri-ciri sistem insurans deposit di kalangan mereka yang mengetahui mengenai perkara itu menunjukkan peningkatan ketara. Juga, dalam kumpulan tertentu, sasaran 30% kami telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Dari segi golongan profesional, pengurus dan eksekutif, tahap kesedaran meningkat daripada 26% dari tahun 2006 kepada 35%. Bagi mereka yang memiliki ijazah, sarjana, kedoktoran atau kelayakan profesional, kesedaran dalam kumpulan itu meningkat daripada 19% kepada 31%.

Di masa hadapan, inisiatif kami bagi tahun 2008 akan berasaskan kepada pendekatan yang disasar menggunakan inisiatif khusus bagi khalayak sasaran yang berbeza. Kami menjangka dapat meningkatkan kesedaran dengan lebih ketara dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Undang-undang dan proses perlindungan pendeposit juga dibangunkan termasuk Peraturan Keperluan Maklumat mengenai Insurans Deposit dan Garis Panduan mengenai Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Diinsurans. Tujuan Keperluan Maklumat mengenai Insurans Deposit adalah untuk memastikan pendeposit menerima maklumat yang benar dan tepat pada masa bagi memudahkan membuat keputusan yang berdasarkan maklumat. Garis Panduan mengenai Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Diinsurans, bertujuan menyediakan kejelasan mengenai produk deposit yang mana dilindungi, agar PIDM boleh menentukan tahap obligasinya jika ia perlu membuat pembayaran bagi kegagalan sesebuah bank, dan mengurangkan ketidakpastian di kalangan orang awam dan institusi anggota mengenai deposit yang mana diinsuranskan. Hasilnya, orang awam yang mendeposit akan dapat memastikan produk yang mana diinsurans dan yang mana tidak diinsurans.

Kejayaan Persidangan Tahunan IADI Ke-6 yang kami anjurkan dalam tahun 2007 merupakan satu kepuasan peribadi, apabila saya menyudahkan tempoh enam tahun saya sebagai Presiden dan Pengerusi Majlis Eksekutif

IADI sejak ia ditubuhkan. Pada September, menjelang tarikh persidangan kami yang bertemakan "Insurans Deposit dan Perlindungan Pengguna", saya tertarik dengan peristiwa yang berkaitan dengan krisis bank Northern Rock di United Kingdom. Kejadian ini, meskipun suatu yang malang bagi orang awam di U.K, menyediakan kes praktikal kepada persidangan untuk dipelajari dan dianalisis serta dibincangkan dengan lebih terperinci. Ia membawa kepada syor-syor yang bermanfaat mengenai penyampaian maklumat kepada orang awam tentang insurans deposit. Cadangan dan kesimpulan daripada persidangan itu, saya percaya, menguatkan lagi pilihan tema kami, dan peristiwa ini telah meningkatkan penekanan kepentingan perlindungan pengguna di kalangan rakan kongsi antarabangsa kami dalam bidang ini.

Selain itu, keputusan Persidangan ini mengukuhkan matlamat kewujudan IADI, iaitu, untuk berkongsi kepakaran insurans deposit di kalangan penginsurans deposit dan pihak-pihak yang berminat. Walaupun saya telah bersara sebagai Presiden dan Pengerusi Majlis Eksekutif, PIDM dan saya akan terus melibatkan diri di peringkat antarabangsa berhubung perkara ini, agar penginsurans deposit global boleh berkongsi objektif kami dalam menggalakkan kestabilan kewangan di seluruh dunia dan Malaysia boleh terus memainkan peranannya sebagai sebahagian daripada peneraju pemikir. Kami terus menjadi anggota Kumpulan Garis Panduan IADI dan mempengerusikan Kumpulan Insurans Deposit Islam.

Kesediaan

Tanpa sebarang keraguan, kakitangan kami adalah dan, akan terus menjadi, aset paling penting kami. Kami telah berusaha keras untuk merekrut, membangun dan mengekalkan kakitangan berbakat, menggalakkan sikap dan etika yang betul dan berusaha menyediakan persekitaran kerja yang kondusif. Seajar dengan rancangan strategik modal insan kami, kami telah merekrut kumpulan golongan muda yang berbakat, memperkenalkan polisi imbuhan dan manfaat yang menyeluruh, skim ganjaran dan pengiktirafan dan program bantuan kakitangan, serta program kesihatan dan keselamatan. Pada penghujung tahun lepas, kami membuat penilaian inisiatif kami dan

menjalankan tinjauan pendapat kakitangan yang pertama bagi mengukur keberkesanan usaha untuk menjadikan PIDM sebuah majikan pilihan. Kaji selidik kami itu juga bertujuan membolehkan para kakitangan menyuarakan pandangan mereka berhubung perkara ini, dan untuk menunjukkan kepada mereka komitmen kami menghargai sumbangan idea mereka serta menentukan bahagian mana yang perlu ditambah baik. Keputusan indeks kepuasan kakitangan kami ialah pada 79% - jelas mengatasi sasaran kami pada 75%! Juga suatu yang menggembirakan apabila mengetahui semua kakitangan kami memahami bagaimana penunjuk prestasi utama mereka berkait dengan Rancangan Korporat dan lebih 80% akan mengesyorkan PIDM kepada orang lain sebagai tempat untuk bekerja.

Kakitangan kami juga terlibat dalam program tanggungjawab sosial korporat ("CSR") kami. Dari segi CSR, tahun ini, kami mengambil peluang untuk mendapatkan penerimaan (buy-in) kakitangan dan ahli Lembaga Pengarah kami, menubuhkan kumpulan petugas khas CSR, dan menjadikan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat kami sebagai suatu yang rasmi. Perkara teras kami ialah seperti berikut - kebajikan kakitangan, pembabitan komuniti dan alam sekitar. Setiap individu dalam Perbadanan dikehendaki menyokong polisi ini di bawah kod etika kami, sebagai pengiktirafan hasrat kami untuk menyertai sebagai warga korporat dan juga menggalakkan pembabitan kakitangan sebagai sebahagian daripada pembangunan mereka. Laporan ini menjelaskan mengenai usaha kami setakat ini, dalam tiga aspek perkara-perkara teras ini. Dari segi alam sekitar, kami baru mula melaksanakan inisiatif kami ke arah kecekapan yang lebih baik dari segi pengurangan penggunaan kertas dan langkah-langkah kitar semula. Di masa hadapan, sebagai sebahagian daripada inisiatif pengurusan, kami juga akan terus meningkatkan kecekapan dan pengurangan pembaziran dalam operasi kami.

Setelah meletakkan asas dari segi urus tadbir dan struktur operasi teras serta peraturan utama, kami kini berkedudukan baik ke arah pencapaian penuh satu daripada objektif korporat utama kami, iaitu kesediaan.

Memetik kata-kata tokoh strategi agung Sun Tzu, "Untuk ... tidak bersedia merupakan satu jenayah paling besar; untuk bersedia terlebih dahulu bagi sebarang keadaan luar jangka merupakan kelebihan yang paling baik."

Pada tahun 2008 dan seterusnya, kami akan melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai persiapan bagi keadaan luar jangka. Antaranya kami merancang menjalankan pembangunan dan pelaksanaan SPB, menyiapkan rangka kerja campur tangan dan resolusi, sistem pembayaran semula kepada pendeposit dan sistem pengurusan krisis. Kami juga merancang memanfaatkan teknologi bagi memastikan kualiti dan keberkesanan operasi kami, terutamanya dalam bahagian penilaian risiko, bayaran dan operasi sumber manusia. Berkaitan keupayaan dan kapasiti, kami akan terus menumpu kepada latihan dan pembangunan kakitangan dan inisiatif modal insan lain sebagai sebahagian daripada strategi modal insan kami.

Kesimpulan

Kami amat berpuas hati dengan kemajuan kami setakat ini, dan dengan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Lembaga Pengarah yang sentiasa memberi sokongan padu dan setiap daripada kakitangan kami yang berdedikasi dan bekerja keras termasuk pasukan Pengurusan kami yang begitu berharga.


Tidak dinafikan pasti ada tempoh-tempoh yang mencabar di masa hadapan. Namun dengan bimbingan daripada ahli Lembaga Pengarah, sokongan berterusan kumpulan kami dan kerjasama erat dengan BNM, kami akan dapat mencapai objektif kami. Saya begitu bersemangat dan berharap dapat bekerja dengan pasukan kami ke arah mencapai satu lagi tahun yang membawa kejayaan.





JEAN PIERRE SABOURIN
18 Februari 2008


 LEMBAGA PENGARAH





 Tan Sri Dato' Sri
Dr. Zeti Akhtar Aziz


 Tan Sri Dato'
Abdul Aziz
bin Haji Taha

 Tan Sri Dato' Seri Haji
Mohd Azmi bin Dato'
Haji Kamaruddin

 Encik Michael Wong Kuan Lee

 Datuk Dr. Abdul Samad
bin Haji Alias

 Dato' Sri
Dr. Wan Abdul Aziz
bin Wan Abdullah

 Dato' Sri
Dr. Sulaiman
bin Mahbob

Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha (Pengerusi)

Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha ialah Pengerusi PIDM. Beliau seorang akauntan bertauliah yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang perbankan dan kewangan. Beliau telah berkhidmat selama 16 tahun di Bank Negara Malaysia, termasuk sebagai Gabenor dari tahun 1980 hingga 1985. Dalam tempoh tersebut, beliau telah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Terbitan Modal, sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing, Majlis Perancangan Pembangunan Kebangsaan, Panel Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysian Industrial Development Finance Berhad dan Perbadanan Nasional Berhad. Setelah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia, beliau menjadi rakan kongsi Tetuan Kassim Chan & Co/Deloitte Haskins & Sells Malaysia. Selepas bersara daripada firma tersebut dalam tahun 1995, beliau terus aktif dalam sektor swasta dan hal kebajikan.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia pada Mei 2000. Beliau berkhidmat di bank pusat sejak 1985, dan kerjaya beliau meliputi pelbagai jawatan kanan dalam polisi monetari dan kewangan serta pengurusan rizab. Semasa kemuncak krisis kewangan Asia, beliau dilantik sebagai Pemangku Gabenor pada 1 September 1998, dan berjaya menguruskan pelaksanaan kawalan pertukaran asing terpilih bagi memulihkan kestabilan dan menggalakkan pemulihan ekonomi Malaysia. Di Bank Negara Malaysia, Dr. Zeti mempengerusikan penggubalan Pelan Induk Sektor Kewangan, satu pelan 10 tahun bagi pembangunan sistem kewangan Malaysia. Sebagai Gabenor, Dr. Zeti turut menyelia transformasi sistem kewangan terutamanya reformasi kewangan yang meluas, evolusi institusi kewangan baru, pengukuhan pasaran kewangan serta pembangunan pesat kewangan Islam serta perubahan kepada apungan terurus pertukaran asing Ringgit. Dr. Zeti menerima ijazah sarjana muda sains (Kepujian) dalam bidang Ekonomi daripada Universiti Malaya dan ijazah doktor falsafah daripada University of Pennsylvania. Beliau banyak menulis dalam bidang ekonomi

monetari dan kewangan, kewangan Islam, aliran modal, pengurusan makro ekonomi, reformasi dan penstrukturan semula kewangan. Sebelum memulakan kerjayanya di Bank, beliau berkhidmat di Southeast Asian Central Banks Research and Training Centre (SEACEN) dari 1979-1984, di mana beliau telah menjalankan penyelidikan dalam bidang polisi dan reformasi kewangan di rantau Asia Tenggara. Dr. Zeti juga terlibat dengan aktif dalam pembangunan kewangan Islam dan kerjasama kewangan serantau.

Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan. Beliau berpengalaman lebih 30 tahun dalam sektor awam, kebanyakannya dalam bidang perancangan ekonomi. Beliau memulakan kerjayanya di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 1975, menyandang pelbagai jawatan dalam bidang ekonomi makro, sumber manusia dan tenaga. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif (Bergilir) bagi World Bank Group di Washington DC (1998-2001), di mana beliau mewakili beberapa negara Asia. Beliau kemudiannya kembali ke Malaysia dan berkhidmat di Kementerian Kewangan sehingga 2007, apabila beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Ketika ini beliau menjadi ahli lembaga pengarah bagi pertubuhan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Malaysia Airlines System Berhad, PETRONAS, Malaysia International Shipping Corporation, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd., Kuala Lumpur International Airport Berhad dan Bank Negara Malaysia. Dr. Wan Abdul Aziz menerima ijazah doktor falsafah dalam Ekonomi daripada University of Leeds, United Kingdom.

Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Azmi bin Dato' Haji Kamaruddin

Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Azmi bin Dato' Haji Kamaruddin ialah Pengerusi Biro Pengantaraan Kewangan.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Penghakiman dan Perundangan Malaysia sebagai majistret, Penolong Kanan Pendaftar dan Hakim Mahkamah Sesyen di beberapa negeri di Malaysia, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Timbalan Pendakwaraya Awam bagi negeri Kelantan, Penasihat Undang-Undang Negeri bagi negeri Selangor dan Ketua Pendaftar di Mahkamah Persekutuan. Beliau dilantik Hakim Mahkamah Tinggi pada tahun 1970 dan Hakim Mahkamah Persekutuan pada tahun 1980 sebelum bersara dari bidang Kehakiman pada tahun 1999. Beliau juga pernah dilantik oleh Majlis Raja-Raja sebagai Hakim Mahkamah Khas untuk tempoh tiga tahun. Sorotan penting lain dalam kerjaya beliau termasuklah menjadi Penimbang Tara di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur, ahli Panel Penimbang Tara Malaysia yang bergabung dengan International Chamber of Commerce Court of Arbitration yang beroperasi di Paris, dan Hakim Tribunal Jenayah Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rwanda.

Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob

Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob merupakan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi ("UPE") Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum itu beliau merupakan Presiden Institut Integriti Malaysia, iaitu agensi yang ditubuhkan untuk melaksanakan Pelan Integriti Nasional. Beliau juga merupakan Profesor Kehormat (Ekonomi) di Universiti Malaya dan di Universiti Utara Malaysia (Pengurusan Awam dan Undang-Undang).

Beliau berpengalaman dalam bidang perancangan ekonomi kebangsaan, kewangan awam, polisi awam dan pengurusan ekonomi negara secara menyeluruh. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama 33 tahun, dari tahun 1971 sehingga tahun 2004, dan menyandang pelbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, *Under-Secretary* (Ekonomi) di Kementerian Kewangan, dan Pengarah UPE di Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga merupakan Pengerusi pertama bagi Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan ahli Lembaga Pengarah

bagi Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Perbadanan Perkapalan Malaysia Berhad dan Padiberas Nasional Berhad. Semasa krisis kewangan pada tahun 1998, beliau dilantik menjadi Ketua Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias

Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias ialah Felo di *Institute of Chartered Accountants di Australia*. Beliau berpengalaman luas dalam bidang pengauditan dan perakaunan. Beliau kini memegang jawatan Pengerusi Bukan Eksekutif bagi Ernst & Young Malaysia, Pengerusi Malaysia Venture Capital Management Berhad, dan Pengerusi Malaysia Debt Venture Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi Lembaga Tabung Haji, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Felda Holdings Berhad dan TH Plantations Berhad. Beliau juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Pada tahun 2006, Datuk Dr. Abdul Samad menerima pengiktirafan antarabangsa melalui Anugerah Pencapaian di Asia oleh Association of Chartered Certified Accountants.

Encik Michael Wong Kuan Lee

Encik Michael Wong Kuan Lee ialah perunding bagi firma guaman Tetuan Shook Lin & Bok. Beliau merupakan rakan kongsi firma tersebut selama 23 tahun, di mana 19 tahun dihabiskan sebagai Rakan Kongsi Urusan. Beliau bersara pada Disember 1991. Beliau memegang jawatan pengarah dalam beberapa syarikat senarai awam.

Beliau pernah berkhidmat sebagai penasihat undang-undang kepada pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa termasuk bank, bank saudagar, firma pengurusan aset dan sekuriti, Bank Negara Malaysia, dan Persatuan Bank-Bank Malaysia. Beliau juga menerima beberapa pelantikan awam dan pernah menjadi ahli kepada Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, ahli dalam Dewan Negara, ahli Majlis Kolej Tunku Abdul Rahman dan ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia.



Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jean Pierre Sabourin

Ketua Pegawai Eksekutif

Lai Wai Keen

Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa

Lee Yee Ming

Ketua Pengawai Risiko dan Pengurus Besar**, Pengurusan Risiko Organisasi

Lim Yam Poh*

Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat

Md. Khairuddin bin Haji Arshad*

Pengurus Besar, Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan

Noorida Baharuddin

Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundingan

S. Loganathan

Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

Siti Zubaidah Haron

Pengurus Besar, Sumber Manusia

Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Loffi*

Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran

* Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

** Berkuatkuasa 1 Januari 2008.

1. Noorida Baharuddin
2. Md. Khairuddin bin Haji Arshad
3. Lim Yam Poh
4. Lai Wai Keen
5. Jean Pierre Sabourin
6. Siti Zubaidah Haron
7. Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
8. Lee Yee Ming
9. S. Loganathan
10. Sherilin Mohd. Ali (bukan ahli JPE: Setiausaha kepada JPE)





JEAN PIERRE SABOURIN **Ketua Pegawai Eksekutif**

Jean Pierre Sabourin adalah Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"). Beliau mempunyai pengalaman luas dalam semua aspek mengenai insurans deposit dan kepakaran beliau sering menjadi permintaan di peringkat antarabangsa. Pelbagai negara telah meminta bantuan beliau untuk mewujudkan atau meningkatkan keberkesanan sistem insurans deposit mereka. Pencapaian beliau termasuk mempengerusikan kajian antarabangsa dan kumpulan kerja mengenai insurans deposit anjuran Forum Kestabilan Kewangan (Financial Stability Forum) dan mempengerusikan Dialog Polisi APEC Mengenai Insurans Deposit (APEC Policy Dialogue on Deposit Insurance) yang pertama. Pada bulan Mei 2002, beliau telah menerajui pembentukan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (International Association of Deposit Insurers) dan telah dilantik sebagai Presiden dan memegang Kerusi pertama dalam Majlis Eksekutif. Jawatan tersebut dipegang hingga akhir tahun 2007. Beliau bertugas di Canada Deposit Insurance Corporation ("CDIC") sejak tahun 1976, dan telah menjawat pelbagai jawatan di CDIC sebelum dilantik sebagai Presiden dan KPE pada tahun 1990, sehingga persaraan beliau pada tahun 2005. Di bawah pimpinan beliau, PIDM berusaha menjadi penginsurans deposit yang berlandaskan amalan-amalan terbaik. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat bagi Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance). Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Master of Business Administration) dari University of Toronto.

LAI WAI KEEN **Pengurus Besar,** **Bahagian Polisi dan Antarabangsa**

Lai Wai Keen adalah Pengurus Besar Bahagian Polisi dan Antarabangsa. Beliau bertanggungjawab ke atas polisi-polisi penting dan perhubungan antarabangsa PIDM. Beliau merupakan salah seorang ahli Pasukan Petugas Insurans Deposit di Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem insurans deposit. Pasukan Petugas tersebut bertanggungjawab membentuk polisi yang mengambil kira keperluan khas pendeposit dan sistem kewangan Malaysia.

Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman mengawal atur di Bank Negara Malaysia, termasuk dalam bidang pengawalan bank, komunikasi, hubungan antarabangsa dan perundangan. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaya dan ijazah undang-undang dari University of London.

LEE YEE MING **Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus** **Besar, Bahagian Pengurusan Risiko** **Organisasi**

Lee Yee Ming ialah Pengurus Besar bagi Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM yang meliputi seluruh organisasi dan menyokong Lembaga Pengarah dengan memastikan risiko utama PIDM sentiasa dikenal pasti, dinilai, diuruskan, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Beliau mempunyai sembilan tahun pengalaman dalam bidang perundangan dan perbankan mengenai Pengurusan Risiko Organisasi, Basel II, urus tadbir korporat dan audit dalaman. Beliau memulakan kerjaya dengan sebuah institusi

kewangan di Illinois, AS dan berikutan itu, menyertai Ernst & Young di pejabat Kuala Lumpur, Malaysia dan Taipei, Taiwan. Berhubung dengan Pengurusan Risiko Organisasi, beliau telah menasihati 16 syarikat awam yang disenaraikan di Malaysia dan sebuah organisasi Korea berkenaan dengan pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing. Beliau juga pernah membantu bank-bank di Taiwan sebagai pengurus projek keseluruhan dalam pelaksanaan sistem Basel II dan projek-projek berkenaan dengan pelaksanaan Basel II. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Summa Cum Laude) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan Kewangan dari Western Michigan University, AS. Beliau juga adalah Juruaudit Dalaman Bertauliah. Berkuatkuasa 1 Januari 2008, beliau mengetuai Bahagian ini sebagai Pengurus Besar dan Ketua Pegawai Risiko.

LIM YAM POH **Kaunsel Am dan** **Setiausaha Korporat**

Lim Yam Poh adalah Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat, yang bertanggungjawab bagi semua nasihat guaman untuk PIDM dan perkhidmatan seperti kontrak, rundingan penyelesaian dan litigasi. Beliau juga memastikan bahawa PIDM mematuhi semua bidang statutori yang disyaratkan, termasuk perundangan spesifik mengenai operasi dan hal-ehwal PIDM seperti Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 dan undang-undang kecil lain, perundangan institusi kewangan lain, dan perundangan agensi berkanun dan majikan berperaturan. Beliau juga berkhidmat sebagai Setiausaha Korporat dan menyediakan semua perkhidmatan guaman yang berkaitan dengan Lembaga Pengarah. Secara khususnya, beliau memberi input dan nasihat kepada Jawatankuasa Urus Tadbir yang dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pengarah PIDM bagi memantau dan menangani perkara-perkara urus tadbir.

Beliau mempunyai lebih tujuh tahun pengalaman dengan sebuah firma perundangan terkemuka di Kuala Lumpur. Beliau telah berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari tahun 1997 hingga 2000 dan sebagai pengurus kanan di Hong Kong Securities and Futures Commission antara 2000 dan 2005. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang LLB (Hons.) dari University of Birmingham, England dan menjadi ahli Bar of England and Wales dan Majlis Peguam Malaysia.

MD. KHAIRUDDIN BIN HAJI ARSHAD **Pengurus Besar, Bahagian Insurans,** **Penilaian Risiko Dan Pemantauan**

Md. Khairuddin bin Haji Arshad adalah Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan. Beliau bertanggungjawab ke atas analisis dan pemantauan tahap risiko institusi-institusi anggota PIDM serta resolusi menangani kegagalan dan campur tangan bagi institusi anggota bermasalah. Sebelum ini, beliau berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia selama 15 tahun di Jabatan Pengawalan Bank dan Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. Beliau berpengalaman luas dalam perbankan dan kewangan Islam dan kini merupakan ahli kumpulan kerja Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board) mengenai urus niaga kewangan Islam. Beliau turut menyumbang bantuan teknikal kepada beberapa negara dalam membentuk industri perbankan Islam mereka serta membentangi kertas kerja di seminar tempatan dan antarabangsa. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.



NOORIDA BAHARUDDIN **Ketua Audit Dalam dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundingan**

Noorida Baharuddin ialah Ketua Audit Dalam dan mengetuai Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Tanggungjawab utama beliau adalah untuk menyediakan perkhidmatan jaminan dan rundingan yang bebas dan objektif secara berterusan, bagi memperbaiki keberkesanan dan kecekapan operasi PIDM, kebolehpercayaan dan integriti laporan kewangan PIDM serta memastikan pematuhan PIDM dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan. Sebelum berkhidmat dengan PIDM, beliau mempunyai pengalaman 15 tahun dalam audit, pengurusan risiko dan pembangunan polisi dari kerjaya beliau dengan firma audit luaran, badan-badan pengawalseliaan dan syarikat senarai awam. Pengalaman audit beliau termasuk audit dalaman dan luaran serta pemeriksaan seliaan. Dalam pemeriksaan seliaan, beliau telah mengetuai pemeriksaan terhadap institusi-institusi pasaran modal dan pengantara pasaran modal yang dilesenkan dan diselikan oleh Suruhanjaya Sekuriti, serta institusi-institusi kewangan dan insurans luar pesisir yang dilesenkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (*Labuan Offshore Financial Services Authority - "LOFSA"*). Dalam pengurusan risiko, beliau telah terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan pengurusan risiko organisasi bagi LOFSA. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam di mana beliau membantu membentuk Panduan Prinsip-Prinsip Praktik Pengurusan Risiko bagi Institusi yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam dalam tahun 2004. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan) dari University of Tasmania, Australia dan Ijazah Sarjana

Muda (Perundangan) dari Universiti Teknologi MARA, Malaysia. Beliau adalah ahli *Certified Practising Accountants* (Australia) dan merupakan Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancang Kewangan Malaysia.

S. LOGANATHAN **Pengurus Besar,** **Bahagian Komunikasi dan** **Perhubungan Awam**

S. Loganathan ialah Pengurus Besar Bahagian Komunikasi dan Perhubungan Awam. Beliau bertanggungjawab ke atas komunikasi dan perhubungan awam serta menguruskan program kesedaran awam PIDM. Beliau mempunyai 25 tahun pengalaman dalam bidang media kewangan dan industri sekuriti. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang wartawan dengan Bernama dan kemudian dengan Business Times, di mana beliau mengkhusus dalam berita korporat, industri sekuriti dan pasaran saham. Beliau menyertai kumpulan Bursa Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Kuala Lumpur Stock Exchange) pada tahun 1990 dan memegang pelbagai jawatan termasuk Pengurus Institut Penyelidikan Analisis Pelaburan Malaysia, Naib Presiden Kanan Pembangunan Pasaran dan Pengurus Besar Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengurus Besar Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan, yang dipegang dari Jun 2001. Beliau kemudiannya meninggalkan kumpulan Bursa Malaysia pada Oktober 2004 untuk menubuhkan WeR-1 Consultants Sdn Bhd di Malaysia, sebuah firma rundingan yang mengkhusus dalam hubungan pelabur dan strategi media yang beribu pejabat di Singapura. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

SITI ZUBAIDAH HARON **Pengurus Besar,** **Bahagian Sumber Manusia**

Siti Zubaidah Haron bertanggungjawab berkenaan segala hal ehwal sumber manusia di Perbadanan, khususnya mengenai strategi, polisi, prosedur dan fungsi berkaitan sumber manusia, serta memastikan perkembangan modal insan yang mampan.

Beliau mempunyai 17 tahun pengalaman dalam Sumber Manusia dalam industri perkilangan, komersil dan hypermarket, dan pusat perkhidmatan global yang merangkumi pelbagai budaya serta lebih 10 tahun menguruskan keseluruhan hal Sumber Manusia di peringkat atasan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Sumber Manusia di Carrefour (Malaysia)/Magnificent Diagraph Sdn. Bhd. antara tahun 2002 dan 2005, dan juga sebagai Naib Presiden – Sumber Manusia, Pembelajaran & Pembangunan dan Komunikasi di HSBC Electronic Data Processing (M) Sdn Bhd (Pusat Perkhidmatan Global, Malaysia) sehingga beliau menyertai Perbadanan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia.

WAN AHMAD IKRAM BIN **WAN AHMAD LOTFI** **Ketua Pegawai Kewangan dan** **Pengurus Besar, Kewangan dan** **Pentadbiran**

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi adalah Ketua Pegawai Kewangan yang bertanggungjawab bagi seluruh hal ehwal kewangan dan pentadbiran PIDM. Beliau bertanggungjawab dalam hala tuju,

pengurusan dan kawalan fungsi perakaunan dan perbendaharaan serta fungsi-fungsi yang berkaitan dengan sistem pengurusan maklumat dan teknologi, pentadbiran pejabat, polisi dan kawalan dalaman, dan proses perancangan strategik. Sebagai seorang Akauntan Bertauliah, beliau adalah ahli Institute of Chartered Accountants in Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau memulakan kerjaya dengan Telekom Malaysia Berhad sebelum meneruskan kerjaya perakaunan profesional beliau dengan firma KPMG di Melbourne, Australia. Sekembalinya beliau ke Malaysia, beliau berkhidmat di Tahan Insurance Malaysia Berhad sebagai Ketua Audit Dalam dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada Mac 2004. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perdagangan dari University of Melbourne, Australia.

SHERILIN MOHD ALI **Kaunsel Undang-Undang**

Sherilin Mohd Ali ialah Kaunsel Undang-Undang dan Setiausaha kepada Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Beliau mempunyai lebih sepuluh tahun pengalaman bekerja dalam bidang amalan undang-undang dan kesetiausahaan, perbankan korporat dan pengurusan aset. Sebelum menyertai PIDM, beliau merupakan sebahagian dari pasukan undang-undang di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset nasional Malaysia yang pertama. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang LLB (Hons.) dari University College of London, England dan menjadi ahli Majlis Peguam Malaysia.

BAHAGIAN I:
PENGENALAN





BAGAIMANA KAMI MELINDUNGI DEPOSIT ANDA

Profil Korporat

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ("Akta PIDM"). Peranan utama kami adalah untuk menginsurans deposit jika berlaku kegagalan sesebuah institusi anggota dan mentadbir sistem insurans deposit.

Sebagai sebahagian daripada sistem jaringan keselamatan kewangan nasional, kami mempunyai kuasa yang meluas untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan menyediakan insentif bagi pengurusan risiko mantap dalam sistem kewangan.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai Malaysia Deposit Insurance Corporation terutamanya dalam konteks antarabangsa.

Mandat Kami

Mandat statutori kami ialah:

- mentadbir sistem insurans deposit;
- menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit;
- memberi insentif bagi pengurusan risiko yang kukuh dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, dengan cara meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Bagaimana Sistem Insurans Deposit Berfungsi

Dua Dana. Sistem insurans deposit nasional ini dibiayai oleh premium yang dibayar oleh institusi anggota. Kami mentadbir dua dana berasingan – Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional. Dana Islam diurus secara berasingan dan dilabur mengikut kehendak Syariah.

Institusi Anggota Kami. Institusi anggota kami merupakan semua bank perdagangan (termasuk anak syarikat bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di

bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983.

Perlindungan Pendeposit. Kami menyediakan insurans terhadap kehilangan deposit yang disimpan oleh pendeposit dengan institusi anggota sehingga RM60,000 (prinsipal dan faedah atau pulangan) bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota. Jika berlaku kegagalan institusi anggota, kami akan membayar balik kepada semua pendeposit terbabit dengan segera bagi deposit mereka yang diinsuranskan berdasarkan rekod institusi anggota.

Tugas dan Rakan Kongsi Kami. Kami memberi insentif bagi pengurusan risiko yang kukuh dalam sistem kewangan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia ("BNM"), pengawal atur dan pengawal selia utama institusi anggota. Hubungan kerja kami dimandatkan dalam Akta PIDM dan diperincikan dalam Perjanjian Perikatan Strategik ("PPS") yang ditandatangani dengan BNM dalam tahun 2006. Perkongsian dengan BNM ini memastikan pertukaran maklumat yang tepat pada masa bagi institusi anggota dan kerjasama dalam semua aspek penting fungsi dan aktiviti kami.

Aspek penting tugas kami ialah memantau dan menguruskan risiko dalam sistem kewangan. Sehubungan itu, kami banyak bergantung kepada BNM, yang menjalankan pemeriksaan ke atas institusi anggota kami dan menyediakan keputusan pemeriksaan tersebut kepada kami. Dalam keadaan tertentu, kami juga mungkin menjalankan pemeriksaan khusus. Kami juga diberi kuasa untuk campur tangan bagi mengurangkan atau menghindari risiko kepada sistem kewangan atau terhadap kerugian yang berkemungkinan besar. Dengan kuasa campur tangan yang diberikan membolehkan kami,

antara lainnya, mendapatkan aset daripada institusi anggota, membuat pinjaman atau pendahuluan, atau untuk membuat atau menjamin deposit. Kami juga diberi kuasa untuk menguruskan institusi anggota yang gagal dan membuat pembayaran semula kepada pendeposit setelah BNM memutuskan bahawa institusi anggota tersebut dijangka ataupun ditentukan tidak lagi berdaya maju.

Dengan mandat yang diberikan, kami melaksanakan inisiatif kesedaran dan pendidikan awam berterusan untuk meningkatkan tahap pemahaman mengenai sistem insurans deposit di Malaysia.

Maklumat lebih lanjut mengenai PIDM dan mandat kami boleh dilayari di laman web kami, www.pidm.gov.my.

BAGAIMANA KAMI AKAN MENCAPAI MANDAT KAMI

Aspirasi Kami

Visi. Kami menasarak untuk diiktiraf sebagai penginsurans deposit paling efektif di Asia Tenggara pada tahun 2008; dan diperakui sebagai antara peneraju penginsurans deposit utama di dunia menjelang tahun 2010.

Misi. Kami akan memenuhi mandat kami secara efisien dan berkesan dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan lain.

Nilai Korporat. Sebagai sebuah badan awam yang berhasrat membezakan dirinya daripada yang lain, kami percaya mustahak kepada kami untuk menyokong nilai-nilai tertentu. Nilai-nilai tersebut ialah kecemerlangan dan profesionalisme, hormat dan adil, integriti dan kebolehppercayaan, komunikasi dan kerja berpasukan, dan pengelolaan kewangan.



Strategi dan Objektif Korporat

Teras Strategik. Strategi perniagaan kami dirangka dengan baik dan digariskan dalam Rancangan Korporat kami. Kami mempunyai strategi-strategi berikut untuk mencapai mandat kami:

Kesediaan operasi	Bagi memenuhi peranan kami sebagai penginsurans deposit.
Amalan perniagaan dan kewangan yang mantap	Bagi menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik.
Kesedaran awam yang efektif	Bagi menjelaskan faedah dan batasan sistem dan membina keyakinan.
Perkongsi yang kukuh	Bekerjasama dengan anggota, pengawal selia dan pembekal bagi membantu kami mencapai mandat kami.

Objektif Korporat. Ini adalah objektif korporat kami:

<p>Objektif bagi pemegang kepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik; • Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat; dan • Perkongsian efektif.
<p>Objektif kewangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan sumber yang optimum.
<p>Objektif pembelajaran dan pembangunan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan; dan • Persekitaran korporat yang kondusif.
<p>Objektif proses dalaman:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kecemerlangan operasi.

Maklumat lanjut mengenai strategi dan objektif korporat kami boleh didapati dalam Rancangan Korporat 2008-2010 kami yang diterbitkan dan juga terdapat di laman web kami dalam empat bahasa.

SEJARAH KAMI

Kami mempunyai sejarah yang singkat, bertitik tolak dari permulaan operasi kami pada Ogos 2005. Dalam tempoh yang singkat itu, kami yakin bahawa kami telah mencapai kemajuan ketara, dari segi membina asas bagi sebuah institusi sektor awam yang ditadbir dan diurus dengan baik, serta melaksanakan inisiatif operasi kami seperti yang digariskan dalam rancangan perniagaan kami. Berikut adalah ringkasan perjalanan sejarah kami.

Tahun 2005: Ogos hingga Disember 2005

Berkuatkuasa dari 1 September 2005, pendeposit sesebuah institusi anggota dilindungi secara automatik oleh PIDM, sehingga maksimum RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota, jika berlaku kegagalan sesebuah institusi anggota.

2005 - Tahun Penubuhan Kami

- Akta PIDM berkuatkuasa pada 11 Ogos 2005.
- Pada 15 Ogos 2005, Lembaga Pengarah dibentuk, dengan semua Pengarah bukan-eksekutif. Lima Pengarah bukan *ex-officio* dilantik bagi tempoh tiga tahun, manakala dua Pengarah lain berada dalam Lembaga oleh sebab jawatan mereka.
- Tiga Jawatankuasa Lembaga kami dibentuk dengan Piagamnya diluluskan dan memulakan tugas dengan segera. Lembaga Pengarah bertemu tiga kali dalam tempoh empat bulan.
- Ketua Pegawai Eksekutif ("KPE") kami, seorang pengamal dalam insurans deposit dan ketua yang amat berkelayakan dilantik oleh Menteri Kewangan pada 30 Ogos 2005 untuk tempoh tiga tahun. KPE bukan anggota Lembaga Pengarah.

Kewangan pada 31 Disember 2005

- Kadar premium yang dikenakan ke atas institusi anggota diluluskan oleh Menteri Kewangan. Bank-bank yang menjadi institusi anggota pada 2005 mempunyai pilihan untuk membayar kadar premium tahun pertama pada 0.02% daripada jumlah deposit institusi anggota, atau 0.06% daripada jumlah deposit yang diinsuranskan, pada September 2005. Ini tertakluk kepada

premium minimum RM250,000.

- Keseluruhannya, PIDM mengutip premium berjumlah RM35.67 juta merangkumi RM3.3 juta bagi Dana Insurans Deposit Islam dan RM 32.37 juta bagi Dana Insurans Deposit Konvensional.
- Bagi empat bulan yang berakhir pada 31 Disember 2005, kami mencatatkan lebih bersih RM32.5 juta. Perbelanjaan sepanjang 2005 berjumlah RM3.3 juta berbanding bajet RM5.3 juta.

Membina Asas yang Kukuh

- Visi dan misi korporat kami dibentuk dan nilai-nilai korporat dibangunkan.
- Struktur dan rancangan organisasi kami telah diwujudkan. Terdapat 11 kakitangan pada akhir Disember 2005.

Rancangan Korporat 2006 - 2008

- Rancangan Korporat pertama kami bagi 2006 - 2008 dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Temanya ialah "Membina Asas yang Kukuh". Membangunkan amalan terbaik dalam urus tadbir dan pengurusan – berdasarkan kepada prinsip amalan terbaik iaitu bebas, kebertanggungjawaban, ketelusan dan pengelolaan. Prinsip-prinsip ini terus diperkuatkan lagi bagaimana kami menjalankan tanggungjawab kami hari ini.
- Keutamaan operasi utama bagi 2006 seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat ini termasuklah berikut:
 - pelaksanaan sistem perakaunan yang akan memenuhi keperluan semasa dan masa depan PIDM;
 - pembangunan rangka kerja modal insan; dan
 - pembangunan Sistem Premium Berbeza ("SPB") untuk dilaksanakan pada 2008.

Laporan Tahunan 2005

Laporan Tahunan 2005 pertama kami, yang bertemakan "Membina Asas yang Kukuh" diserahkan kepada Menteri Kewangan dalam tempoh yang ditetapkan pada 31 Mac 2006. Laporan Tahunan kami diedarkan kepada semua pemegang kepentingan, dan diterbitkan dalam empat bahasa di laman web kami.

Tahun 2006: Januari hingga Disember 2006

Pada 2006, antara lainnya, perhatian serius diberikan untuk mengukuhkan asas kami, terutamanya, urus tadbir – justeru tema kami bagi Laporan Tahunan 2006 ialah, "Mengukuhkan Urus Tadbir; Membina Kredibiliti".

Sorotan penting dalam operasi tahun penuh pertama 2006

- Kami melaksanakan polisi urus tadbir utama, termasuk Kod Tata Laku Urus Niaga dan Etika kami, polisi pemberitahu maklumat, dan menggariskan jangkaan jelas antara peranan Lembaga dan Pengurusan, terutamanya, dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga kami.
- Kami melaksanakan sistem perakaunan baru yang menyeluruh.
- Kami mengeluarkan peraturan utama untuk melaksanakan Akta PIDM, termasuk Garis Panduan bagi Jumlah Deposit yang Diinsuranskan dan Garis Panduan mengenai Keperluan Pendedahan bagi Akaun Bersama dan Akaun Amanah.
- Kami memperkukuhkan rangka kerja utama dan konsep termasuk audit dalaman, pengurusan risiko organisasi (Enterprise Risk Management - "ERM") dan SPB.
- Kami membangunkan rangka kerja utama berkaitan aktiviti penilaian risiko, pemantauan dan pembayaran semula deposit.
- Kami berusaha meningkatkan kesedaran awam dengan menjalankan pelbagai aktiviti.



- Kami menjadi tuan rumah bagi beberapa siri mesyuarat Majlis Eksekutif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurance - "IADI"*) dan aktif menyertai mesyuarat dan acara antarabangsa. Kami juga merupakan penginsurans deposit pertama dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board - "IFSB"*) sebagai Ahli Bersekutu.
- Kami menubuhkan pasukan organisasi kami dan membangunkan strategi modal insan serta polisi modal insan utama, termasuk imbuhan dan manfaat dan polisi pengurusan prestasi. Pada akhir bulan Disember 2006, kami mempunyai 40 orang kakitangan.
- Kami bekerjasama rapat dengan rakan kongsi kami, khususnya kami memeterai PPS dengan BNM. Kami juga sentiasa berinteraksi dengan institusi anggota untuk meningkatkan lagi kesedaran awam mengenai insurans deposit, dan membangunkan polisi perundingan dengan pemegang kepentingan kami sebelum penerbitan dasar utama atau peraturan.

Kewangan pada 31 Disember 2006

- Kadar premium bagi institusi anggota yang sedia ada adalah 0.06% daripada jumlah deposit diinsuranskan bagi tahun taksiran 2006, tertakluk kepada jumlah minimum premium. Pendapatan premium bagi tahun itu ialah RM102.1 juta (RM92.7 juta diterima daripada deposit konvensional diinsurans manakala RM9.4 juta diterima daripada deposit Islam diinsurans). Perbelanjaan operasi kami berjumlah RM15 juta berbanding dengan bajet RM20 juta. Lebihan bersih kami bagi 2006 berjumlah RM89.9 juta berbanding bajet kami pada RM84.9 juta.
- Kumpulan Dana Insurans Deposit kami berjumlah RM122.5 juta, merangkumi RM111.2 juta dalam Dana Insurans Deposit Konvensional dan RM11.3 juta dalam Dana Insurans Deposit Islam.

Rancangan Korporat 2007-2009

- Rancangan Korporat 2007-2009 kami, yang bertemakan "Membina atas Kekuatan" diterbitkan dan diedarkan kepada umum serta disiarkan dalam laman web kami dalam empat bahasa. Rancangan ini menggariskan hala tuju kami dan melaporkan kemajuan kami bagi inisiatif ini secara terperinci dalam Laporan Tahunan 2006.
- Strategi urus niaga kami kekal tidak berubah dan bahagian tumpuan utama dalam Rancangan Korporat ini antara lainnya termasuk berikut:
 - mengukuhkan hubungan kami dengan pemegang kepentingan dan rakan kongsi utama;
 - memantapkan proses kami bagi amalan urus niaga dan kewangan yang kukuh dan membina kesediaan dan pengelolaan kewangan;
 - meningkatkan kualiti kakitangan kami dan merangsang persekitaran kerja yang kondusif; dan
 - menumpukan kepada kesedaran awam.
- Keutamaan operasi utama dalam Rancangan Korporat ini, antara lainnya termasuk berikut:
 - pembangunan proses bagi institusi anggota untuk mendapat persijilan status produk deposit boleh diinsurans serta Peraturan Maklumat;
 - pembangunan Terma dan Syarat bagi Keanggotaan;
 - pembangunan Peraturan Sistem Premium Berbeza dan perintah premium bagi pelaksanaan pada 2008;
 - pelaksanaan Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007-2011 kami; dan
 - pembangunan ERM dan rangka kerja audit dalaman.

Laporan Tahunan 2006

Laporan Tahunan 2006 kami diserahkan kepada Menteri Kewangan dalam lingkungan tempoh akhir yang ditetapkan pada 31 Mac 2007 dan diterbitkan kepada umum selepas dibentangkan di Parlimen. Dialog tahunan pertama dengan institusi anggota juga diadakan pada April 2007, susulan penerbitan Laporan Tahunan 2006.

DI MANA KAMI HARI INI

Kemajuan Ke Arah Pencapaian Objektif Perbadanan

Kami telah mencatatkan banyak kemajuan, dalam tempoh yang singkat, ke arah mencapai objektif korporat kami, dan akan terus berusaha mencapai Visi dan mandat kami.

Ringkasan pencapaian penting

Pada penghujung tahun 2007, pencapaian utama semenjak penubuhan kami termasuk yang berikut:

Ditadbir dan Diurus dengan Baik

- Amalan terbaik dalam urus tadbir dan pengurusan mantap; dengan penilaian "Sangat Baik" daripada Ketua Audit Negara ke atas audit pengurusan (tahap penilaian yang tertinggi, suatu yang jarang diberikan kepada organisasi baru), dan penganugerahan "Certificate of Merit" daripada Jawatankuasa Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan bagi pelaporan korporat.
- Melengkapkan rangka kerja ERM dan kawalan dalaman; dengan pelaksanaan proses ERM.

Pemegang Kepentingan yang Terdidik dan Bermaklumat

- Membangunkan rancangan lima-tahun Pelan Komunikasi Bersepadu dan Polisi Komunikasi; dan menjalankan pelbagai aktiviti komunikasi dan pengiklanan dengan aktif selaras dengan polisi dan pelan komunikasi.

Perkongsian Efektif

- Kami dikenali dalam komuniti insurans deposit antarabangsa; sebagai ahli IADI yang aktif dan kami bangga dapat menjadi tuan rumah bagi Persidangan Tahunan IADI Ke-Enam di Malaysia pada bulan Oktober 2007 serta turut menyertai 32 acara dan mesyuarat antarabangsa dari tahun 2005.
- Kami juga dikenali di kalangan komuniti perkhidmatan kewangan Islam; sebagai penginsurans deposit pertama yang diterima sebagai Ahli Bersekutu IFSB.
- Kami mempunyai hubungan kerja yang rapat dengan BNM; dan mempunyai mekanisma formal untuk mengukuhkan lagi perhubungan penting ini.

Sumber Optimum

- Kami telah beroperasi mengikut bajet dalam semua tahun operasi kami. Kami turut melaksanakan beberapa inisiatif tambahan yang melebihi inisiatif dalam *Scorecard* Korporat.

Kecemerlangan Operasi

- Kami memantau institusi anggota dan menjalankan penilaian risiko secara tetap.
- Sistem Premium Berbeza kami telah dibangunkan.
- Pelbagai Peraturan-Peraturan untuk mengoperasikan lagi Akta PIDM telah dibangunkan atau dilaksanakan.
- Perancangan strategik kami telah dibangunkan dan merangkumi proses ERM; yang membantu mengutamakan inisiatif mengikut risiko.

Tenaga Kerja yang Cekap dan Berpengetahuan

- Kami telah membangunkan dan terus melaksanakan strategi modal insan; khususnya mengenai rancangan latihan dan pembangunan, rangka kerja kompetensi dan rangka kerja pengurusan penggantian yang ada.

Persekitaran Kerja yang Kondusif

- Tinjauan pendapat mengesahkan indeks kepuasan kakitangan pada tahap 79%, melebihi sasaran kami pada tahap 75% untuk tahun 2007.



- Pelbagai inisiatif modal insan telah dijalankan pada tahun 2007; termasuk dua bengkel Nilai Korporat, Majlis Makan Malam Tahunan, Hari Keluarga, program bantuan kakitangan dan program ganjaran dan pengiktirafan.

KE ARAH KESEDIAAN

- SPB kami akan berkuat kuasa pada tahun 2008.
- Strategi modal insan kami akan terus dilaksanakan.
- Rancangan Korporat 2008-2010 akan memberi cabaran bagi kakitangan kami untuk berusaha secara optimum.
- Kami akan terus membangunkan garis panduan, peraturan dan polisi.

Tahun 2007 – Laporan Tahunan ini

Ringkasan sorotan aktiviti kami pada tahun 2007 boleh didapati pada muka surat 3 dalam Laporan Tahunan ini. Bahagian III dalam Laporan Tahunan ini (di bawah tajuk “Kajian Semula Operasi dan Pencapaian 2007”) membutirkan dengan terperinci kemajuan kami terhadap PPU dalam Rancangan Korporat 2007-2009.

Kemajuan Ketara dan Impak ke atas PIDM

Ulasan persekitaran operasi dan penilaian risiko kami boleh didapati di Bahagian III dalam Laporan Tahunan ini.

MAKLUMAT PENTING LAIN DAN RINGKASAN KOD AMALAN ETIKA

Kod konflik kepentingan

PIDM melaksanakan Kod Konflik Kepentingan (“Kod”) yang terpakai kepada Pengarah dan juga kakitangan. Objektif Kod ini adalah untuk memulih dan meningkatkan keyakinan dan kepercayaan awam terhadap integriti, objektif dan kesaksamaan PIDM. Kod itu bertujuan meminimumkan kemungkinan konflik yang

sedang berlaku atau dijangka berlaku antara kepentingan peribadi individu dan tanggungjawab mereka dan bagi memastikan jika sebarang konflik yang sebenar atau berpotensi akan berlaku, ia akan diselesaikan dengan sewajarnya.

Prinsip yang menyokong Kod Konflik Kepentingan itu dirangka daripada Cadangan “Organisation for Economic Corporation and Development” - (OECD) bagi Prinsip Teras untuk Menangani Konflik Kepentingan dalam sektor Awam dan adalah seperti berikut:

- menggalakkan tanggungjawab individu dan contoh peribadi;
- memenuhi kepentingan awam;
- menyokong ketelusan dan pemeriksaan rapi; dan
- kerahsiaan.

Memandangkan objektif PIDM dan maklumat sensitif yang dipegang oleh Perbadanan berkaitan dengan institusi anggota, para Pengarah dan kakitangan dilarang daripada memegang saham dalam mana-mana institusi anggota atau syarikat berkaitan. Perisytiharan mengenai aset dan liabiliti juga perlu dibuat setiap tahun.

Kod Tata Laku Urus Niaga dan Etika

Objektif Kod Tata Laku Urus Niaga dan Etika bagi kakitangan adalah untuk mengekal dan meningkatkan nilai-nilai PIDM dan menyokong persekitaran kerja yang positif di mana pekerja dihormati. Kod ini menjelaskan bahawa kakitangan harus melaksanakan tanggungjawab mereka ke tahap yang dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan awam terhadap integriti, objektif dan kesaksamaan PIDM.

Prinsip yang menjadi asas kepada Kod ini dan polisi-polisi berkaitan adalah dijana daripada piawaian amalan terbaik antarabangsa dalam sektor awam¹ dan amalan terbaik di Malaysia. Antara lain, Kod ini menyeru supaya kakitangan:

- bertindak demi kepentingan PIDM;
- membuat keputusan secara objektif, berdasarkan merit;
- mengambil langkah untuk menangani konflik kepentingan, sama ada konflik tersebut jelas wujud, nampak wujud atau berpotensi wujud;
- mengekalkan kerahsiaan maklumat yang didapati semasa bertugas dan, kecuali jurucakap rasmi, menghindari daripada memberi komen mengenai hal ehwal dan urusan PIDM kepada umum;
- mendukung Nilai Korporat PIDM; dan
- mematuhi polisi mengenai gangguan di tempat kerja, kod konflik kepentingan, kod tata laku, dan semua polisi PIDM lain.

Ringkasan Maklumat Penting mengenai Institusi Anggota

Pada akhir Disember 2007, institusi anggota kami terdiri daripada 33 institusi perbankan merangkumi 11 bank Islam dan 22 bank perdagangan. Maklumat lanjut dan senarai institusi anggota kami boleh didapati di Bahagian III, Jadual 3, Laporan Tahunan ini. Institusi anggota dan orang awam secara umumnya mendapat manfaat daripada PIDM kerana insurans deposit meningkatkan keyakinan di kalangan orang awam yang menyimpan deposit dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

¹ *The Principles of Public Life, seperti yang dihuraikan oleh “Committee of Standards in Public Life”, U.K. (the “Nolan Committee”)*



BAHAGIAN II:
URUS TADBIR KORPORAT



Prinsip Rangka Kerja Urus Tadbir Korporat Kami

Pada bulan Mac 2007, Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan "Garis Panduan bagi Menambah Baik Urus Tadbir dalam Sektor Awam" bagi badan-badan sektor awam ("Garis Panduan JPM"). Sukacita ingin kami nyatakan bahawa kami telah mengguna pakai prinsip-prinsip Garis Panduan JPM tersebut dari awal lagi.¹

Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah ("Polisi") kami berasaskan kepada prinsip-prinsip teras yang sama dan diterima pakai di peringkat antara-bangsa², iaitu, keterbukaan (atau ketelusan); integriti (termasuk kebebasan); dan keber-tanggungjawaban³, seperti yang diterima pakai dalam konteks badan-badan sektor awam.⁴ Pengelolaan juga dianggap sebagai satu daripada nilai-nilai korporat kami.

PIDM tidak begitu tertakluk kepada Kod bagi Urus Tadbir Korporat Malaysia. Walau bagaimanapun, Polisi kami mengambil kira prinsip-prinsip utamanya, selagi ia boleh diguna pakai dalam konteks sektor awam.

Kami mengeluarkan Penyataan Urus Tadbir untuk membolehkan pemegang kepentingan menilai amalan urus tadbir kami dan untuk melapor kemajuan berbanding Polisi kami.

Penyataan Urus Tadbir Kami

Meskipun kami beroperasi hanya kurang daripada tiga tahun, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa tahap pematuhan terhadap Polisi kami adalah sangat memuaskan. Daripada 15 piawaian Polisi, Lembaga Pengarah kami telah mematuhi dengan sepenuhnya 10 piawaian Polisi dan mencatatkan kemajuan ketara terhadap empat piawaian Polisi lain, iaitu:

1. Komposisi dan Penggantian Lembaga Pengarah (Piawaian No. 4);
2. Risiko Ketara terhadap Perbadanan (Piawaian No. 10);
3. Persekitaran Kawalan dan Audit Dalam (Piawaian No.11); dan
4. Mampu Mengawal (Piawaian No. 12).

Bagi setiap daripada empat piawaian tersebut, prinsip utama dan rangka kerja telah dibangunkan bagi membolehkan Lembaga Pengarah mematuhi sepenuhnya terma piawaian. Usaha

masih dilaksanakan bagi satu lagi piawaian (Pengurusan Penggantian Pegawai Korporat Kanan - Piawaian No. 8). Laporan terperinci pematuhan kami terhadap Polisi boleh didapati di muka surat 43.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga

Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh Pengarah bukan-eksekutif, dua daripadanya merupakan Pengarah *ex-officio* seperti yang digariskan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ("Akta PIDM"). Pada akhir bulan Februari 2007, salah seorang Pengarah *ex-officio*, Tan Sri Dato' Sri Izzuddin bin Dali telah bersara sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Dengan itu, komposisi Lembaga Pengarah telah berubah sejak Mac 2007, begitu juga komposisi dua Jawatankuasa Lembaga Pengarah, seperti yang diuraikan di bawah.

Pelantikan Ahli Lembaga dan Polisi Ganjaran

Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan memegang jawatan *ex-officio* sebagai Pengarah di bawah Akta PIDM. Semua ahli Lembaga Pengarah dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah Akta PIDM. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, semua Pengarah adalah ahli-ahli bukan eksekutif. Elaun bagi ahli Lembaga Pengarah diluluskan oleh Menteri Kewangan seperti yang termaktub dalam Akta PIDM. Dalam tahun 2007, ahli Lembaga Pengarah telah menerima jumlah ganjaran bagi tugas Lembaga dan Jawatankuasa, sejajar dengan kelulusan Menteri Kewangan, sebanyak RM333,054 berbanding RM146,000 dalam tahun 2006.

Tempoh jawatan ahli Lembaga Pengarah bukan *ex-officio* akan berakhir pada bulan Ogos 2008. Oleh itu, dalam tahun 2007, Lembaga Pengarah telah merangka satu rancangan penggantian berdasarkan amalan terbaik. Ini akan membolehkan Lembaga Pengarah memaklumkan kepada Menteri Kewangan mengenai gabungan kemahiran, kelayakan dan pengalaman yang sewajarnya bagi keperluan PIDM di masa hadapan, serta membuat cadangan mengenai pemeringkatan tempoh jawatan ahli Lembaga Pengarah.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Tanggungjawab

Akta PIDM menetapkan bahawa Lembaga Pengarah adalah "bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal urus niaga PIDM serta harus menggunakan semua kuasa dan mengambil semua tindakan yang mungkin dilaksana atau dijalankan oleh Perbadanan". Setiap Pengarah perlu bersikap jujur demi kepentingan terbaik PIDM dan menggunakan ketelitian yang wajar dalam menunaikan tanggungjawabnya. Huraian jawatan memaparkan dengan terperinci tanggungjawab am sebagai ahli Lembaga Pengarah.⁵

Piawaian Urus Tadbir dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah

Tanggungjawab khusus Lembaga Pengarah iaitu bagi mencapai piawaian tertinggi urus tadbir juga dinyatakan dalam Polisi kami.

TUGAS LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat dan Kehadiran

Dalam tahun 2007, enam mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan termasuk mesyuarat Lembaga Pengarah khas untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah bagi tahun 2006. Ahli Lembaga Pengarah juga bertemu untuk menetapkan hala tuju strategik bagi tahun 2008 hingga 2010. Butiran berikut ialah kehadiran setiap ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa dalam tahun 2007:


Jadual 1: Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Kehadiran.

Lembaga Pengarah	Bilangan mesyuarat Lembaga yang dihadiri daripada 6 yang diadakan	Sesi Perancangan Strategik
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha (Pengerusi)	6 / 6	1
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	6 / 6	-
Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah (berkuatkuasa dari 28 Februari 2007)	3 / 4 mesyuarat selepas pelantikan	-
Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Azmi bin Dato' Haji Kamaruddin	6 / 6	1
Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob	4 / 6	-
Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias	6 / 6	1
Encik Michael Wong Kuan Lee	6 / 6	1
Tan Sri Dato' Sri Izzuddin bin Dali (bersara berkuatkuasa dari 28 Februari 2007)	0 / 2	tidak berkenaan

Penyataan Urus Tadbir

Gambarajah ini menunjukkan pematuhan berbanding setiap piawaian yang dinomborkan mengikut Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Polisi kami menggabungkan prinsip amalan terbaik dalam urus tadbir, selagi ia boleh diguna pakai oleh PIDM. Setiap amalan terbaik yang diguna pakai oleh piawaian kami – termasuk "Kod bagi Urus Tadbir Korporat Malaysia" – terdapat dalam Polisi kami, yang diterbitkan kepada umum.

Gambarajah 1: Pematuhan Terhadap Polisi



¹ Ulasan terperinci rangka kerja kami berbanding senarai semakan yang terkandung dalam Garis Panduan JPM juga menunjukkan pematuhan. Sila lihat laporan mengenai tugas Jawatankuasa Urus Tadbir.

² The Malaysian Code on Corporate Governance (Disemak 2007) dan Governance in the Public Sector: A Governing Body Perspective oleh International Federation of Accountants (Ogos 2001) ("Kajian IFAC")

³ Laporan Cadbury 1992

⁴ Kajian IFAC

⁵ Diarkibkan dalam laman web, www.pidm.gov.my



Laporan Terperinci

Jadual berikut adalah laporan tentang pematuhan kami terhadap piawaian Polisi pada akhir tahun kewangan 2007.

Jadual 2: Laporan terhadap pematuhan piawaian Polisi.

Piawaian yang dinyatakan dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Laporan kemajuan pada akhir tahun 2007
Piawaian No. 1 – Kebebasan Lembaga Pengarah	Pematuhan penuh
Ahli Lembaga Pengarah akan melaksanakan penilaian bebas.	Kebebasan termaktub dalam Akta PIDM. Tiada Pengarah Eksekutif dalam Lembaga Pengarah. Peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif ("KPE") telah diasingkan. KPE bukan ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah perlu menggunakan penilaian yang bebas untuk bertindak mengikut kepentingan terbaik PIDM.
Piawaian No. 2 – Keberkesanan Lembaga Pengarah dan Tanggungjawab Urus Tadbir	Pematuhan penuh
Lembaga Pengarah akan mendapatkan penjelasan serta mengekalkan kefahaman mereka mengenai matlamat dan kuasa PIDM, serta tanggungjawab urus tadbirnya. Bagi mencapai perkara ini Lembaga Pengarah akan: i. membangun dan mengekalkan pendekatan untuk memenuhi tanggungjawab itu, dan akan menilai secara objektif dari semasa ke semasa, keberkesanan dalam berbuat demikian; dan ii. memastikan PIDM mempunyai perancangan bagi penyesuaian Pengarah baru dan latihan berterusan yang sesuai mengenai tanggungjawab dan keperluan Lembaga Pengarah.	Sesi pendidikan Lembaga Pengarah telah diadakan mengikut Program Pendidikan Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai pemahaman yang baik mengenai tanggungjawab urus tadbirnya seperti yang digariskan dalam pelbagai dokumen, termasuk Polisi ini. Lembaga Pengarah: i. telah membangunkan dan sejak itu menyemak semula metodologi penilaian ke atasnya. Lembaga Pengarah menilai keberkesanan mereka dalam tahun 2006 pada Februari 2007; dan keberkesanan mereka dalam tahun 2007 pada Februari 2008; dan ii. mengguna pakai amalan membangunkan Program Pendidikan Lembaga berterusan bagi setiap tahun. Dalam tahun 2007, program tersebut adalah seperti berikut: • Matlamat dan Kuasa Kami di bawah Akta PIDM; • Sistem Premium Berbeza; • Pengurusan Risiko Organisasi (<i>enterprise risk management</i> - "ERM"); dan • Kewangan Islam. Lembaga Pengarah sentiasa dikemaskini tentang kemajuan berkaitan dengan insurans deposit, seperti implikasi insiden Northern Rock di United Kingdom. Mesyuarat diadakan dengan Pengarah baru untuk menyesuaikan diri dan memaklumkan perkembangan terkini mengenai urusan serta hal ehwal Perbadanan dan Buku Panduan Pengarah disediakan, serta sesi latihan diadakan.
Piawaian No. 3 – Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa	Pematuhan penuh
Apabila Lembaga melantik sebuah jawatankuasa, ia akan menetapkan tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa Lembaga serta keperluan kebertanggungjawaban kepada mereka.	Tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa digariskan dalam Piagam mereka. Piagam itu disemak dalam tahun 2007 bagi memastikan ia masih relevan dan semasa. Pelan tindakan untuk melaksanakan Piagam dilaporkan secara rutin pada setiap mesyuarat Jawatankuasa. Huraian tugas Jawatankuasa boleh didapati di muka surat 51 dan Piagam Jawatankuasa dalam Lampiran Laporan Tahunan ini.

Piawaian yang dinyatakan dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Laporan kemajuan pada akhir tahun 2007
Piawaian No. 4 – Komposisi dan Penggantian Lembaga Pengarah	Kemajuan ketara – Dilengkapkan dalam 2008
Perlembagaan Lembaga harus mengekalkan kebebasan, dan sepatutnya ada gabungan kepakaran dan keupayaan yang sesuai, dengan mengambil kira objektif dan hala tuju strategik Perbadanan. Bagi mencapainya, Lembaga Pengarah akan, secara rundingan dengan KPE: i. membangunkan profil kemahiran dan keupayaan yang diinginkan bagi membolehkan Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab mereka dengan baik dan memaklumkan kepada Menteri Kewangan gabungan yang diinginkan dan perlu dicari bagi memenuhi kekosongan Lembaga bukan <i>ex-officio</i> ; dan ii. mempunyai pelan penggantian ahli Lembaga Pengarah untuk disyorkan kepada Menteri Kewangan bagi memastikan pusing ganti Pengarah yang teratur.	Akta PIDM menggariskan komposisi Lembaga Pengarah kami. Biografi ahli Lembaga Pengarah (muka surat 19) memperlihatkan pengalaman luas di kalangan ahli Lembaga Pengarah kami dalam sektor awam dan swasta. Bagi memastikan terdapat gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai, kami membuat semakan tahunan mengenai gabungan kemahiran dan keupayaan, dengan mengambil kira objektif dan hala tuju strategik Perbadanan. Lembaga Pengarah juga: i. membangunkan profil ahli individu dan profil Lembaga Pengarah secara kolektif, serta Polisi Lembaga Pengarah bagi Tempoh Jawatan, Persaraan dan Penggantian. Ini adalah bagi menyelesaikan masalah kekosongan jawatan Lembaga pada Ogos 2008, apabila tempoh jawatan Pengarah <i>ex-officio</i> kami berakhir. ii. membangunkan pelan penggantian Lembaga Pengarah, merangkumi Polisi Lembaga Pengarah bagi Tempoh Jawatan, Persaraan dan Penggantian dan proses menilai kemahiran yang diperlukan dalam Lembaga Pengarah. Pelan ini dan cadangan berkaitan akan dimaklumkan kepada Menteri Kewangan dalam tahun 2008.
Piawaian No. 5 – Peranan dan Tanggungjawab KPE	Pematuhan penuh
Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan KPE harus dibezakan dengan jelas dan didokumentasikan. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan: i. membangunkan huraian tugas bagi KPE; ii. membangunkan objektif korporat sekurang-kurangnya setiap tahun di mana KPE bertanggungjawab untuk mencapainya dan menilai prestasi KPE berbanding objektif tersebut; dan iii. menyediakan hubungan kebertanggungjawaban KPE kepada Lembaga Pengarah.	Ini telah didokumentasikan sepenuhnya dalam huraian tugas dan harapan terhadap mereka dalam tahun 2006 dan dokumen itu disemak dalam tahun 2007. Sehubungan ini: i. Huraian tugas bagi Pengerusi dan KPE dibentuk dalam tahun 2006 dan disemak semula dalam tahun 2007; ii. Setiap tahun, KPE menetapkan penunjuk prestasi utamanya ("PPU") berbanding objektif korporat, yang kemudiannya dipertimbang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan cadangan Jawatankuasa Ganjaran. Pencapaian prestasi tersebut berbanding objektif sentiasa dipantau dan juga dilaporkan kepada Jawatankuasa Ganjaran pada akhir tahun bagi menilai prestasi berbanding objektif; dan iii. KPE bertanggungjawab mencapai objektif korporat yang dilulus Lembaga Pengarah seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat dan PPU yang diluluskan. Ini diperkukuhkan oleh Akta PIDM dan huraian tugas.



Piawaian yang dinyatakan dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Laporan kemajuan pada akhir tahun 2007
Piawaian No. 6 - Pelantikan Pegawai Korporat Kanan	Pematuhan penuh
Lembaga Pengarah akan melantik pegawai korporat kanan PIDM (selain KPE) dan menentukan tempoh jawatan dan imbuhan mereka.	Lembaga Pengarah meluluskan dua pegawai kanan utama dalam tahun 2006. Dalam 2007, Lembaga Pengarah meluluskan pelantikan seorang lagi pegawai korporat kanan iaitu Pengurus Besar, Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan berserta terma dan syarat perkhidmatannya.
Piawaian No. 7 - Imbuhan Pegawai	Pematuhan penuh
Lembaga Pengarah akan memastikan secara berterusan, bahawa imbuhan pegawai dan kakitangan Perbadanan konsisten dengan pencapaian matlamat Perbadanan secara mampan, pengurusan urusan dan risiko yang dihadapinya secara berhemat dan kepatuhan kepada polisi dan prosedur. Lembaga Pengarah akan mengkaji semula program imbuhan bagi semua Pengarah dan mengesyorkan kepada Menteri Kewangan berhubung perkara itu.	Polisi imbuhan dan manfaat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dalam tahun 2006 juga mempertimbangkan kaji selidik gaji setiap tahun bagi memastikan daya saing. Oleh kerana kehilangan kakitangan utama merupakan risiko besar kepada PIDM seperti yang dikenal pasti dalam tujuan proses pengurusan risiko organisasi, menyenggarakan satu polisi imbuhan dan manfaat yang sesuai dan polisi pengurusan prestasi kekal sebagai suatu yang penting. Ini telah ditangani oleh Lembaga Pengarah dalam tahun 2007. Oleh kerana program imbuhan Lembaga Pengarah telah disemak dalam tahun 2006, tiada semakan semula dibuat dalam tahun 2007. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah akan mengkaji secara berkala program imbuhan kepada Menteri Kewangan, apabila diminta.
Piawaian No. 8 - Perancangan Penggantian	Rangka kerja telah dibentuk - dalam agenda tahun 2008
Lembaga Pengarah akan merancang penggantian KPE dan menyemak semula pelan penggantian bagi pengurusan kanan.	Rangka kerja pengurusan penggantian bagi pengurusan secara umumnya (selain KPE) telah dibangunkan dalam tahun 2007 dan akan dilaksanakan dalam tahun 2008. Perancangan penggantian bagi KPE diletakkan dalam agenda tahun 2008.
Piawaian No. 9 - Piawaian Tingkah Laku dan Etika	Pematuhan penuh
Lembaga Pengarah akan menyediakan piawaian tingkah laku dan etika bagi Pengarah dan pegawai PIDM dan kakitangan lain, dan mendapatkan, secara tetap, jaminan sewajarnya bahawa PIDM mempunyai proses wajar, efektif dan berterusan bagi memastikan pematuhan kepada piawaian tersebut.	Lembaga Pengarah telah mewujudkan piawaian-piawaian ini yang disenaraikan dalam Kod Tata Laku Urus Niaga dan Etika dan Kod Konflik Kepentingan ("Kod"). Program telah disediakan terutamanya bagi memastikan kakitangan melapor berdasarkan polisi ini kepada pihak yang relevan dan Pengurusan melapor kepada Lembaga Pengarah bagi pematuhan piawaian-piawaian ini. Program ini termasuk: i. laporan tahunan mengenai pematuhan kepada Kod tersebut; ii. latihan secara tetap mengenai Kod itu dan nilai-nilai korporat; dan iii. mekanisme bagi "pemberitahu maklumat" di bawah Polisi bagi Pendedahan Maklumat Berkaitan Salah Laku di Tempat Kerja.

Piawaian yang dinyatakan dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Laporan kemajuan pada akhir tahun 2007
Piawaian No. 10 - Risiko ketara kepada Perbadanan	Kemajuan Ketara - Dilengkapkan dalam 2008
Lembaga Pengarah akan: i. mendapatkan pemahaman risiko utama urus niaga PIDM; ii. memastikan sistem pengurusan yang wajar dan berhemat untuk menangani risiko ini telah dilaksanakan dan sentiasa disemak semula secara berterusan; dan iii. mendapatkan jaminan sewajarnya secara berterusan, bahawa sistem itu dipatuhi dan risiko yang menjejaskan PIDM terus ditangani dengan berkesan.	Lembaga Pengarah: i. mendapatkan pemahaman risiko utama dengan menerima dan menyemak laporan mengenai kekukuhan institusi anggota dari semasa ke semasa. Ia juga menerima laporan mengenai risiko kepada urus niaga dan hal ehwal PIDM secara berterusan. Dalam tahun 2007, semasa membangunkan rangka kerja sistem ERM, Lembaga Pengarah menimbang risiko ketara yang menjejaskan PIDM secara terperinci dan bersetuju dengan keinginan risiko Perbadanan; ii. mengawasi pelaksanaan pelan tindakan bagi rangka kerja ERM. Terdapat kemajuan dalam pelaksanaan seperti yang dirancang, termasuk, pengenalan risiko ketara dan pelan tindakan berkaitan. Rangka kerja ERM dan struktur pengawasan telah disiapkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2007; dan iii. menerima laporan daripada Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan (Audit and Consulting Services - "ACS") bagi bahagian-bahagian tertentu audit termasuk proses perancangan strategik. (Lihat laporan mengenai tugas Jawatankuasa Audit, di muka surat 51). ACS juga bertanggungjawab mengesahkan sistem ERM dan pematuhan laporan. Lembaga juga menerima laporan daripada Jabatan Audit Negara mengenai pengauditan pengurusan yang dijalankan pada pertengahan tahun 2007 ke atas PIDM yang memberi penilaian "Sangat Baik" kepada amalan pengurusan Perbadanan. Justeru itu, Lembaga Pengarah amat yakin bahawa sistem itu telah dilaksana dan dipatuhi.
Piawaian No. 11 - Persekitaran Kawalan dan Audit Dalaman	Kemajuan Ketara - Dilengkapkan dalam 2008
Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat ke atas operasinya dan risiko di mana ia terdedah (termasuk risiko kepada pencapaian matlamatnya) dan mempunyai dasar serta amalan efektif bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan: i. menubuhkan kumpulan audit dalaman dan memperuntukkan sumber bagi menetapkan mandatnya;	Lembaga Pengarah menerima keseluruhan tanggungjawab bagi kawalan dalaman dan pengurusan risiko Perbadanan dan mendapatkan jaminan daripada Pengurusan dan ACS berhubung perkara ini. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah: i. mewujudkan fungsi audit dalaman dan meluluskan mandatnya. Ia menyediakan sumber bagi memastikan ia boleh memenuhi tanggungjawabnya. Piagam ACS disemak semula oleh Lembaga Pengarah pada 2007;



URUS TADBIR KORPORAT

PENYATAAN URUS TADBIR

Piawaian yang dinyatakan dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Laporan kemajuan pada akhir tahun 2007
<p>ii. meluluskan pelan auditnya setiap tahun; dan</p> <p>iii. mendapatkan, daripada kumpulan audit dalaman, secara berterusan, jaminan wajar berkaitan pemantauan, dan pematuhan kawalan dalaman, integriti sistem, dan tindakan berpatutan diambil bagi menangani sebarang kelemahan atau kegagalan yang dikenal pasti.</p>	<p>ii. menyediakan proses bagi meluluskan pelan audit tiga tahun setiap tahun dan rancangan bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2010. Prestasi bagi pelan audit tersebut dilaporkan dan disemak semula dua kali setahun. Pelan audit itu dibangunkan menggunakan pendekatan berasaskan risiko bagi mengaudit perancangan dan diselaraskan dengan rangka kerja ERM; dan</p> <p>iii. mendapatkan laporan daripada ACS, bahagian-bahagian utama tertentu berkaitan sistem kawalan dalaman PIDM. Pada tahun 2007, bahagian-bahagian ini termasuk proses:</p> <ul style="list-style-type: none"> • peralihan kepada sistem perakaunan baru; • program kesedaran dan pendidikan awam; • pengurusan pusat panggilan; • aktiviti perancangan korporat; • pentadbiran gaji; • program insurans korporat; • pembangunan polisi; • pelantikan khidmat guaman luar; dan • pengurusan kontrak Perbadanan. <p>Audit itu mendedahkan bahawa tiada laporan insiden kelemahan atau kekurangan dalam keupayaan dan integriti kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam sistem, polisi dan proses Perbadanan bagi bahagian yang diaudit.</p> <p>Dalam tahun 2007, sejumlah besar tugas telah dilaksanakan berhubung perkara ini, terutamanya:</p> <p>i. Rangka kerja ERM kami telah siap dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2007 dan sedang dilaksanakan dalam tahun 2008/2009. Proses ERM juga dimasukkan ke dalam proses perancangan strategik bagi memastikan Rancangan Korporat kami mengambil kira dan mengutamakan inisiatif kami sejajar dengan risiko ketara yang telah dikenal pasti. Hasil daripada proses ERM juga digunakan sebagai asas bagi mengutamakan tugas yang dipertimbangkan dalam pelan audit dan perundingan berasaskan risiko. Rangka kerja urus tadbir teknologi maklumat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dalam tahun 2006 diselaraskan dengan rangka kerja ERM. Rangka kerja ERM yang termasuk struktur pengawasan menyeluruh membentuk asas bagi pemantauan dan pelaporan risiko PIDM di masa depan dan akan disemak semula setiap tahun. ACS menyediakan surat representasi setiap tahun berkaitan kawalan dalaman kepada KPE, Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah; dan</p> <p>ii. Rangka kerja kawalan dalaman kami disiapkan pada awal tahun 2008. Di masa depan, Lembaga Pengarah boleh menyemak penilaian kawalan dalaman Pengurusan menggunakan kriteria yang telah dipersetujui dan mendapatkan jaminan sewajarnya pematuhan kepada kawalan dalaman dan integriti sistem.</p>

Piawaian yang dinyatakan dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Laporan kemajuan pada akhir tahun 2007
Piawaian No. 12 - Mampu Mengawal	Kemajuan Ketara – Dilengkapkan dalam 2008
<p>Lembaga Pengarah akan mendapatkan, secara tetap, jaminan sewajarnya bahawa Perbadanan berada dalam keadaan "terkawal".</p> <p>(Nota: Konsep "terkawal" merujuk kepada keadaan di mana operasi Perbadanan tertakluk kepada urus tadbir efektif oleh Lembaga Pengarah dan diuruskan mengikut proses pengurusan strategik dan risiko yang berterusan dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Sebarang kelemahan ketara dalam hal-hal tersebut akan dikenal pasti dan diusulkan kepada perhatian Lembaga Pengarah).</p>	<p>Seperti yang dinyatakan dalam Piawaian No. 11, rangka kerja ERM dan kawalan dalaman telah diluluskan. Di masa hadapan, ini akan menjadi asas di mana Lembaga Pengarah akan mendapatkan jaminan sewajarnya bahawa operasi PIDM tertakluk kepada urus tadbir efektif dan operasinya diuruskan mengikut proses pengurusan risiko dalam persekitaran kawalan yang sesuai.</p> <p>Penyata bagi Kawalan Dalaman berada dalam Bahagian ini, muka surat 55.</p>
Piawaian No. 13 - Proses Pengurusan Strategik	Pematuhan penuh
<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyemak dan mengawasi pembangunan dan meluluskan pelan strategik dan hala tuju bagi Perbadanan, dengan mengambil kira peluang dan risiko yang dihadapinya.</p> <p>Bagi memenuhi tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>i. menilai secara berkala matlamat PIDM bagi memastikan ia terus relevan dan, jika difikirkan sesuai, mencadangkan perubahan bagi pertimbangan oleh Menteri Kewangan;</p> <p>ii. guna pakai proses perancangan strategik;</p> <p>iii. Sekurang-kurangnya setiap tahun, meluluskan objektif operasi dan strategi, bajet operasi, bajet modal, pelan pinjaman, rancangan korporat dan kadar premium yang sesuai dan berhemat dengan mempertimbangkan matlamat, persekitaran semasa dan dijangkakan, risiko, sumber dan kedudukan kewangan Perbadanan;</p>	<p>Lembaga Pengarah memainkan peranan penting dalam penetapan strategi. Sejajar dengan amalan terbaik, proses pengurusan strategik melibatkan dan dimiliki bersama oleh kedua-dua Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Dalam tahun 2007, Lembaga Pengarah meluluskan Rancangan Korporat 2008-2010 yang menggariskan hala tuju strategik, objektif, keutamaan dan rancangan kewangan bagi 2008.</p> <p>Sehubungan ini:</p> <p>i. Lembaga Pengarah akan mengkaji semula matlamat PIDM dari semasa ke semasa dan membuat cadangan, sekiranya perlu;</p> <p>ii. proses perancangan strategik telah diamalkan, di mana Lembaga Pengarah dan Pengurusan menetapkan hala tuju strategik PIDM setiap tahun;</p> <p>iii. sebagai sebahagian daripada proses perancangan korporat, Pengurusan membangunkan Rancangan Korporat terperinci yang menggariskan objektif operasi, andaian yang digunakan dalam Rancangan itu, strategi dan bajet, termasuk kadar premium sejajar dengan matlamat, risiko persekitaran semasa dan dijangkakan, sumber dan kedudukan kewangan Perbadanan, dan ia diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Rancangan Korporat diedarkan secara umum kepada pemegang kepentingan dan prestasi Rancangan tersebut dipantau dan dilaporkan;</p>



Piawaian yang dinyatakan dalam Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Laporan kemajuan pada akhir tahun 2007
<p>iv. menilai secara tetap prestasi Perbadanan dalam melaksanakan pelan dan bajet yang diluluskan; dan</p> <p>v. mendapatkan secara tetap jaminan sewajarnya bahawa Perbadanan mempunyai proses pengurusan strategik yang efektif.</p>	<p>iv. Lembaga Pengarah diberikan laporan prestasi suku tahun yang memperincikan kedua-dua status kedudukan kewangan dan prestasi inisiatif yang diluluskan. Ini juga dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit dalam mesyuaratnya; dan</p> <p>v. proses pengurusan strategik telah disediakan dan ACS juga menyemak dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan proses ini dalam tahun 2007.</p>
Piawaian No. 14 – Komunikasi Efektif	Pematuhan Penuh
Lembaga Pengarah akan memastikan PIDM berkomunikasi secara efektif dengan orang awam, Bank Negara Malaysia ("BNM"), badan berkanun atau pengawal selia lain, pendeposit, institusi anggota dan pihak berkaitan lain.	Lembaga Pengarah memantau keberkesanan komunikasi Pengurusan dengan pemegang kepentingan kami. Lihat muka surat 50 mengenai Hubungan Pemegang Kepentingan dan Komunikasi.
Piawaian No. 15 - Kajian Semula Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah	Pematuhan Penuh
Lembaga Pengarah akan menyemak Polisi Urus Tadbirnya setiap tahun bagi memastikan ia terus responsif kepada keadaan dan keperluan Perbadanan dan ia terus mencerminkan perundangan di mana Perbadanan tertakluk kepadanya, mandat PIDM, garis panduan bagi urusan urus tadbir khusus kepada badan berkanun dan amalan terbaik yang diiktiraf.	Dalam tahun 2007, Lembaga Pengarah menyemak semula Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah berbanding senarai semak yang terkandung dalam Kajian IFAC serta Garis Panduan JPM dan mendapati ia terus responsif kepada keadaan dan keperluan PIDM.

JAWATANKUASA

Tiga jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran, dan Jawatankuasa Urus Tadbir. Dalam tahun 2007, terdapat lima mesyuarat Jawatankuasa Audit, tiga mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran dan tiga mesyuarat Jawatankuasa Urus Tadbir. Komposisi dan butiran terperinci mengenai tugas Jawatankuasa dinyatakan di muka surat 51.

PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH, JAWATANKUASA DAN ANALISIS JURANG KEMAHIRAN

Proses bagi Penilaian

Lembaga Pengarah mempunyai proses untuk

menilai keberkesanannya, Jawatankuasanya dan anggota Lembaga individu. Proses itu termasuklah melengkapkan borang penilaian berasingan, disediakan mengikut rujukan kepada tanggungjawab dan amalan terbaik mereka. Di bawah proses itu, yang diketuai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, setiap ahli Lembaga mengisi borang penilaian dan Lembaga Pengarah kemudiannya bertemu untuk menilai keberkesanan mereka dan Jawatankuasa masing-masing. Bagi tahun 2007, sama seperti tahun 2006, ahli Lembaga Pengarah juga melengkapkan borang penilaian relevan bagi tujuan penilaian prestasi diri mereka sendiri sebagai Pengarah.

Analisis Jurang Kemahiran Tahunan

Sejajar dengan amalan terbaik, analisis kemahiran tahunan telah dijalankan bagi menentukan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai gabungan kemahiran, kelayakan dan pengalaman yang sewajarnya. Kesimpulannya daripada analisis tersebut, Lembaga Pengarah mempunyai gabungan kemahiran, kelayakan dan pengalaman yang perlu, berkaitan dengan keperluan dan hala tuju strategik PIDM. Terdapat juga polisi yang diluluskan Lembaga Pengarah yang membolehkan ahli Lembaga dan Jawatankuasa mendapatkan nasihat pakar, di mana diperlukan, dengan garis panduan berkaitan.

HUBUNGAN PEMEGANG KEPENTINGAN DAN KOMUNIKASI

Bagi mengekalkan ketelusan dan piawaian urus tadbir yang baik, kami menerbitkan semua polisi dan amalan utama termasuk polisi berkaitan etika, urus tadbir, polisi perolehan, rancangan korporat, laporan tahunan, undang-undang kecil dan piagam Jawatankuasa Lembaga.

Bagi menggalakkan akses kepada maklumat, kami komited kepada rejim bahasa yang memenuhi keperluan awam, iaitu secara umumnya empat bahasa utama, dan boleh ditambah jika bersesuaian. Kami mengguna pakai polisi untuk berunding dengan meluas bagi semua peraturan utama yang memberi kesan kepada pemegang kepentingan. Ini bertujuan membolehkan pemegang kepentingan kami dan orang awam memberi komen tentang perkara yang sama, dan memastikan ketelusan dalam proses membuat keputusan kami.

Dalam tahun 2007, kami melaksanakan buat pertama kalinya inisiatif-inisiatif tetap berikut:

- Dialog Tahunan dengan institusi anggota susulan penerbitan laporan tahunan kami;
- Pameran Kewangan Malaysia 2007; dan
- Capaian Korporat (di luar Kuala Lumpur).

Lembaga juga meluluskan Rancangan Komunikasi Bersepadu bagi tahun 2007-2011, yang akan dikaji semula dalam tahun 2008. Dari segi amalan, Lembaga Pengarah juga menerima secara tetap perkembangan terkini inisiatif kesedaran awam

PIDM di mesyuarat Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga menerima laporan mengenai proses perundingan dan pendekatan dalam membangunkan peraturan dan polisi dan ACS menjalankan pengauditannya bagi proses ini dalam tahun 2007.

Sejajar dengan sasaran kami untuk memenuhi piawaian tinggi bagi ketelusan, Laporan Tahunan kami juga mematuhi sepenuhnya cadangan bagi pelaporan tahunan dalam Kajian IFAC.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Perbadanan mengguna pakai *Financial Reporting Standards* (piawaian perakaunan bagi Entiti Selain Entiti Swasta yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia) dan mesti memastikan Dana Insurans Deposit Islam disenggarakan dan ditadbir mengikut keperluan Syariah.

Penyata Pengarah ke atas pematuhan penyata kewangan dengan piawaian atau keperluan yang relevan dan akuan berkanun Pengurusan berkaitan dengan tanggungjawabnya bagi penyata kewangan, boleh didapati di Bahagian IV Laporan Tahunan ini.

Kawalan Dalaman

Penyata Perbadanan bagi Kawalan Dalaman dihuraikan di muka surat 55 Laporan Tahunan ini.

Hubungan dengan Juruaudit

Ketua Audit Negara ("juruaudit luar") mengaudit penyata kewangan kami, seperti yang dikehendaki oleh Akta PIDM dan mengikut Akta Audit 1957. Menerusi Jawatankuasa Audit, kami menjalin hubungan telus dengan juruaudit luar. Juruaudit luar layak menerima notis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit di bawah Piagamnya dan menerima semua laporan yang disediakan kepada Jawatankuasa ini terlebih dahulu sebelum bermesyuarat. Dalam tahun 2007, mereka menghadiri empat daripada lima mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan. Bayaran fi juruaudit luar yang dikenakan kepada PIDM ditunjukkan di muka surat 121 Laporan Tahunan ini.⁶

⁶ Nota 12 Penyata Kewangan



Penyata Pematuhan kepada Perundangan dan Etika

Sebagai badan berkanun, kami dihendaki mematuhi pelbagai statut. Kami mengesahkan bahawa Perbadanan mematuhi undang-undang yang berkaitan dengannya sebagai sebuah badan berkanun dan majikan.

LAPORAN JAWATANKUASA

Semua Piagam Jawatankuasa boleh didapati dalam Lampiran kepada Laporan Tahunan ini dan setiap Piagam menyatakan saiz, komposisi dan kelayakan ahli serta tanggungjawab utamanya. Sebagai amalan, pada setiap mesyuarat, jawatankuasa menilai kemajuannya berbanding tanggungjawab utama dalam Piagam, seterusnya menggariskan pelan tindakannya. Laporan Jawatankuasa disediakan di bawah.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT ("JA")

Ahli Jawatankuasa dan Kehadiran di Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias (Pengerusi)	5 / 5
Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob (berkuatkuasa dari 12 Jun 2007)	1 / 2
Encik Michael Wong Kuan Lee	5 / 5
Tan Sri Dato' Sri Izzuddin bin Dali (Januari - Februari 2007)	-

Piagam JA

Piagam ini dinyatakan dalam Lampiran. JA perlu bertemu sekurang-kurangnya empat kali setahun dan perlu memastikan bahawa penyata kewangan mengikuti prinsip perakaunan yang diluluskan dan memberikan akuan tepat seboleh mungkin bagi urusan kewangan Perbadanan. Ia juga perlu memastikan bahawa juruaudit dalam dan luar tidak mempunyai sebab untuk bimbang tentang sebarang aspek akaun atau kawalan

dan prosedur audit PIDM. Ia memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelaporan kewangan lain, perakaunan dan isu-isu kawalan dalaman serta pengurusan kewangan. JA juga memainkan peranan dalam pengawasan risiko yang signifikan.

Ringkasan Aktiviti

Berikut ialah beberapa aktiviti utamanya yang dikendalikan atau disediakan sepanjang tahun 2007 berbanding tanggungjawab utamanya:

Pelaporan kewangan

- Semakan draf dan penyata kewangan akhir, polisi perakaunan penting diikuti oleh Perbadanan, nota kepada penyata kewangan, perbincangan dan analisis pengurusan dan bahagian lain Laporan Tahunan, laporan juruaudit luar ke atas penyata kewangan, serta resolusi Pengarah untuk meluluskan penyata kewangan untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah;

Proses pelaporan kewangan, polisi perakaunan dan struktur kawalan dalaman

- Semakan laporan kewangan secara tetap setiap suku tahun dan pelaporan kepada Lembaga Pengarah;
- Semakan dan penilaian prestasi secara tetap setiap suku tahun terhadap Rancangan Korporat 2007-2009 dan pelaporan kepada Lembaga Pengarah;
- Semakan Rancangan Korporat tahun 2008-2010 dan mencadangkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- Semakan Polisi Perolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar;
- Semakan polisi perakaunan penting;
- Pengawasan audit pengurusan oleh juruaudit luar;
- Semakan dan cadangan bagi perubahan kepada permodalan dan aset serta polisi susut nilai PIDM;

Pengawasan pengurusan kewangan

- Semakan Penyataan Kawalan Dalaman bagi Laporan Tahunan;
- Pengawasan bajet tahun 2007, dan semakan perbelanjaan pegawai korporat setiap enam bulan;

Audit dalaman

- Semakan Piagam ACS dan Pelan Audit dan mencadangkan ia bagi kelulusan Lembaga Pengarah, serta menyemak keseluruhan prestasi ACS;
- Semakan Rangka Kerja Kawalan Dalaman, yang bertujuan memastikan integriti kawalan dalaman Perbadanan;
- Semakan tetap laporan ACS dalam sembilan bahagian khusus bagi kawalan dalaman, dan semakan serta memberi jaminan tindakan segera yang sewajarnya telah diambil oleh Pengurusan dalam tempoh masa yang berpatutan bagi melaksanakan pelan tindakan yang dipersetujui selepas audit, dan menilai kemajuan;

Pengurusan risiko

- Perbincangan dengan Pengurusan, mengenai risiko penting dalam Perbadanan dan menyediakan hala tuju projek ERM. JA juga menyediakan input bagi risiko penting kepada Perbadanan dan pelan meringankan risiko masing-masing bagi menangani risiko tersebut dan membuat cadangan kepada Lembaga mengenai risiko penting kepada Perbadanan, pelan memitigasikan risiko berkaitan bagi menangani risiko masing-masing dan struktur pengawasan ERM;

Pematuhan etika dan perundangan

- Semakan Kod Konflik Kepentingan dan pembaikannya serta mencadangkan ia bagi kelulusan Lembaga; dan
- Semakan pematuhan Perbadanan terhadap undang-undang dan perkara berkaitan etika.

LAPORAN JAWATANKUASA GANJARAN ("JG")

Ahli Jawatankuasa dan Kehadiran di Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)	3 / 3
Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Azmi bin Dato' Haji Kamaruddin	2 / 3
Encik Michael Wong Kuan Lee	3 / 3

Piagam JG

Piagamnya dinyatakan dalam Lampiran. JG perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun di bawah Piagam itu untuk menyemak dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah bagi pelbagai isu sumber manusia, seperti imbuhan, pematuhan kepada keperluan perundangan berkaitan sumber manusia, polisi kakitangan, latihan, perancangan penggantian, aduan dan perkara-perkara berkaitan sumber manusia lain.

Ringkasan Aktiviti

Antara bahagian urusan utama JG dalam 2007, berbanding tanggungjawab utamanya ialah:

Polisi dan strategi

- Menyemak polisi dan strategi sumber manusia utama termasuk rangka kerja kecekapan, rangka kerja perancangan penggantian bagi Pengurusan dan program latihan tahunan dan secara umumnya mengawasi kemajuan berbanding pembangunan strategi modal insan, terutamanya, inisiatif bagi persekitaran kerja kondusif. Inisiatif ini termasuk, sebagai contoh, tinjauan pendapat kakitangan serta inisiatif bagi menggalakkan penerimaan nilai-nilai korporat kami;
- Menjalankan semakan tahunan falsafah imbuhan bagi memastikan ia sejajar dengan model perniagaan PIDM dan dengan keperluan untuk menarik dan mengekalkan bakat, menilai perubahan dalam pasaran dari segi gaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan bagi sebarang perubahan yang diperlukan;
- Memastikan terdapat polisi dan prosedur berterusan bagi tingkah laku dan sikap kakitangan, termasuk semakan Polisi Gangguan di Tempat Kerja dan prosedur disiplin dan aduan;
- Menyemak dan mengesyorkan bagi kelulusan Lembaga Pengarah, program tertentu lain seperti program bimbingan ke arah keseimbangan antara kerja dan kehidupan serta program ganjaran dan pengiktirafan;



URUS TADBIR KORPORAT

PENYATAAN URUS TADBIR

Pematuhan dan laporan

- Menilai laporan tahunan bagi pematuhan kepada undang-undang berkaitan modal insan dan polisi-polisi utama;

Ganjaran bonus

- Menyemak semula pelaksanaan polisi pengurusan prestasi yang diluluskan Lembaga Pengarah, agar sejajar dengan keperluan dan budaya kerja PIDM dan meluluskan bonus (selain daripada KPE) sejajar dengan Piagamnya;

Objektif dan penilaian KPE

- Menyemak PPU tahunan KPE bagi tahun 2008 dan mencadangkannya bagi kelulusan Lembaga Pengarah; dan
- Mengawasi dan menyemak prestasi KPE berbanding PPU 2007, dan mengesyorkan ganjaran bonus, sekiranya sesuai, untuk kelulusan Lembaga.

LAPORAN JAWATANKUASA URUS TADBIR (“JUT”)

Ahli Jawatankuasa dan Kehadiran di Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Tan Sri Dato’ Abdul Aziz bin Haji Taha (Pengerusi)	3 / 3
Tan Sri Dato’ Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	2 / 3
Dato’ Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob (perubahan berkuatkuasa dari 12 Jun 2007)	2 / 2 mesyuarat sehingga bertukar dari JUT ke JA
Dato’ Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah (dilantik berkuatkuasa dari 12 Jun 2007)	1 / 2 mesyuarat diadakan sejak pelantikan ke JUT

Piagam JUT

Piagamnya dinyatakan dalam Lampiran. Tanggungjawab utama JUT termasuk memastikan struktur dan proses yang sesuai diperuntukkan bagi menyediakan pengawasan hala tuju yang efektif bagi aktiviti PIDM. Ia perlu bertemu sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Antara peranan utamanya ialah: – memastikan pembentukan polisi urus tadbir mengikut amalan terbaik dan piawaian urus tadbir yang tinggi, menyemak gabungan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan Lembaga Pengarah dan mengenal pasti jurang kemahiran serta mengesyorkan pelantikan jawatan bukan *ex-officio* dalam Lembaga pada masa depan.

Ringkasan Aktiviti

Sepanjang tahun 2007, tanggungjawab utama JUT termasuk:

Pengawasan Urus Tadbir Korporat

- Menjalankan semakan tahunan pendekatan Perbadanan kepada isu-isu urus tadbir korporat. Ia menyemak terutamanya Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah; dokumentasi bagi peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi dan KPE dan piawaian yang dijangkakan dari mereka serta set undang-undang kecil korporat yang mengawal selia pengurusan hal ehwal Lembaga Pengarah bagi memastikan ia terus relevan dan terkini;
- Membuat cadangan polisi berkaitan tempoh jawatan, persaraan dan penggantian Pengarah;
- Menjalankan Polisi bagi Jawatankuasa Lembaga dan Pengarah untuk mengupah peguam bebas yang berasingan atau penasihat lain dengan perbelanjaan Perbadanan;
- Mengambil tahu perkembangan terkini urus tadbir korporat dalam dan luar negara. Ia memaklumkan penerbitan Garis Panduan JPM, serta semakan kepada “Kod bagi Urus Tadbir Korporat Malaysia” dan penerbitan bersama kertas “Sistem Integriti Nasional – Rangka Kerja Panduan,” oleh Institut Integriti Malaysia dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu. JUT menyemak semula urus tadbir Perbadanan berbanding senarai semakan Garis Panduan JPM dan memaklumkan bahawa kami mematuhi semua aspek utama. Meskipun Garis Panduan JPM mencadangkan “mesyuarat urus tadbir” setiap suku tahun yang diketuai KPE, kami maklum amalan mengadakan tiga mesyuarat JUT setahun, diketuai oleh Pengerusinya bersama dengan semua proses kami untuk melaporkan urus tadbir kepada Lembaga Pengarah, sejajar dengan amalan terbaik urus tadbir;

- Terus menanda aras polisi dan amalan urus tadbir Lembaga Pengarah dan Perbadanan berbanding amalan terbaik antarabangsa. Ia sekali lagi menyemak kemajuan urus tadbir kami berbanding senarai semakan yang terkandung dalam Kajian IFAC;

Penilaian operasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya

- Menyedia dan mengesyorkan perancangan agenda tahunan bagi mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa dari segi kekerapan dan lokasi serta butiran agenda, terlebih dahulu, dan mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah;
- Menyemak dokumentasi bagi peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi Lembaga Pengarah, Pengerusi dan KPE serta piawaian yang diharapkan daripada mereka dan set undang-undang kecil korporat yang mengawal selia pengendalian hal ehwal Lembaga Pengarah bagi memastikan ia kekal relevan dan terkini;
- menguatkuasakan dan menyemak semula metodologi bagi penilaian Lembaga Pengarah, ahli serta Jawatankuasanya, bagi tahun 2007;
- Membangunkan metodologi untuk menilai sokongan Pengurusan kepada Lembaga Pengarah, terutamanya, dari segi kecekapan, relevan, dan ketepatan masa mengenai

maklumat disediakan kepada Lembaga Pengarah, agar mereka boleh membuat keputusan yang berdasarkan maklumat;

Penamaan Lembaga Pengarah

- Melaksanakan proses bagi analisis jurang kemahiran yang dilulus Lembaga Pengarah dan membangunkan serta mengesyorkan Polisi Lembaga bagi Tempoh Jawatan, Persaraan dan Penggantian, kepada Lembaga Pengarah;
- Menimbang polisi PIDM terhadap penggiliran ahli Jawatankuasa Lembaga dan bagi ahli Jawatankuasa yang digilir menangani isu persaraan anggota *ex-officio*;

Pelaporan dan Pendedahan

- Menyemak laporan mengenai urus tadbir yang mungkin diminta atau dinasihatkan untuk pendedahan dalam Laporan Tahunan bagi kelulusan Lembaga;

Aktiviti lain

Ia juga:

- Mencadangkan pelan Pendidikan Lembaga bagi kelulusan Lembaga Pengarah; dan
- Menimbang dan mencadangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah, Polisi bagi Tanggungjawab Sosial Korporat untuk Perbadanan dan menerima laporan mengenai pelaksanaannya.





Tinjauan

Penyataan Kawalan Dalaman ini ("Penyataan") bertujuan menyediakan maklumat yang penuh bermanfaat mengenai keadaan sistem kawalan dalaman PIDM kepada pemegang kepentingan dan pembaca Laporan Tahunan kami.

Tanggungjawab bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Peranan Lembaga Pengarah adalah untuk menyelia urusan niaga serta melihat sama ada ia diurus dengan baik, bagi memastikan pelaporan kewangan yang boleh dipercayai. Ia bertanggungjawab mengkaji semula kemampuan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat termasuk sistem bagi pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi melindungi aset Perbadanan dengan sewajarnya. Piawaian No. 11 dan 12 Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah menggariskan jangkaan daripada Lembaga Pengarah berhubung perkara ini.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan juga mengakui pengembangan saiz dan kerumitan operasi urusan niaga telah menjadikan pengurusan spektrum risiko yang pelbagai dan meluas, sebagai suatu yang perlu. Piawaian No. 10 Polisi Urus Tadbir Lembaga Pengarah menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan mengenai pengenalan, penilaian dan pengurusan risiko PIDM.

Sepanjang tahun ini, PIDM telah membangunkan rangka kerja ERM bagi mengenal pasti dan menilai risikonya. Sehubungan itu, kawalan dalaman yang sesuai telah dibentuk bagi mengurangkan dan menangani risiko-risiko yang dikenal pasti. Dalam tahun 2007, Lembaga Pengarah mengkaji semula Rangka Kerja ERM dan proses berkaitan.

Rangka Kerja ERM dilaksanakan sebagai satu usaha bersama dan berterusan sepanjang tahun kewangan tersebut. Muka surat 81 Laporan Tahunan ini menjelaskan perkara ini dengan lebih lanjut.

KAWALAN DALAMAN UTAMA

Jawatankuasa Audit ("JA")

Tanggungjawab utama JA dinyatakan dalam Piagamnya, dalam Lampiran kepada Laporan Tahunan ini. Butir-butir mengenai JA dan ringkasan aktiviti yang dinyatakan dalam Penyataan Urus Tadbir, di muka surat 51.

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan (Audit and Consulting Services - "ACS")

JA disokong oleh Bahagian ACS. ACS menyediakan kepada Lembaga Pengarah dengan jaminan bebas dan objektif berkaitan pemantauan dan pematuhan kepada kawalan dalaman dan integriti sistem. Ia juga membantu Lembaga Pengarah memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi menangani sebarang kelemahan atau kegagalan ketara, jika dikenal pasti. ACS menilai, dan membuat cadangan mengenai keberkesanan kawalan, pengurusan risiko, proses urusan niaga dan urusan tadbir yang dilaksanakan oleh Pengurusan dan membuat cadangan bagi penambahbaikan, jika ada.

ACS juga menjalankan pengauditan berasaskan risiko dan menyediakan khidmat perundingan mengikut pelan audit yang dilulus Lembaga Pengarah.

Sepanjang tahun kewangan itu:

- Audit dalaman dijalankan secara tetap. Setiap suku tahun, ACS melaporkan hasil audit yang dijalankan dan mengetengahkan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan risiko ketara. JA menyemak dan menilai isu-isu

utama yang dibangkitkan oleh ACS dalam laporan audit. Ia kemudiannya memastikan rancangan tindakan pemulihan disediakan dan dilaksanakan oleh Pengurusan dalam tempoh masa yang dirancang. ACS menyediakan laporan kepada JA mengenai status pelaksanaan pelan tindakan yang dipersetujui Pengurusan;

- JA menjalankan semakan tahunannya bagi keseluruhan prestasi dan operasi ACS bagi tahun 2007, seperti yang dikehendaki Piagamnya. Ini memastikan bahawa ACS akan terus berfungsi dengan efektif dan prestasi kerja audit yang dirancang dan tugas perundingan dipantau;
- JA juga menyemak maklum balas daripada pihak yang diaudit dan cadangan bagi setiap audit yang dijalankan; dan
- Dengan pelaksanaan Rangka Kerja ERM, Lembaga Pengarah juga meluluskan Rancangan Audit ACS bagi tahun 2008 hingga 2010 yang mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko dalam perancangan audit. Rancangan Audit tahun 2008 hingga 2010 dipacu oleh:
 - Proses urusan niaga PIDM dengan pendedahan risiko tinggi tetapi tahap kawalan rendah;
 - Inisiatif Perbadanan yang merupakan kunci bagi mencapai objektif Rancangan Korporat 2008-2010; dan
 - Operasi dan proses PIDM dikenal pasti menerusi program ERM, terutamanya dengan pendedahan risiko yang meningkat.

Rangka Kerja Kawalan Dalaman

Lembaga dan Pengurusan menyedari bahawa, untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh, satu rangka kerja dalaman perlu dibangunkan, direka dan dilaksanakan. Sebahagian daripada inisiatif utama bagi tahun 2007 ialah pembangunan rangka kerja kawalan dalaman ini. Objektif rangka kerja dalaman seumpama itu adalah untuk:

- mengurus risiko kegagalan bagi mencapai objektif Perbadanan; dan

- membolehkan peruntukan jaminan yang sewajarnya dan bukannya mutlak bagi sebarang salah nyata atau kerugian ketara.

Rangka kerja kawalan dalaman kami dibangunkan pada tahun 2007 dan dilengkapkan pada awal tahun 2008. Ia berasaskan kepada Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu oleh *Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission*. Di masa hadapan, Rangka Kerja Kawalan Dalaman akan menyediakan metodologi bersistematik bagi menilai keadaan sistem kawalan dalaman PIDM.

Persekitaran Kawalan Dalaman PIDM pada 2007

Dalam tahun 2007, tugas tambahan berikut telah dijalankan sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman kami:

- Kami telah menyemak struktur organisasi sedia ada serta fungsi-fungsi kerja kakitangan. Ini bagi memastikan terdapat pengasingan tugas yang sesuai dan penghuraian fungsi, serta satu sistem semak dan imbang;
- Kami terus menggalakkan budaya kawalan dalaman. Kami tertumpu, terutamanya, kepada latihan dan didikan kakitangan berkenaan Nilai-Nilai Korporat, Kod Konflik Kepentingan, Kod Tata Laku Urus Niaga dan Etika, serta keperluan bagi mengisytiharkan aset dan liabiliti peribadi, polisi gangguan di tempat kerja dan tindakan disiplin serta aduan;
- Kami telah melaksanakan program bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Ini melibatkan kajian semula tahunan terhadap pematuhan dan serahan penyata pematuhan daripada ketua-ketua Bahagian yang berkenaan;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah terus melaksanakan tugas mereka bagi tanggungjawab utama seperti yang digariskan dalam Piagam mereka yang terdapat di dalam Lampiran Laporan Tahunan ini.



- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif terus diadakan secara tetap bagi menangani isu-isu operasi di peringkat pengurusan. Kami juga membentuk beberapa jawatankuasa operasi utama seperti Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat, Jawatankuasa Aset Liabiliti dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi. Ini bagi memastikan dan meningkatkan keberkesanan beberapa bahagian utama operasi PIDM;
- Kami telah mendokumentasikan dan mengadakan semakan secara tetap terhadap polisi dan prosedur kewangan dan operasi utama bagi memastikan pematuhan kepada kawalan dalaman dan undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. Polisi dan prosedur ini telah dimaklumkan kepada semua kakitangan menerusi pekelliling dalaman atau memorandum. Kami juga telah menyemak serta mengukuhkan polisi-polisi yang sedia ada;
- Kami telah mengikuti rangka kerja pengurusan strategik yang kini termasuk sistem ERM kami dalam membangunkan Rancangan Korporat. Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan telah mengadakan sesi perbincangan bagi menentukan hala tuju strategik PIDM dan menetapkan objektif korporat, andaian utama, keutamaan dan aktiviti bagi tempoh perancangan;
- Bajet tahunan PIDM bagi 2008 telah disediakan sejajar dengan Rancangan Korporat 2008-2010 dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
- Seperti sedia ada, Lembaga Pengarah terus menerima maklumat menyeluruh yang relevan dan tepat pada masa bagi membantu mereka membuat keputusan yang lebih bermaklum. Ahli Lembaga Pengarah menerima laporan mengenai prestasi PIDM berbanding bajet setiap suku tahun, di samping penjelasan pihak Pengurusan berkenaan sebarang perbezaan utama. Ini dikaji semula oleh Lembaga Pengarah serta JA. Lembaga Pengarah juga telah menyediakan proses menilai kepuasan terhadap cara dan ketepatan masa di mana ia menerima maklumat dan terhadap maklumat diterima;
- Menerusi Jawatankuasa Ganjaran, Lembaga Pengarah telah memantau pembangunan polisi dan prosedur modal insan, seperti rancangan latihan dan pembangunan serta tinjauan pendapat kakitangan. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan rangka kerja pengurusan penggantian dan rangka kerja kecekapan. Ini adalah untuk menggalakkan budaya prestasi tinggi, membolehkan pembangunan kakitangan, untuk memastikan perancangan bagi penggantian serta menggalakkan tempat kerja yang kondusif sejajar dengan Rancangan 2007-2009;
- Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan terus memantau persekitaran operasi dan keadaan kewangan institusi anggota kami. Lembaga Pengarah menerima laporan tersebut secara tetap; dan
- PPU Perbadanan bagi inisiatif yang menyokong pencapaian Rancangan Korporat 2007 - 2009 telah diterbitkan, dikeluarkan kepada pemegang kepentingan dan disiarkan dalam laman web Perbadanan. PPU akan memacu Perbadanan dalam memenuhi sasaran prestasinya di samping menguruskan risiko serta mengekalkan tahap piawai yang tinggi bagi urus tadbir dan kawalan dalaman.

Penyata bagi Keberkesanan Sistem Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah telah menyemak keberkesanan sistem, polisi dan proses PIDM yang dilaksanakan dalam tahun 2007, pencapaian inisiatif PIDM bagi 2007 serta pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja ERM. Selain itu, JA juga menyemak penilaian Pengurusan bagi kawalan dalaman pada 31 Disember 2007 menggunakan kriteria yang digariskan dalam rangka kerja kawalan dalaman. Semua ini membentuk sebahagian daripada sistem kawalan dalaman Perbadanan.

Semakan semula oleh Lembaga Pengarah ini adalah berdasarkan kepada laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan. Tugas semakan Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- Lembaga Pengarah menyemak, secara tetap, laporan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Ini termasuk laporan mengenai semakan oleh JA terhadap kedudukan kewangan Perbadanan, pematuhan kepada undang-undang dan etika serta keberkesanan kawalan yang dilaksanakan bagi suatu sistem atau proses yang telah diaudit oleh ACS; laporan JG mengenai pematuhan kepada polisi modal insan dan undang-undang berkaitan; dan laporan JUT, seperti yang terkandung di dalam Penyataan Urus Tadbir, mengenai pematuhan kepada polisi urus tadbir utama;
- Lembaga Pengarah menyemak, setiap suku tahun, laporan kewangan PIDM yang juga dikemukakan kepada Perbendaharaan secara tetap;

- Lembaga Pengarah menyemak, setiap suku tahun, penggunaan sumber berbanding bajet yang diluluskan;
- Lembaga Pengarah menyemak, setiap suku tahun, kemajuan dan perkembangan terkini keseluruhan prestasi Pengurusan berbanding inisiatif yang diluluskan seperti yang terkandung dalam Rancangan Korporat. Lembaga Pengarah juga menyemak penilaian Pengurusan terhadap faktor dalaman dan luaran yang mungkin menjejaskan prestasi Rancangan Korporat; dan
- Lembaga Pengarah menyemak, setiap suku tahun, perkembangan terkini risiko PIDM dan langkah-langkah untuk menangani risiko tersebut.

Berdasarkan kepada sistem, polisi, proses dan rangka kerja yang telah disediakan, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa sistem kawalan dalaman PIDM beroperasi dengan efektif bagi tahun 2007, dengan mengambil kira peringkat pembangunan PIDM dan tahap semasa operasi kami. Lembaga Pengarah juga dengan sukacitanya melaporkan bahawa bagi tahun 2007, tiada laporan insiden kelemahan atau kekurangan dalam keupayaan dan integriti kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam sistem, polisi dan proses PIDM.

Penyataan ini dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 18 Februari 2008.



BAHAGIAN III:
PERBINCANGAN
DAN ANALISIS PENGURUSAN





PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Persekitaran Operasi Kami



Matlamat berkanun kami adalah seperti berikut:

1. Mentadbir sistem insurans deposit;
2. Menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau semua deposit;
3. Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko kukuh dalam sistem kewangan; dan
4. Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat (2) dan (4), kami akan bertindak dengan apa-apa cara bagi meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Mandat kami memerlukan kami memantau dan menilai persekitaran operasi kami, agar kami boleh menguruskan risiko insurans deposit dengan baik.

Justeru itu, Perbincangan dan Analisis Pengurusan ini termasuk kaji selidik persekitaran operasi kami. Ini merangkumi semakan ringkas persekitaran ekonomi, dan tinjauan keadaan institusi anggota kami dalam tahun 2007.

PERSEKITARAN DAN ALIRAN EKONOMI

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tahun 2007 tetap menggalakkan dan sistem kewangan terus kukuh. Pada masa penurunan eksport yang berpanjangan dan dengan kesan terhadap daripada krisis gadaai janji sub-prima di Amerika Syarikat ("AS"), perbelanjaan penggunaan swasta kekal sebagai pemacu pertumbuhan, dengan sokongan daripada pemulihan pelaburan.

Di masa hadapan, terdapat risiko-risiko tertentu di mana prospek bagi Malaysia dalam tahun 2008 bergantung kepada tahap kelembapan ekonomi di AS. Memandangkan potensi penurunan pertumbuhan ekonomi AS, kemerosotan dalam eksport pembuatan ketika ini dijangka akan berterusan. Selain jangkaan lemah bagi ekonomi-ekonomi maju, harga minyak yang melambung tinggi dan pergolakan dalam pasaran global boleh menjejaskan lagi ekonomi. Dari pandangan domestik, kebimbangan inflasi mungkin membawa satu lagi cabaran polisi utama.

Bagaimanapun, kami menjangka Malaysia dapat mempamerkan daya tahan yang berterusan. Dengan rizab yang besar, sistem kewangan padu dan skop bagi pengubahsuaian polisi, kami yakin Malaysia mampu menangani sebarang perkembangan negatif dari luar.

Keseluruhannya, dengan perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam pelbagai Koridor yang mengurangkan kesan penurunan eksport pembuatan, pertumbuhan ekonomi dijangka bertahan bagi tahun 2008. Disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, dan tanpa mengambil kira sebarang keadaan yang tidak dijangka, persekitaran operasi bagi sektor perbankan dijangka terus positif.

TINJAUAN KEANGGOTAAN DALAM TAHUN 2007

Keseluruhannya, ia merupakan tahun yang baik bagi industri perbankan, disokong oleh amalan persekitaran operasi yang positif dan bertenaga pinjaman berhemat.

Komposisi keanggotaan

Pada akhir Disember 2007, keanggotaan kami terdiri daripada 33 institusi perbankan – 11 bank Islam dan 22 bank perdagangan ("institusi anggota"). Asian Finance Bank Berhad merupakan anggota terkini, berkuatkuasa Januari 2007. Kami menjangkakan bilangan anggota akan meningkat dalam 2008, apabila lebih banyak subsidiari Islam ditubuhkan oleh bank-bank induk.

Jadual 3: Senarai institusi anggota pada akhir Disember 2007

Bank Islam

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
3. AmlIslamic Bank Berhad
4. Asian Finance Bank Berhad
5. Bank Islam Malaysia Berhad
6. Bank Muamalat Malaysia Berhad
7. CIMB Islamic Bank Berhad
8. EONCAP Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
11. RHB Islamic Bank Berhad

Bank Perdagangan

1. ABN Amro Bank Berhad
2. Affin Bank Berhad
3. Alliance Bank Malaysia Berhad
4. AmBank (M) Berhad
5. Bangkok Bank Berhad
6. Bank of America Malaysia Berhad
7. Bank of China (Malaysia) Berhad
8. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
9. CIMB Bank Berhad
10. Citibank Berhad
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
12. EON Bank Berhad
13. Hong Leong Bank Berhad
14. HSBC Bank Malaysia Berhad
15. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
16. Malayan Banking Berhad
17. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
18. Public Bank Berhad
19. RHB Bank Berhad
20. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
21. The Bank of Nova Scotia Berhad
22. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Prestasi sektor perbankan dalam tahun 2007

Keseluruhannya, 2007 merupakan tahun yang baik bagi industri perbankan di Malaysia. Persekitaran operasi yang menggalakkan dan amalan berian pinjaman berhemat menyokong keseluruhan prestasi institusi anggota. Industri menunjukkan peningkatan dari segi kualiti aset. Terdapat kecairan dan modal yang mencukupi, serta pertumbuhan pendapatan yang kukuh.

Aliran utama pada tahun 2007 adalah seperti berikut:

- Terdapat peningkatan umum dalam kualiti aset dengan pengurangan pinjaman tidak membayar (*non-performing loans* - "NPL") dan aliran menurun bagi kemungkiran hartanah kediaman. Penunjuk utama seperti pinjaman lampau tempoh (*loans past due* - "LPD") bagi


dua hingga tiga bulan atas peratusan pinjaman kasar ("nisbah LPD") juga menunjukkan aliran yang bertambah baik. Ini disokong oleh pertumbuhan pinjaman kukuh sebanyak 8.8% pada 2007 (2006: 6.2%) dan, yang lebih ketara, penurunan stabil kedua-dua NPL dan LPD.






PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Persekitaran Operasi Kami



Carta 1: Aliran kemungkiran berjanji pinjaman hartanah kediaman¹



Carta 2: Aliran NPL dari 2004 hingga Disember 2007¹


- Secara keseluruhannya, nisbah kecukupan modal berlawanan risiko ("Risk Weighted Capital Ratio - RWCR") terus kukuh, di atas tahap minimum keperluan kawal selia iaitu 8%. Ketika pertumbuhan kukuh dalam aset berlawanan risiko² membawa kepada penurunan beransur-ansur dalam keseluruhan

RWCR, peningkatan kualiti aset nampaknya membawa kepada pengurusan modal yang lebih efisien. Sehubungan itu, modal tambahan berkembang, sebagai peratusan asas modal, daripada 19.4% pada akhir Disember 2006 kepada 22.7% pada akhir Disember 2007.




- Pendapatan terus berada dalam aliran meningkat. Institusi anggota mencatatkan pulangan ekuiti tahunan (return on equity - "ROE") sebanyak 18.5% bagi tahun 2007 berbanding 15.1% yang dicatatkan dalam tahun 2006. Ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan perlahan dalam modal (ekuiti)

disebabkan belian balik saham oleh anggota tertentu dan juga kenaikan dalam modal tambahan. Pulangan bagi aset (return on asset - "ROA") juga meningkat sedikit kepada 1.52% dalam tahun 2007 selepas kadar rendah sebanyak 1.3% pada tahun 2006.



Carta 3: Aliran penunjuk permodalan utama¹



Carta 4: Aliran tahunan ROA dan ROE¹

¹Sumber: Financial Institutions Statistical System (FISS), Bank Negara Malaysia
²Kira-kira 14% sehingga Disember 2007



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Persekitaran Operasi Kami

- Dalam tahun 2007, semua institusi anggota telah mematuhi Rangka Kerja Kecairan Baru Bank Negara Malaysia ("BNM"). Sebahagian besar instrumen deposit boleh niaga (*negotiable instrument of deposit - "NID"*) yang matang dalam tahun semasa menyumbang kepada aliran tidak menentu dalam pertumbuhan deposit pengguna. Akibatnya, jumlah deposit pelanggan berkembang hanya sebanyak 6.9% dalam tahun 2007, berbanding 16.4% dalam tahun 2006. Kesan daripada pertumbuhan deposit yang rendah dan pertumbuhan pinjaman yang tinggi, nisbah pinjaman-berbanding-deposit meningkat kepada 77.6% pada akhir Disember 2007 (akhir-Disember 2006: 76.3%).



Perbankan Islam

- Keseluruhannya, industri perbankan Islam mencatatkan prestasi yang kukuh. Jumlah aset dalam perniagaan perbankan Islam meningkat kepada 13.2% daripada jumlah industri pada akhir Disember 2007 (akhir-Disember 2006: 12.3%). Momentum ini dijangka berterusan pada tahun-tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sekuriti bersih lebih tinggi berbanding pertumbuhan pembiayaan. Ini menunjukkan kemajuan kukuh pasaran modal dan wang

Islam berbanding produk pembiayaan tradisional. Dalam tahun semasa, sebuah bank Islam baru telah mula beroperasi dan kebanyakan skim perbankan Islam ditukarkan menjadi subsidiari Islam sepenuhnya. Beberapa bank asing yang diperbadankan di Malaysia juga melahirkan minat untuk menubuhkan subsidiari Islam mereka sendiri dan sebahagiannya telah mendapat kelulusan BNM. Kami menjangkakan pertumbuhan berterusan dalam aktiviti perbankan Islam.

Jadual 4: Penunjuk terpilih dalam perniagaan perbankan Islam

	2004	2005	2006	2007
Aset perbankan Islam berbanding jumlah aset industri	10.69%	11.45%	12.31%	13.19%
Pertumbuhan pembiayaan	28.93%	8.80%	9.03%	16.58%
Pembiayaan berbanding jumlah aset	68.17%	64.67%	57.83%	56.53%
Nisbah modal berwajaran risiko	12.66%	14.39%	16.74%	15.38%
Nisbah (<i>non performing financing - "NPF"</i>) bersih (3-bulan)	7.24%	6.87%	4.87%	3.31%
Pulangan Purata Aset (ROA)	1.03%	1.23%	0.56%	1.30%

Sumber: Financial Institutions Statistical System (FISS), Bank Negara Malaysia


Deposit dan premium

Sejajar dengan pertumbuhan jumlah deposit sebanyak 16.4% dalam tahun taksiran 2007 (berdasarkan kepada jumlah pada akhir Disember 2006), jumlah deposit boleh diinsuranskan mencatatkan pertumbuhan 11.6%. Daripada jumlah ini, 30.9% yang diinsuranskan oleh Perbadanan bernilai RM179 bilion. Ini merangkumi deposit Islam RM17.5 bilion (9.8%) dan deposit konvensional RM161.5 bilion (90.2%). Carta 5 dan 6 menunjukkan saiz dan pertumbuhan dalam premium dan jumlah deposit boleh diinsurans yang dilindungi oleh PIDM.

Semua institusi anggota membayar premium tahunan mereka pada 31 Mei 2007, selain daripada Asian Finance Bank (AFB) yang baru diberi lesen. AFB membuat pembayaran premium pertama pada Februari 2007. Sejajar dengan peningkatan jumlah deposit yang diinsurans, jumlah premium yang dikutip meningkat sebanyak 7.9% kepada RM110.3 juta (tahun taksiran 2006: RM102.2 juta). Premium Islam meningkat sebanyak 23.4% kepada RM11.6 juta (tahun taksiran 2006: RM9.4 juta) dan premium konvensional sebanyak 6.4% kepada RM98.7 juta (tahun taksiran 2006: RM92.8 juta).


Kesimpulan

Kesimpulannya, institusi anggota menunjukkan prestasi yang baik dengan peningkatan aktiviti perniagaan dan amalan pengurusan risiko berhemat. Selain itu, perbankan Islam dijangka berkembang kukuh pada tahun-tahun akan datang dengan persekitaran operasi yang kondusif dan dasar kerajaan yang membantu. Sementara itu dana insurans deposit berada dalam aliran meningkat dengan pertumbuhan kukuh premium sejajar dengan pertumbuhan deposit pelanggan yang baik.



* Premium dikutip pada 2005 adalah bagi tempoh 4 bulan (September hingga Disember 2005)

Carta 5: Saiz dan pertumbuhan premium



Carta 6: Jumlah deposit diinsurans berbanding jumlah deposit yang boleh diinsuranskan



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN 2007

Daripada hari pertama, kami telah menumpukan kepada pembangunan organisasi yang berpacuan prestasi dan budaya yang sesuai. Oleh itu, kami memberi perhatian utama kepada Rancangan Korporat tiga tahun kami. Bagi memastikan pemegang kepentingan boleh menilai kemajuan, kami telah menyediakan penunjuk prestasi utama ("PPU"), bagi setiap apa yang dilaporkan setiap tahun. Setakat ini, kami telah mencatatkan kemajuan.¹ Kami percaya pencapaian kami jelas membuktikan usaha kami. Bahagian ini merupakan kajian semula operasi bagi tahun 2007 dan pencapaian kami berbanding Rancangan Korporat 2007-2009. Keseluruhannya kami mencatatkan kemajuan yang amat baik dalam melaksanakan semua inisiatif utama dan malahan terlibat dalam inisiatif di luar perancangan kami bagi tahun itu.

KAJIAN SEMULA OPERASI

Ke arah Memenuhi Mandat Kami

Teras strategik kami kekal seperti tahun-tahun sebelumnya iaitu; kesediaan, amalan perniagaan dan kewangan yang mantap, kesedaran awam yang efektif, dan perkongsian kukuh. Petunjuk prestasi utama dan inisiatif kami menyokong teras strategik dan objektif korporat kami yang pada dasarnya menyokong pencapaian mandat kami. Objektif korporat kami, dihuraikan daripada empat perspektif *balanced scorecard*, adalah seperti berikut:

Pemegang Kepentingan	<p>Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat Perkongsian yang efektif</p> <p>Keyakinan pemegang kepentingan terhadap Perbadanan penting kepada keberkesanan sistem insurans deposit. Oleh itu, kami perlu menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi kendalian perniagaan kami dan mematuhi amalan urus tadbir korporat yang mantap. Kami akan terus berinteraksi dengan semua pemegang kepentingan - untuk mendidik mereka mengenai sistem insurans deposit menerusi program kesedaran awam dan pendidikan serta berunding dengan mereka apabila membangunkan peraturan. Kami juga akan meneruskan kerjasama rapat dengan institusi anggota, pengawal selia, pengawal atur, penginsurans deposit lain dan pembekal utama agar kami boleh melaksanakan inisiatif dengan cekap dan berkesan.</p>	<p>Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan Persekitaran korporat yang kondusif</p> <p>Sebagai penginsurans deposit nasional, adalah penting bagi kami mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk menjayakan inisiatif dan matlamat kami. Kakitangan kami adalah aset paling penting. Justeru itu kami akan menyediakan insentif yang sewajarnya untuk menarik dan mengekalkan orang yang berkecualan dengan kepakaran pengurusan, pengalaman dan sikap yang relevan dan bersesuaian. Kami komited untuk menyediakan peluang latihan dan pembangunan kepada kakitangan kami untuk memenuhi potensi penuh mereka. Kami juga akan memupuk budaya dan nilai-nilai korporat yang sesuai dan menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan tanpa gangguan.</p>	Pembelajaran dan Pembangunan
	<p>Penggunaan sumber yang optimum</p> <p>Sebagai badan awam yang bertanggungjawab kepada pemegang kepentingan, kami akan menggunakan sumber secara optimum melalui pengelolaan kewangan berhemat dengan mengurus dan menggunakan dengan baik aset kami, modal insan dan harta intelektual.</p>	<p>Kecemerlangan operasi</p> <p>Bagi menggalakkan keyakinan dan mentadbir sistem insurans deposit kami dengan baik kami akan terus melaksana dan mengekalkan polisi, sistem, proses dan prosedur terkini yang kukuh berdasarkan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa yang relevan.</p>	
Kewangan			

Membina atas Kekuatan - Pencapaian Kami pada 2007

Hala tuju strategik kami bagi tahun 2007 adalah untuk terus mencapai amalan terbaik dalam urus tadbir dan operasi kami dan pada masa yang sama berusaha ke arah mencapai objektif korporat kami. Usaha diteruskan untuk memajukan kakitangan kami dan mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang kondusif.

VISI KAMI

Menjadi satu daripada peneraju penginsurans deposit utama dunia menjelang 2010.

¹Sila lihat Bahagian 1 mengenai sejarah PIDM



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI & PENCAPAIAN 2007

Nota	G	Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan/atau dalam lingkungan bajet.
	A	Sasaran dicapai/inisiatif dilaksanakan.
	Y	Belum dimulakan/tarikh bermula di masa hadapan.
	R	Lewat berbanding jadual; dan/atau di bawah sasaran; dan/atau >±10% (tahun penuh) perbezaan bajet.

Sorotan pencapaian kami bagi tahun 2007 adalah seperti berikut:

	Objektif Korporat		PPU	Sasaran 2007	Keputusan Dis-07	Ulasan	
Pemegang Kepentingan	A	Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik.	1	Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:			
				a. Amalan terbaik urus tadbir yang diterima pakai	Kepuasan tinggi	A	Amalan urus tadbir termasuk semua polisi urus tadbir utama bagi tata laku perniagaan dibangunkan dan dilaksanakan setakat ini. Kemajuan ketara dalam pawaian amalan terbaik telah dibuat seperti yang tertera dalam Polisi Urus Tadbir kami. (Lihat Penyataan Urus Tadbir kami, muka surat 41 dalam Laporan Tahunan ini.) Kami menerima Certificate of Merit daripada Jawatankuasa Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan bagi Laporan Tahunan 2006. Penilaian "Sangat Baik", penilaian tertinggi, oleh juruaudit luar berikutan audit pengurusan.
				b. Amalan pengurusan yang diterima pakai	Kepuasan tinggi	A	
			c. Pematuhan kepada polisi penting	100%	A		
			d. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab	Kepuasan tinggi	A	Penilaian Lembaga Pengarah mengenai sokongan pihak Pengurusan berkenaan penyediaan maklumat.	
			2	Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Membangunkan mekanisme maklum balas dan mewujudkan garis dasar	A	Kami sentiasa berunding dengan pemegang kepentingan utama untuk mendapatkan maklum balas mengenai polisi dan peraturan penting. Laporan Tahunan dan Rancangan Korporat kami diterbitkan umum dan kami menyediakan satu salinan serta menggariskan sorotan Rancangan Korporat dan prestasi kami kepada pemegang kepentingan utama.
	3	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:					
	a. Pembangunkan rangka kerja Pengurusan Komunikasi Krisis	Disempurnakan	A	Ini memberi panduan untuk menguruskan komunikasi sekiranya berlaku krisis.			
	b. Pembangunkan dan pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM):	Disempurnakan	A	Pengenalan dan proses penerimaan termasuk memulakan projek ERM dan sesi kesedaran di semua peringkat. Ini termasuk pembangunkan rangka kerja ERM dan proses operasi serta proses dan struktur urus tadbir.			
	i. Pengenalan dan program penerimaan	Disempurnakan	A				
	ii. Pembangunkan asas pengurusan risiko organisasi dan proses urus tadbir	Disempurnakan	A				
	iii. Pengenalan dan penilaian risiko tahap tinggi	Disempurnakan	A	Pengenalan risiko penting korporat yang memberi kesan kepada Perbadanan.			
c. Pembangunkan dan pelaksanaan rangka kerja Kawalan Dalaman	Disempurnakan	A	Rangka kerja ini menggariskan garis dasar minimum bagi kawalan dalaman.				
d. Pembangunkan rangka kerja Pengurusan Penggantian bagi Lembaga	Disempurnakan	A					
B	Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat.	4	Indeks Kesedaran Awam	30%	R	Kesedaran awam insurans deposit meningkat kepada 15% pada 2007 daripada 13% pada 2006. Meskipun ia jatuh di bawah paras 30% yang disasarkan, dua segmen telah meningkat dengan ketara. (Segmen Profesional, Pengurus, Eksekutif meningkat kepada 35% tahap kesedaran dan segmen kelayakan Ijazah/Sarjana/PhD/Profesional meningkat kepada 31% tahap kesedaran).	
			5	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
				a. Pelaksanaan Pelan Komunikasi Bersepadu:	Dilaksanakan	A	Melancarkan kempen iklan menyeluruh dengan mesej utama untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan awam.
i. Pelaksanaan program pengiklanan	Dilaksanakan	A	Lihat perbincangan mengenai inisiatif kesedaran awam pada muka surat 143 Laporan Tahunan.				
b. Pelaksanaan program interaksi dengan pemegang kepentingan secara berterusan:	Dilaksanakan	A	Kami mengadakan sejumlah 46 taklimat dan jerayawara, termasuk 21 sesi latihan untuk institusi anggota di seluruh negara. Kami turut menyertai sebanyak 18 pameran untuk memberikan maklumat kepada orang awam.				
i. Menjalankan taklimat, seminar dan jerayawara mengenai insurans deposit							
C	Perkongsian Efektif.	6	Hubungan PIDM dengan:				
			a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A	Hubungan kami dengan BNM adalah kukuh, dengan satu perjanjian perikatan strategik yang formal. Kami memantau prestasi terhadap jangkaan dan mengadakan mesyuarat secara berkala dengan wakil BNM. Kami bergantung pada BNM untuk pengawal aturan dan pengawal seliaan institusi anggota serta khidmat pengurusan pelaburan. Bermula 2007, Dialog Tahunan akan diadakan untuk membolehkan institusi anggota membincangkan isu-isu dengan PIDM, berikutan penerbitan Laporan Tahunan kami. Kami giat berunding mengenai cadangan peraturan dan menjalankan latihan mengenai insurans deposit. Kami membentuk asas awal pembekal utama dan mempunyai hubungan kerja yang baik dengan pembekal kami. Kami mempunyai hubungan baik dengan ahli IADI. KPE kami merupakan Presiden dan Pengerusi Majlis Eksekutif sejak penubuhan IADI sehingga November 2007. Beliau sering diminta memberi bantuan teknikal dan nasihat mengenai insurans deposit. Kami menggunakan kaitan ini dengan menjalankan lawatan belajar ke penginsurans deposit lain untuk perkongsian ilmu pengetahuan.	
			b. Institusi anggota	Memuaskan	A		
			c. Pembekal	Kukuh	A		
		d. Penginsurans deposit antarabangsa	Kukuh	A			
7	Pengiktirafan antarabangsa	Membangunkan mekanisme & mewujudkan garis dasar	A	Aktif menyertai forum antarabangsa.			
8	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:						
a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik	Dibangunkan	A	Membangunkan dan terus memajukan asas rakan kongsi strategik sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi kami.				
b. Menganjurkan Persidangan Tahunan IADI ke-6	Disempurnakan	A	Kami berjaya menganjurkan Persidangan Tahunan IADI Ke-6 di Kuala Lumpur dari 31 Oktober hingga 1 November 2007 yang melibatkan sebanyak 232 delegasi dari 43 negara.				



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI & PENCAPAIAN 2007

	Objektif Korporat		PPU	Sasaran 2007	Keputusan Dis-07	Ulasan
Kewangan	D Penggunaan sumber yang optimum.	9	Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding Bajet yang diluluskan	±10% varian	A	Sejak penubuhan, kami telah menjalankan urusan dan hal ehwal berdasarkan satu set hala tuju strategik yang diperincikan secara lanjut dalam Rancangan Korporat yang diluluskan Lembaga Pengarah. Ini turut diperlengkapkan dengan polisi dan prosedur kewangan dan pelaburan mampan yang ditanam dengan kawalan dalaman serta penggunaan bajet yang dipantau. Kami telah memenuhi atau melebihi rancangan yang diramal dan melaksanakan inisiatif yang dirancangan mengikut bajet, dengan mencapai varian bajet sebanyak +9%. Laporan kewangan yang tetap diberikan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Semua Laporan Tahunan kami telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan sebelum 31 Mac setiap tahun untuk dibentangkan di Parlimen.
		10	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Pelaksanaan rangka kerja ALCO	Dilaksanakan	A	Satu jawatankuasa dibentuk bagi memantau aset dan liabiliti PIDM serta pendedahan kami kepada risiko kewangan.
Proses Dalam	E Kecemerlangan operasi.	11	Pematuhan terhadap kawalan dalaman	Mewujudkan garis dasar	A	Lihat Penyataan Kawalan Dalaman pada muka surat 55 Laporan Tahunan ini.
		12	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Pembangunan dan pelaksanaan Sistem Premium Berbeza (SPB): i. Menerbitkan kertas rundingan SPB ii. Pembangunan Peraturan SPB b. Pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang menyeluruh i. Fasa 1- Infrastruktur asas c. Pembangunan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi menyeluruh: i. Fasa 1- Penyelidikan dan pembangunan skop rangka kerja d. Pembangunan dan pelaksanaan polisi dan peraturan Insurans Deposit: i. Terma dan Syarat peraturan Keanggotaan : - Menerbitkan kertas rundingan - Membangunkan draf peraturan ii. Peraturan maklumat: - Menerbitkan kertas rundingan - Membangunkan draf peraturan iii. Peraturan Kriteria untuk Produk Deposit Konvensional dan Islam yang Boleh Diinsuranskan: - Membangunkan kertas konsep - Menerbitkan kertas rundingan - Membangunkan draf peraturan e. Pelaksanaan Pelan Peningkatan Infrastruktur IT: i. Fasa 2 – Infrastruktur IT f. Pembangunan dan pelaksanaan rancangan perpindahan ke premis kerja baru	Disempurnakan	A	Kertas rundingan diterbitkan kepada umum pada 3 Mei 2007.
				Dibangunkan	A	Peraturan ini akan dilaksanakan pada 2008. Lihat artikel mengenai SPB pada muka surat 129 Laporan Tahunan ini.
				Disempurnakan	A	Penilaian risiko dan pemantauan dijalankan dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.
				Disempurnakan	A	Fasa ini melibatkan pembangunan parameter dan metodologi bagi penilaian risiko dan proses pemantauan.
				Disempurnakan	A	Fasa ini melibatkan kajian dan penyelidikan bagi pendekatan bidang kuasa lain untuk campur tangan dan resolusi kegagalan.
				Disempurnakan	A	Kertas rundingan diterbitkan kepada umum pada 3 Mei 2007.
				Disempurnakan	A	Perundingan ini akan dilaksanakan pada 2008.
				Disempurnakan	A	Kertas rundingan diterbitkan kepada umum pada 19 Jun 2007.
				Disempurnakan	A	Peraturan ini akan dilaksanakan pada 2008. Lihat artikel mengenai peraturan ini pada muka surat 139.
Disempurnakan	A			Satu kertas konsep telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sebelum kertas rundingan diterbitkan kepada umum.		
Disempurnakan	A	Kertas rundingan diterbitkan kepada umum pada 19 Jun 2007.				
Disempurnakan	A	Peraturan ini akan dilaksanakan pada 2008.				
Pembelajaran & Pembangunan	F Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap.	13	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Pembangunan dan penilaian kecekapan kakitangan: i. Pembangunan dan penilaian rangka kerja jurang kecekapan ii. Pembangunan dan penilaian analisis keperluan latihan khusus iii. Pembangunan Pelan Latihan tahunan bagi individu b. Pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja pengurusan penggantian	Disempurnakan	A	Kami membangunkan rangka kerja bagi mengenal pasti jurang kecekapan kakitangan kami berbanding keperluan tugas.
				Disempurnakan	A	Kami menjalankan analisis keperluan latihan bagi setiap kakitangan bagi memastikan mereka dapat memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan baik.
				Disempurnakan	A	Kami membangunkan pelan latihan bagi setiap kakitangan.
				Dibangunkan	A	Kami membangunkan rangka kerja sebagai satu komponen penting bagi model perniagaan PIDM dan rangka kerja perancangan tenaga kerja.
	G Persekitaran korporat yang kondusif.	14	Indeks Kepuasan Kakitangan	75%	A	Indeks Kepuasan Kakitangan mengatasi sasaran 75% pada tahap 79%.
15				Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Pembangunan dan pelaksanaan program Pengiktirafan dan Ganjaran	Dilaksanakan	A

Secara amnya, kami berjaya menyempurnakan inisiatif Rancangan Korporat utama dan melakukannya dalam tempoh rancangan kewangan yang dilulus dan disasarkan.



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN 2007

Pencapaian melebihi *Scorecard* Korporat 2007

Kami juga menyempurnakan inisiatif-inisiatif utama tambahan *Scorecard* Korporat tahun 2007 seperti berikut.

Pemegang Kepentingan	Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat Perkongsian yang efektif	Tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan Persekitaran korporat yang kondusif	Pembelajaran dan Pembangunan
	<ul style="list-style-type: none"> Audit pengurusan pertama kami oleh Ketua Audit Negara dengan penilaian yang "Sangat Baik." Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat kami dibentuk, dengan inisiatif dilaksanakan. Program awam dianjurkan bagi pendidikan pengguna dan menggalakkan celik kewangan menerusi pameran Kewangan Malaysia, 2007 (MYFex 2007). Membangunkan draf peraturan berkaitan dengan kontrak derivatif mengikut industri akan dilaksanakan pada 2008. 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program maklum balas menyeluruh dengan pelan tindakan, setahun lebih awal Menganjurkan beberapa sesi nilai-nilai korporat bagi semua kakitangan dan menubuhkan satu pasukan "juara perubahan" untuk melibatkan kakitangan dan memupuk budaya korporat yang sesuai. Menganjurkan dua aktiviti yang julung-julung kalinya diadakan, iaitu Hari Keluarga dan majlis makan malam tahunan. Melaksanakan Polisi bagi Gangguan di Tempat Kerja dengan latihan sejajar dengan komitmen kami kepada persekitaran kerja yang selamat, sihat dan tanpa gangguan bagi semua kakitangan. 	

Kajian Semula Operasi Bahagian

Berikut merupakan gambaran ringkas tanggungjawab setiap Bahagian di Perbadanan dan tugas utama mereka dalam tahun 2007.

Audit dan Khidmat Perundingan (Audit and Consulting Services - "ACS")

Ke arah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik.

Satu daripada objektif korporat utama kami adalah untuk mempunyai sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik. Justeru itu ACS menyediakan perkhidmatan jaminan bebas dan objektif sejajar dengan pelan audit yang dilulus Lembaga dan menggunakan pendekatan pengauditan berasaskan risiko. ACS juga bekerjasama dengan Pengurusan, menambah nilai melalui perkhidmatan rundingan dan nasihat bagi projek-projek utama. Ia juga menyediakan latihan dalam urusan berkaitan audit.

Dalam tahun ini, ACS memulakan projek untuk menggunakan sistem aplikasi audit dan sistem dokumentasi elektronik, bagi mempertingkatkan

proses pengauditannya. Selain tugas mengaudit dan memberi khidmat nasihat, dalam tahun 2007 ACS menyempurnakan beberapa inisiatif termasuk pembangunan dan pelaksanaan:

- rangka kerja kawalan dalaman amalan terbaik bagi PIDM; dan
- pendekatan pengauditan berasaskan risiko.

Rangka kerja kawalan dalaman menyediakan metodologi bersistematik bagi menilai keadaan sistem kawalan dalam Perbadanan. Muka surat 55 dalam Laporan Tahunan ini mengandungi Penyataan bagi Kawalan Dalaman dengan butiran terperinci mengenai sistem kami.

Di masa depan, ACS akan melaksanakan Pelan Audit yang diluluskan Lembaga Pengarah bagi tahun 2008 hingga 2010. Ini merupakan pelan audit berasaskan risiko yang sejajar dengan Rangka Kerja ERM kami. Inisiatif masa depan ACS juga termasuk melaksanakan sistem pengurusan pengetahuan audit dalaman, rangka kerja kajian semula jaminan kualiti dan polisi serta prosedur ACS yang berkaitan.



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN SEMULA OPERASI & PENCAPAIAN 2007

Komunikasi dan Perhubungan Awam (Communications and Public Affairs - "COMMS")

Pemegang kepentingan yang bermaklumat merupakan kunci kepada keyakinan terhadap kestabilan sistem dan juga kejayaan kami sebagai penginsurans deposit.

Kesedaran awam merupakan kunci kepada pentadbiran sistem insurans deposit yang efektif. Bagi memastikan sistem berfungsi, harus ada keyakinan dan kesedaran mengenainya. Justeru itu, COMMS, memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan PIDM.

Tugas utama bagi COMMS tahun lepas adalah untuk melaksanakan inisiatif tahun pertama Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007-2011. Ini merangkumi pelbagai aktiviti termasuk pelaksanaan program perhubungan awam, kempen iklan dan program interaksi bersama pemegang kepentingan secara berterusan. Selain menguruskan hubungan media dan pemegang kepentingan, operasi pusat panggilan dan menyenggara laman web kami, COMMS menyempurnakan inisiatif-inisiatif utama berikut:

- Mengadakan Minggu Kesedaran Insurans Deposit, 46 taklimat dan jerayawara dan 18 pameran;
- Menganjur dan menaja MYFex2007, pameran kewangan paling menyeluruh bagi tahun itu bersama dengan agensi pengawal selia dan peserta pasaran;
- Menghasil dan melancarkan iklan televisyen dan media cetak;
- Menghasil dan melancarkan video maklumat mengenai insurans deposit; dan
- Memuktamadkan rangka kerja pengurusan komunikasi krisis.

Keseluruhannya, kaji selidik dan kempen kesedaran awam dalam tahun 2007² menunjukkan peningkatan dalam kesedaran awam dan pemahaman mengenai insurans deposit dan pentadbir sistem insurans deposit Malaysia. Di kalangan mereka yang menyedari tentang insurans deposit, terdapat peningkatan ketara dalam pengetahuan mengenai aspek utama kami (iaitu perlindungan tersebut disediakan oleh undang-undang, insurans deposit ditubuhkan oleh Kerajaan dan mengenai had perlindungan).

Kesedaran awam mengenai insurans deposit meningkat kepada 15% dalam tahun 2007, berada di bawah sasaran indeks kesedaran awam keseluruhan iaitu 30%. Bagaimanapun, dalam dua segmen khusus, kesedaran awam meningkat dengan ketara mengatasi paras sasaran kami. Ia adalah segmen "Profesional, Pengurus, Eksekutif" di mana kesedaran meningkat kepada 35%, dan segmen "kelayakan Ijazah/Sarjana/PhD/Profesional" di mana kesedaran meningkat kepada 31%.

COMMS akan terus melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun dengan pendekatan tertumpu bagi mencapai tahap kesedaran awam yang tinggi mengenai insurans deposit. Selain itu, COMMS juga akan melaksanakan projek baru bagi program kesedaran dan pendidikan, bahan latihan interaktif, gerbang organisasi dan perancangan komunikasi krisis serta meningkatkan hubungan dengan pemegang kepentingannya dan usaha capaian korporat.

Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management - "ERM")

Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik perlu menangani risikonya secara menyeluruh dalam organisasi terutamanya dalam perancangan strategiknya.

Dalam tahun 2007, bahagian ERM kami:

- Melaksanakan Rangka Kerja ERM yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- Memasukkan pendekatan ERM ke dalam proses perancangan strategik, yang membenarkan PIDM menumpu kepada perancangan, pembangunan dan keutamaan inisiatif yang dapat menangani risiko kami berdasarkan kepentingannya; dan
- Menubuhkan Struktur Pengawasan ERM yang termasuk Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa ERM (merangkumi Pengurusan) dan jawatankuasa kerja bersama dengan unit Perancangan Korporat. Struktur tersebut menyediakan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab jelas bagi proses pengurusan risiko dalam PIDM, memastikan pemantauan risiko berterusan dan memastikan aktiviti pengurusan risiko terus sesuai dan berhemat bagi menyokong mandat, objektif dan hala tuju strategik kami.



Penjelasan mengenai usaha Bahagian ERM yang lebih terperinci disediakan di muka surat 81 Laporan Tahunan ini.

Di masa depan, Bahagian ERM akan terus mengukuhkan rangka kerjanya dengan meningkat dan melaksanakan polisi dan amalannya serta membangunkan rangka kerja penilaian keberkesanan ERM.

Kewangan dan Pentadbiran (Finance and Administration - "FINAD")

Perancangan korporat efektif, pelaporan korporat dan kewangan, perolehan dan sistem maklumat dan pentadbiran am penting bagi memastikan operasi Perbadanan berjalan dengan lancar dan membolehkan pemantauan prestasi dengan lebih berkesan.

Unit yang terdapat dalam FINAD termasuk Perancangan dan Pelaporan Korporat, Kewangan, Pentadbiran, Teknologi Maklumat serta Organisasi dan Kaedah. Selain daripada operasi harian, FINAD berjaya menyempurnakan inisiatif utama berikut dalam tahun 2007:

- Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan pelaburan;
- Melaksanakan rangka kerja Jawatankuasa Aset Liabiliti ;
- Membangun dan melaksanakan polisi kewangan operasi dan pentadbiran pejabat;

- Membangun dan melaksanakan polisi kesihatan dan keselamatan;
- Membangun dan melaksanakan fasa awal polisi kesinambungan perniagaan;
- Menyelaraskan pembangunan Rancangan Korporat tahunan;
- Melaksana pelan peningkatan infrastruktur IT dan mengkaji semula polisi dan urus tadbir IT; dan
- Membangun dan melaksanakan rancangan berpindah ke pejabat baru kami.

Di masa depan, inisiatif utama FINAD termasuklah mewujudkan rangka kerja bagi sistem pembiayaan yang efektif dan sistem pembayaran bagi menyokong proses pembayaran semula kepada pendeposit, pelan kesinambungan urus niaga dan pemulihan bencana yang menyeluruh, rangka kerja jaminan kualiti, sistem maklumat pelaporan prestasi, peningkatan infrastruktur IT, sistem pengurusan inventori serta rangka kerja dan sistem pengurusan pengetahuan.

Modal Insan (Human Capital - "HC")

Pembangunan modal insan dalam bahagian insurans deposit yang dikhususkan penting bagi mencapai objektif korporat, Visi dan Misi kami.

Objektif penting rancangan strategik HC kami adalah untuk menarik, mengambil bekerja, mengekal dan mengasah bakat yang sesuai bagi memacu profesionalisme dan prestasi, untuk menyesuaikan dengan model urus niaga kami.

² Keputusan diperolehi daripada penyelidikan kuantitatif yang dikendalikan dari 26 Oktober hingga 27 November 2007 dan dibandingkan dengan keputusan penyelidikan daripada penyelidikan kuantitatif yang dikendalikan setahun lalu



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN SEMULA OPERASI & PENCAPAIAN 2007

Antara lainnya, dalam tahun 2007, HC melaksanakan inisiatif utama berikut sejajar dengan rancangan strategiknya:

- Menilai keperluan latihan dan membangunkan rancangan latihan tahun;
- Membangun dan melaksanakan program pengiktirafan dan ganjaran;
- Membangun rangka kerja kecekapan menyeluruh;
- Membangun rangka kerja pengurusan penggantian;
- Membangun dan melaksanakan proses maklum balas menyeluruh;
- Mengadakan bengkel kerja Nilai-Nilai Korporat dan latihan lain;
- Menganjurkan pelbagai aktiviti kakitangan termasuk Hari Keluarga dan majlis makan malam tahunan; dan
- Melancarkan bimbingan kehidupan kerja atau program bantuan pekerja.

Perbadanan juga menjalankan tinjauan pendapat kakitangan (employee voice survey - "EVS") yang pertama kali diadakan pada akhir tahun 2007, dengan 100% penyertaan kakitangan, sebagai cara menilai keberkesanan objektif korporat bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan sebagai panduan bagi mana-mana bahagian untuk penambahbaikan. Keseluruhan keputusan EVS kami di luar jangkaan di mana PIDM mencapai tahap kepuasan keseluruhan 79% dengan persekitaran kerja, berbanding dengan sasaran 75% bagi tahun 2007. Kesemua kakitangan bersetuju bahawa mereka memahami bagaimana PPU mereka berkait dengan Rancangan Korporat, dan 87% menunjukkan bahawa mereka akan mengesyorkan PIDM kepada orang lain sebagai tempat yang baik untuk bekerja. Keseluruhannya, keputusan itu menunjukkan bahawa kakitangan kami memberi komitmen yang tinggi dan menerima Nilai-Nilai Korporat PIDM.

Pembangunan modal insan merupakan satu daripada bahagian tumpuan utama kami. Di masa depan, inisiatif utama HC termasuk melaksanakan rangka kerja pengurusan penggantian, pengurusan bakat, program latihan dan pembangunan yang khusus dan program biasiswa.

Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan (Insurance, Risk Assessment and Monitoring - "INRAM")

Memantau dan menilai risiko insurans institusi anggota merupakan fungsi utama organisasi.

INRAM bertanggungjawab memantau dan menilai risiko insurans institusi anggota kami serta bagi pembangunan dan pelaksanaan resolusi campur tangan dan kegagalan dan proses pengurusan pembayaran semula kepada pendeposit.

Selain memantau dan menilai anggota secara berterusan, tahun lepas, INRAM melaksanakan inisiatif berikut:

- Membangun dan merundingkan Sistem Premium Berbeza ("SPB"), dan mengusahakan perundangan berkaitan yang perlu;
- Membangun rangka kerja penilaian dan pemantauan risiko menyeluruh, dan membangunkan infrastruktur asasnya;
- Membangunkan fasa 1 rangka kerja resolusi campur tangan dan kegagalan; dan
- Membangunkan rangka kerja pengurusan pembayaran semula kepada pendeposit.

Objektif utama dalam mandat kami adalah untuk menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang kukuh serta menggalakkan kestabilan sistem kewangan. INRAM akan terus memantapkan SPB dan melaksanakan rangka kerja bagi penilaian dan pemantauan risiko kami, resolusi campur tangan dan kegagalan serta pengurusan pembayaran. INRAM juga akan terlibat dalam pembangunan polisi dan garis panduan insurans deposit berkaitan.

Bahagian Perundangan ("LEGAL")

Kuasa undang-undang dan urus tadbir yang mencukupi penting sebagai asas bagi mencapai mandat, Visi dan Misi kami dengan jayanya.

LEGAL menyediakan semua perkhidmatan undang-undang dan sekretariat korporat kepada PIDM. Ini termasuk nasihat undang-undang bagi semua perkara berkaitan urus niaga dan hal ehwal Perbadanan termasuk pematuhan kepada undang-undang yang dikuatkuasakan dan etika utama serta polisi lain. Ia juga membantu dalam pembangunan perundangan sampingan dan berkaitan lain. LEGAL juga merupakan sekretariat

kepada Lembaga Pengarah dan sehubungan ini, juga memantau dan sentiasa memaklumkan kepada Lembaga Pengarah perkembangan urus tadbir korporat dan memberi nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan urus tadbir.

Selain aktiviti operasi hariannya, dalam tahun 2007, LEGAL melaksanakan inisiatif utama berikut:

- Membangun, sebagai sokongan kepada INRAM dan POLICY, draf bagi tiga peraturan, termasuk Sistem Premium Berbeza, Terma dan Syarat Keanggotaan, Peraturan Keperluan Maklumat dan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang relevan mengenai pelaksanaannya;
- Membangunkan Garis Panduan bagi Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Diinsuranskan dan memulakan proses persijilan;
- Menyediakan sokongan bagi urus urus tadbir korporat utama terutamanya, pelaksanaan Rancangan Pendidikan Lembaga Pengarah dan pembangunan rancangan Penggantian Lembaga Pengarah;
- Menerajui pelaksanaan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat menerusi pembentukan pasukan tugas khas; dan
- Memastikan pematuhan tahunan kepada undang-undang dan etika serta menjalankan latihan bagi kod etika utama PIDM.

LEGAL juga bertanggungjawab membangun dan menyenggarakan Akta PIDM dan perundangan berkaitan bagi memastikan ia terus relevan dan efektif, untuk membolehkan PIDM memenuhi mandatnya dengan berkesan. Di masa depan, LEGAL akan terus membantu membangun dan mengoperasikan polisi insurans deposit baru menerusi perundangan dan melaksanakan tanggungjawabnya. Inisiatif utama adalah untuk menguji serta menilai Akta PIDM dan meningkatkan rangka kerja pengurusan kontrak dalam Perbadanan.

Polisi dan Antarabangsa (Policy and International - "POLICY")

Penggubalan polisi yang efektif, hubungan antarabangsa dan mencapai kredibiliti antarabangsa merupakan aspek penting bagi Visi dan Misi kami.

POLICY bertanggungjawab bagi pembangunan peraturan dan polisi insurans deposit utama dan memainkan peranan penting dalam hubungan

antarabangsa. Dalam proses pembangunan polisinya, pendekatan perundingan penuh diguna pakai bagi penerimaan lebih meluas dan penggubalan polisi yang efektif.

Pencapaian utama POLICY dalam tahun 2007 termasuk berikut:

- Menganjurkan Persidangan Tahunan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa Ke-6;
- Membangun dan melaksanakan peraturan dan polisi insurans deposit;
- Menyedia dan menerbitkan terbitan dalaman ekonomi; dan
- Mengkaji semula keperluan kawal selia yang sesuai kepada institusi anggota.

Persidangan Tahunan IADI ke-6 yang diadakan dari 31 Oktober hingga 1 November 2007 di Kuala Lumpur, berjaya mengumpulkan 232 delegasi dari 43 negara - ini merupakan penyertaan delegasi paling ramai dalam sejarah pengajuran persidangan ini. Memandangkan insiden yang berlaku kepada Northern Rock di United Kingdom, tema bagi Persidangan Tahunan ini, "Insurans Deposit dan Perlindungan Pengguna", amat tepat pada masanya. Penginsurans deposit dan penggubal polisi yang menyertai Persidangan itu memuji langkah PIDM membangkitkan kepentingan perlindungan pengguna dan menekankan perkaitan penting antara kesedaran awam dan perlindungan pengguna.

Dua acara lain juga diadakan serentak dengan Persidangan Tahunan itu, iaitu *PIDM Country Showcase* dan Pameran Antarabangsa IADI. *PIDM Country Showcase* mempamerkan potensi pelaburan sektor perkhidmatan kewangan masing-masing manakala Pameran Antarabangsa mempamerkan terbitan dan inisiatif kesedaran awam anggota IADI. Beberapa agensi perlindungan kewangan Malaysia termasuk BNM, turut terlibat dalam pameran itu.

Di masa depan, POLICY akan terus membangun kredibiliti dan reputasi Perbadanan dan memperkenalkan PIDM sebagai peneraju pemikir dengan membangun polisi insurans deposit yang kukuh, dan menjalin kerjasama strategik dengan penginsurans deposit utama bagi pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan, serta menganjurkan seminar insurans deposit.



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN 2007

PRESTASI KEWANGAN

Keputusan Operasi

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER	2007 Sebenar RM'000	2007 Bajet RM'000	Perbezaan		2006 RM'000
			RM'000	%	
Pendapatan premium	110,156	110,153	3	0	102,122
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	5,754	5,532	222	4	2,816
Pendapatan pelbagai	39	-	39	-	-
Jumlah pendapatan	115,949	115,685	264	0	104,938
Manfaat kakitangan	13,072	13,321	249	2	8,768
Perhubungan awam dan iklan	6,356	7,900	1,544	20	1,473
Susut nilai	1,314	3,056	1,742	57	975
Pajakan operasi	768	897	129	14	284
Perbelanjaan lain	5,591	8,826	3,235	37	3,506
Jumlah perbelanjaan operasi	27,101	34,000	6,899	20	15,006
Lebihan bersih	88,848	81,685	7,163	9	89,932


Perbelanjaan Modal

	2007 Sebenar RM'000	2007 Bajet RM'000	Perbezaan		2006 RM'000
			RM'000	%	
Perabot, kelengkapan dan ubahsuai pejabat	3,966	5,060	1,094	22	644
Sistem komputer dan peralatan pejabat	3,037	4,900	1,863	38	916
Kenderaan motor	240	240	0	0	172
Jumlah perbelanjaan	7,243	10,200	2,957	29	1,732

Tinjauan Kewangan

Akhir tahun kewangan 2007 mencatatkan jumlah pendapatan RM115.9 juta, perbelanjaan operasi RM27.1 juta, dan lebihan bersih RM88.8 juta. Lebihan bersih ialah RM7.1 juta atau 8.8% lebih tinggi daripada bajet.

Carta 7: Allran Kewangan Utama



Pendapatan


- Pendapatan premium bagi tahun ini ialah RM110.2 juta, tinggi sedikit berbanding bajet. Ini mewakili kenaikan 7.9% berbanding tahun sebelumnya, apabila deposit diinsurans meningkat daripada RM165 bilion pada 2006 kepada RM179 bilion pada 2007.
- Kami juga memperolehi pendapatan pelaburan seperti yang dibajetkan bagi tahun 2007, dengan pulangan pelaburan purata wajaran sebanyak 3.4%. Pada akhir tahun, dana dalam sekuriti pelaburan meningkat daripada RM119.6 juta pada 2006 kepada RM200.7 juta.



Perbelanjaan Operasi

Perbelanjaan operasi kami bagi tahun 2007 berbanding bajet dan tahun 2006 dipaparkan di bawah.

Carta 8: Aliran Perbelanjaan Operasi




- Sehingga 31 Disember, jumlah perbelanjaan operasi adalah RM27.1 juta, RM6.9 juta lebih rendah berbanding bajet dan RM12.1 juta lebih tinggi berbanding 2006.
- Peningkatan utama dalam perbelanjaan operasi dalam tahun 2007 adalah disebabkan oleh pelaksanaan strategi modal insan dan komunikasi kami, iaitu manfaat kakitangan, iklan dan perhubungan awam. Kenaikan itu juga disebabkan oleh beberapa perbelanjaan inisiatif 'one off' kami sepanjang tahun itu.
- Bagi tahun 2007, kami memperuntukkan kos manfaat kakitangan sebanyak RM13.1 juta bagi 59 pekerja untuk setahun penuh (2006:40 pekerja). Gaji dan kos manfaat yang rendah itu adalah hasil daripada tarikh permulaan kerja kakitangan yang dilantik sepanjang tahun itu. Ini menyumbang kepada perbezaan positif RM0.2 juta atau 1.9%.
- Kos perhubungan awam dan iklan berjumlah RM6.3 juta, 19.5% lebih rendah berbanding jumlah yang dibajetkan iaitu RM7.9 juta. Sebahagian daripada penjimatan kos itu berpunca daripada hasil kerjasama dengan Bank Negara Malaysia dan agensi-agensi kerajaan lain bagi pameran dan jerayawara. Peningkatan daripada 2006 itu adalah hasil daripada pelaksanaan rancangan komunikasi bersepadu kami yang terdiri daripada kempen iklan menyeluruh dan aktiviti perhubungan awam termasuk menjadi hos Pameran Kewangan Malaysia 2007 pertama (MYFex 2007).
- Caj susut nilai bagi tahun 2007 lebih rendah berbanding bajet sebanyak 57%, dengan penangguhan naik taraf terminal komputer dan perubahan dalam jadual pembangunan sistem pembayaran semula kepada pendeposit yang membawa kepada perbelanjaan modal yang lebih rendah serta semakan semula kepada kadar susut nilai bagi harta tetap Perbadanan.

- Perbelanjaan lain merangkumi terutamanya kos pencetakan dan alat tulis, yuran profesional, langganan, perbelanjaan latihan dan pembangunan serta beberapa butiran perbelanjaan *one off*. Kenaikan sebanyak RM2.1 juta itu berbanding tahun 2006 disumbang terutamanya daripada penganjuran Persidangan Tahunan IADI Ke-6 pada Oktober 2007, persaraan harta tetap (hasil daripada perubahan dalam polisi permodalan hartanah dan peralatan) selepas berpindah ke pejabat baru serta kos perjalanan tinggi berbanding tahun sebelumnya. Keseluruhan

perbezaan yang positif pada RM3.3 juta atau 34.5% – perbelanjaan lain dan pajakan operasi – berbanding bajet disebabkan terutamanya kos latihan yang lebih rendah bagi tahun itu, pelaksanaan rancangan latihan dan pembangunan tahunan yang akan dibuat dalam tahun 2008. Kos perbelanjaan perjalanan, pajakan operasi dan pencetakan serta alat tulis yang rendah berbanding bajet serta bajet perbelanjaan pelbagai yang tidak digunakan juga menyumbang kepada perbezaan positif ini.

Perbelanjaan Modal

Carta 9: Aliran Perbelanjaan Modal




- Kenaikan RM5.5 juta dalam jumlah perbelanjaan modal bagi 2007 mencerminkan inisiatif kami bagi tahun 2007, terutamanya perpindahan ke pejabat baru di Kuala Lumpur Sentral serta pembangunan infrastruktur IT kami.
- Bagi perbelanjaan modal, kami menanggung sejumlah RM7.2 juta atau 29% lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan positif yang

ketara bagi perbelanjaan modal disebabkan terutamanya perbelanjaan rendah bagi sistem komputer dan peralatan pejabat. Walaupun kami pada awalnya memperuntukkan dana bagi menaik taraf terminal komputer, namun kami menangguhkannya ke tahun 2008. Selain itu, kos infrastruktur bagi sistem pembayaran semula kepada pendeposit hanya akan ditanggung mulai tahun 2008.



Sorotan Lembaran Imbangan

Carta 10: Komposisi Aset



Tunai, Kesetaraan Tunai dan Pelaburan pada 31 Disember 2007

- Gabungan baki tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan bagi Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional berjumlah RM206 juta, merangkumi tunai dan pelaburan jangka pendek (RM35.3 juta) dan pelaburan lain (RM170.8 juta).
- Pelaburan kami terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan, Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia dengan pelbagai kematangan, tidak lebih daripada 12 bulan.

- Sumber dan kegunaan tunai dijelaskan dalam Penyata Aliran Tunai di Bahagian IV Laporan Tahunan ini.
- Polisi pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah kami adalah untuk pelaburan dalam sekuriti Kerajaan berdenominasi Ringgit jangka pendek dengan pelbagai kematangan. Polisi pelaburan kami melarang membuat pelaburan atau menandatangani dana dengan mana-mana institusi anggota, kecuali bagi tujuan operasi harian.

Hartanah dan peralatan dan aset lain pada 31 Disember 2007

- Hartanah dan peralatan kami berjumlah RM7.5 juta, kenaikan sebanyak RM5.8 juta dari 31 Disember 2006. Aset disusut nilai dengan tempoh antara tiga hingga lima tahun.
- Aset lain, berjumlah RM1.5 juta berkaitan terutamanya dengan deposit dan pra-pembayaran bagi sewa dan utiliti serta akaun belum terima lain hasil daripada jualan aset tetap. Akaun belum terima lain termasuklah baki antara dana bagi urus niaga yang dibayar daripada Dana Insurans Deposit Konvensional pada akhir tahun untuk Dana Insurans Deposit Islam yang akan dibayar balik.

Liabiliti pada 31 Disember 2007

- Liabiliti kami sebanyak RM3.8 juta terdiri daripada akaun belum bayar bagi utiliti, perkhidmatan komunikasi, sistem IT, peruntukan bagi cuti tidak digunakan serta perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan khidmat perundangan dan bekalan barangan. Akaun belum bayar lain termasuklah baki antara-dana untuk urus niaga yang dibayar oleh Dana Insurans Deposit Konvensional pada akhir tahun untuk Dana Insurans Deposit Islam yang akan dibayar balik.

Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2007

- Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit ("DID") meningkat sebanyak 73% kepada RM211 juta berbanding tahun sebelumnya berikutan kenaikan dalam premium yang diterima dan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. DID kami juga mengatasi unjukan tahun 2007 sebanyak 3%, dan merangkumi Dana Insurans Deposit Konvensional RM190 juta dan Dana Insurans Deposit Islam RM21 juta.

Luar jangka pada 31 Disember 2007

- Sebagai penginsurans deposit, kami terdedah kepada kerugian akibat dari operasi institusi anggota. Bagaimanapun pendedahan ini tidak boleh dinilai atau dipastikan kuantitinya pada masa ini. Oleh itu, tiada peruntukan am atau khas telah direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2007.

Sumber pembiayaan dan keupayaan kewangan

- Sebagai badan berkanun, sumber pembiayaan kami dan keupayaan masa depan untuk memenuhi liabiliti dan komitmen terjamin. Kami ditadbir mengikut undang-undang dan bertanggungjawab melindungi pendeposit daripada kerugian, sekiranya sesebuah institusi anggota tidak mampu memenuhi liabilitinya kepada pendeposit. Akta PIDM memberikan kami kuasa untuk meminjam atau mengumpul dana apabila perlu untuk menunaikan kewajipan kami. Kami juga boleh memohon Menteri Kewangan meminjamkan dana kepada kami daripada Dana Pendapatan Bersepadu dengan terma dan syarat yang ditentukan Menteri.
- Kami diberi kuasa di bawah perundangan untuk menilai premium tahunan institusi anggota dan menetapkan kadar premium dengan kelulusan Menteri Kewangan. Bagi tahun 2007, kadar premium tahunan kekal pada 0.06% daripada jumlah deposit diinsurans yang dipegang oleh sesebuah institusi anggota. Dalam tahun 2008, kadar premium mengikut SPB akan digunakan. Jika pembiayaan diperlukan lagi, kadar premium di bawah Akta PIDM boleh dinaikkan dengan kelulusan Menteri Kewangan.
- Lebihan bersih kami dikekalkan dalam Kumpulan DID yang berjumlah RM211 juta pada akhir 2007. Polisi kami ialah untuk meningkatkan rizab dalam DID dari masa ke masa bagi menyediakan dana untuk memenuhi sebarang obligasi di masa depan.
- Akhir sekali, Akta PIDM melarang pembubaran perniagaan dan urusan Perbadanan.



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

MENANGANI RISIKO KAMI


Sebagai penginsurans deposit nasional bagi semua bank perdagangan dan Islam di Malaysia, kami beroperasi dalam persekitaran yang dinamik, dan terdedah kepada pelbagai risiko dari dalam dan luar. Kami menyedari bahawa pengurusan risiko merupakan bahagian penting bagi pengurusan yang baik.

Dalam tahun 2007, kami berjaya melaksanakan rangka kerja ERM, dan telah melaksanakan kitaran pertama proses ERM. Ini bertujuan memastikan semua risiko utama kepada PIDM dikenal pasti, dinilai, ditangani, dipantau, dan disampaikan dengan cara yang bersestematik dan kukuh.

Proses ERM di PIDM

Latar Belakang

Kami komited melaksanakan rangka kerja ERM yang dibangunkan sejajar dengan amalan terbaik. Kami menanda aras proses ERM kami dengan *Australian/New Zealand Standard 4360:2004* sebagai standard utama, serta *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission's Enterprise Risk Management - Integrated Framework*. Aktiviti pengurusan risiko utama merangkumi lima proses iaitu pengenalan risiko, penaksiran dan analisis risiko, penilaian dan pengendalian risiko, pemantauan dan semakan risiko, dan pelaporan serta komunikasi risiko.



Gambarajah 2: Proses ERM PIDM

Menghubungkan ERM dengan Perancangan Korporat

Sejajar dengan amalan terbaik, kami telah menyepadukan proses ERM dengan aktiviti perancangan korporat. Penilaian persekitaran, sebagai contohnya, membentuk sebahagian daripada proses pengenalan dan pembangunan inisiatif korporat dengan mengambil kira keperluan bagi pengurangan risiko berkaitan dengan risiko utama yang menjejaskan PIDM. Penggabungan pendekatan ERM dalam proses perancangan strategik membolehkan kami menumpukan, dan mengutamakan inisiatif mengikut risiko-risiko utama ini.

Kategori Risiko PIDM

Bahagian risiko di mana PIDM terdedah ialah risiko-risiko yang kami telah kategorikan dan takrifkan sebagai: "Risiko Strategik dan Urus Tadbir"; "Risiko Insurans"; "Risiko Reputasi"; "Risiko Kewangan"; dan "Risiko Operasi". Lima kategori risiko itu ditakrif sebagai berikut.

Jadual 5: Definisi kategori Risiko

<p>Risiko Strategik dan Urus Tadbir: Kumpulan risiko yang memberi kesan kepada rancangan dan keutamaan jangka sederhana hingga jangka panjang PIDM atau risiko yang menyumbang ke arah struktur dan proses urus tadbir tidak efektif dalam Perbadanan.</p>
<p>Risiko Insurans: Kumpulan risiko kepada keupayaan PIDM dalam melaksanakan penilaian, pemantauan, campur tangan, dan risiko berkaitan lain yang dikaitkan dengan menginsurans deposit.</p>
<p>Risiko Reputasi: Kumpulan risiko yang mempunyai kesan negatif terhadap kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap PIDM dalam melaksanakan mandatnya.</p>
<p>Risiko Kewangan: Kumpulan risiko yang berpunca daripada pengurusan sumber kewangan, bajet, aliran tunai, semua aset lain dan butiran liabiliti yang tidak efektif atau efisien, di dalam dan di luar lembaranimbangan.</p>
<p>Risiko Operasi: Kumpulan risiko yang berpunca daripada proses dalaman, pekerja, IT/sistem, pematuhan/perundangan yang tidak mencukupi ataupun gagal, atau daripada peristiwa luar.</p>



Gambarajah 3: Pendedahan Risiko PIDM


Risiko Utama kepada PIDM

Keputusan proses ERM - yang melibatkan pengenalan, analisis, penilaian dan keutamaan risiko - merupakan tumpuan bagi peristiwa yang luar biasa secara semulajadi dan kebimbangan utama kepada PIDM. Ia diakui sebagai risiko

Warna menunjukkan tahap risiko, seperti berikut

- Merah** Risiko kebimbangan serius.
- Kuning Jingga** Peristiwa luar biasa atau kejutan yang mempunyai kemungkinan rendah berlaku tetapi membawa kesan kritikal kepada Perbadanan jika ia berlaku.
- Kuning** Isu operasi dan pematuhan biasa yang mempunyai kemungkinan tinggi berlaku tetapi kurang memberi kesan kepada Perbadanan. Risiko ini boleh bertukar menjadi isu besar jika tidak dipantau.
- Hijau** Risiko yang diurus dengan baik di mana prosedur dan kawalan ketika ini mencukupi.

Gambarajah 4: Peta Risiko PIDM 2007





PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

MENANGANI RISIKO KAMI

Risiko utama menjejaskan PIDM ialah:

- 1. Tahap kesedaran awam yang rendah mengenai sistem insurans deposit dan salah faham peranan PIDM.** Keyakinan awam penting bagi mengekalkan sistem kewangan yang stabil. Orang awam yang tidak mempunyai maklumat yang secukupnya meningkatkan kemungkinan berlakunya insiden pengeluaran deposit secara besar-besaran dan peristiwa lain yang mungkin mencetuskan ketidakstabilan kepada sistem kewangan. Ketika ini, kesedaran terhadap sistem insurans deposit masih rendah dan dengan itu kami meneruskan usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran.
- 2. Ketersediaan kepakaran dan pengalaman insurans deposit.** Pekerja adalah aset paling penting kami. Oleh kerana insurans deposit masih baru di Malaysia, keupayaan kami untuk


menarik, membentuk dan mengekalkan kumpulan kakitangan yang cekap dan berkemahiran adalah penting.

- 3. Pembangunan polisi, sistem, amalan dan proses dalam operasi teras dan kesediaan kami untuk campur tangan dalam institusi anggota yang bermasalah.** Kami masih dalam usaha membangunkan polisi, sistem, amalan dan proses dalam bahagian operasi, terutamanya, dalam bahagian campur tangan dan resolusi kegagalan.
- 4. Kesenambungan Perniagaan.** Kami masih membangunkan kesinambungan perniagaan menyeluruh dan rancangan pemulihan bencana. Ini mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk bertindak balas dengan efektif jika berlaku bencana.

Struktur Pengawasan ERM

Struktur Pengawasan ERM PIDM menyediakan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab jelas bagi proses pengurusan risiko untuk memastikan

aktiviti pengurusan risiko terus sesuai dan berhemat dan terus menyokong mandat dan objektif kami.



Gambarajah 5: Struktur Pengawasan ERM PIDM

- 1. Lembaga Pengarah** pada dasarnya bertanggungjawab bagi mengawasi risiko utama PIDM. Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit, memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk menangani risiko utama perniagaan PIDM, telah dilaksanakan dan disemak secara tetap.
- 2. Jawatankuasa Audit** bertanggungjawab memastikan polisi, prosedur dan amalan yang mampan dilaksanakan untuk menangani risiko utama PIDM. Jawatankuasa akan menyemak dengan Pengurusan dan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai polisi yang dibangun dan dilaksanakan bagi menangani pendedahan risiko PIDM.



- 3. Jawatankuasa ERM** menerajui dan mengawasi pelaksanaan ERM dalam PIDM. Jawatankuasa pengurusan ini mengurus dan memantau pendedahan risiko dan aktiviti ERM yang termasuk pelaksanaan rangka kerja, polisi dan proses ERM dalam PIDM. Ia juga akan mengemukakan syor dan laporan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengenai risiko signifikan yang melibatkan PIDM serta bagaimana risiko tersebut diuruskan.

- 4. Jawatankuasa Kerja ERM dan Perancangan Strategik** menyokong Jawatankuasa ERM dan menyelaraskan aktiviti ERM pada peringkat operasi. Ini termasuk mengemaskini penaksiran dan penilaian risiko yang sedia wujud, memantau kemajuan dan mengemaskini status pelan mitigasi bagi setiap Bahagian.

Di Masa Hadapan

Pelaksanaan pengurusan risiko yang efektif dan mampan merupakan sebahagian daripada amalan urus niaga terbaik pada peringkat korporat dan strategik, serta sebagai kaedah untuk menambahbaik aktiviti operasi. Oleh itu, kami akan terus meningkatkan proses ERM yang sedia ada dalam tahun 2008 dan meneruskan fasa seterusnya pelaksanaan rangka kerja ERM dengan membangunkan garis panduan, polisi dan amalan mentadbir penilaian dan semakan risiko yang berterusan. Bermula dari tahun 2008, Lembaga Pengarah akan mendapatkan pengesahan secara bebas dan objektif mengenai Rangka Kerja ERM PIDM daripada Bahagian ACS.





PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT KAMI BAGI TAHUN 2008-2010

“Berkembang Kukuh Daripada Kekuatan”

Rancangan Korporat 2008-2010 (“Rancangan”) kami diterbitkan pada bulan Januari 2008 dan disiarkan dalam laman web kami, www.pidm.gov.my. Berikut ialah ringkasan Rancangan ini dan ia sepatutnya dibaca dengan Rancangan Korporat 2008-2010 kami.

Rancangan kami merupakan satu produk kolektif Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Kakitangan kami. Dalam membangunkan Rancangan tersebut, kami telah menyepadukan proses perancangan strategik dan ERM. Kami juga menilai persekitaran operasi bagi membolehkan kami menilai risiko organisasi dan cabaran yang dihadapi oleh PIDM. Berdasarkan kepada ini dan penilaian risiko, kami menyediakan andaian perancangan utama, hala tuju strategik dan inisiatif kami.

STRATEGI KAMI

Rancangan Korporat dan Kewangan

Strategi Kami

Dalam mencatatkan kemajuan, kami akan terus membangunkan kekuatan kami agar dapat melaksanakan inisiatif yang dirancang dengan efektif dan efisien, dan bersedia menghadapi cabaran dalam persekitaran operasi kami. Hala tuju strategik kami bagi tempoh perancangan akan ditumpukan kepada pembangunan modal insan, kesediaan operasi dan komunikasi.

Butir-butir terperinci tumpuan dan inisiatif utama kami dalam menyokong objektif korporat bagi tahun 2008-2010 dihuraikan dalam *Scorecard* Korporat baru kami, dalam Bahagian Lampiran.

Rancangan Kewangan Sokongan Kami

Kadar premium kami bagi tahun 2008 akan berdasarkan kepada struktur kadar SPB. Hasil premium diunjurkan sebanyak RM120 juta. Kami juga mengunjurkan pendapatan faedah dan pelaburan sebanyak RM8 juta bagi tahun 2008, yang menjadikan jumlah hasil RM128 juta. Jumlah perbelanjaan operasi dibajetkan sebanyak RM45 juta manakala perbelanjaan modal dibajetkan sebanyak RM15 juta bagi tahun 2008. Kami menjangkakan lebih bersih sebanyak RM83 juta bagi tahun 2008, yang akan meningkatkan Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit kepada RM292 juta.

BAHAGIAN TUMPUAN KAMI

Beberapa Bahagian Tumpuan di Masa Hadapan

Pembangunan modal insan

Pembinaan kapasiti dan keupayaan jangkamasa panjang ditumpukan ke arah mengukuhkan:

- *pasukan kepimpinan;*
- *pengurusan hubungan; dan*
- *budaya korporat.*

Dengan peranan dan tanggungjawab kami seperti dalam mandat, amat mustahak bagi kami untuk mempunyai keupayaan bagi mencapai rancangan tersebut. Rancangan strategik modal insan kami adalah untuk terus menarik, mengupah, membangun dan mengekalkan bakat terbaik dan sesuai bagi Perbadanan, yang akan mempamerkan profesionalisme dan prestasi cemerlang dalam setiap bahagian serta mencapai tahap bertaraf antarabangsa. Kami akan meneruskan usaha kami dalam bahagian berikut:

- **Perolehan bakat.** Kami menyasar untuk menangani kekurangan bakat dengan set kemahiran yang diperlukan dengan membangunkan jenama “majikan terpilih” – membangun dan mengekalkan bakat kami sendiri.
- **Kakitangan, pemegang kepentingan kami.** Kami akan terus melayan kakitangan kami dengan adil dan saksama; berusaha menyediakan peluang pekerjaan dan pembangunan yang sama rata untuk semua tanpa berat sebelah. Prestasi dan sikap yang wajar dipandang tinggi dalam Perbadanan dan akan menjadi faktor pembeza utama dalam peluang pemberian ganjaran dan pembangunan.
- **Falsafah imbuhan.** Kami akan terus menanda aras diri kami sendiri berbanding industri relevan dan membangunkan polisi imbuhan, manfaat dan ganjaran yang kukuh, kompetitif dan saksama yang menyokong inisiatif perolehan bakat dan pengekalannya dalam budaya yang berasaskan prestasi tinggi.
- **Falsafah pembelajaran.** Kami akan terus membuat pelaburan dan melaksanakan inisiatif pembentukan bakat. Usaha Pembelajaran dan Pembangunan akan termasuk tetapi tidak

terhad kepada, pindahan pengetahuan dari dalam dan luar negara, latihan fungsian silang, latihan dalam kerja dan penggiliran tugas, perkongsian kerja, pembinaan hubungan dan perkongsian amalan terbaik dengan badan tempatan dan antarabangsa, penyertaan dalam forum tempatan dan antarabangsa, latihan dalaman dan peluang pertukaran sementara, jika berkaitan. Kami telah membangunkan polisi rangka kerja kecekapan dan pengurusan penggantian, dan akan melaksanakannya bagi memastikan kami mempunyai program yang sesuai untuk menyokong kesinambungan organisasi daripada perspektif strategik dan operasi.

- **Persekitaran korporat yang kondusif.** Kami akan meneruskan usaha bagi memastikan persekitaran bekerja yang selamat, sihat, tanpa gangguan dan kehidupan yang seimbang bagi kakitangan.

Pembangunan Operasi Insurans Deposit

Sepanjang tahun, kami berusaha gigih untuk membangunkan penilaian dan pemantauan risiko insurans kami, peraturan insurans deposit dan komunikasi awam.

Bagi tempoh tiga tahun akan datang, kami akan terus membangunkan bahagian-bahagian ini, sebagai sebahagian daripada strategi bagi memastikan kesediaan operasi. Ini akan melibatkan, antara lainnya:

- **Kesediaan terutamanya dalam Resolusi Campur Tangan dan Kegagalan.** Kami akan membangun dan melaksanakan proses utama kami, bagi memastikan kami berupaya menjalankan aktiviti campur tangan dan kegagalan, dan membuat ujian penilaian menerusi simulasi pengurusan krisis;
- **Komunikasi.** Kami akan mengkaji semula dan terus melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu, bagi memastikan program komunikasi disasar dengan baik, relevan dan dapat memenuhi tujuan; dan
- **Undang-undang dan Peraturan.** Kami akan membuat ujian terhadap kuasa kami di bawah Akta PIDM, dan terus membangun dan melaksanakan perundangan subsidiari yang relevan.

Perkongsian dan Interaksi dengan pemegang kepentingan

Bagi mencapai matlamat, kami amat bergantung kepada komunikasi efektif dan kerjasama dengan pemegang kepentingan dan rakan kongsi kami. Justeru itu, kami komited untuk menjalin hubungan baik dengan pemegang kepentingan dan rakan perniagaan kami. Seperti yang dinyatakan dalam *Scorecard* Korporat, kami akan terus berkerja dalam pelbagai aspek untuk mencapai matlamat dari perspektif “pemegang kepentingan”. Ini termasuk:

- **Urus tadbir dan amalan pengurusan yang baik.** Kami akan terus memenuhi harapan tinggi Lembaga Pengarah terhadap urus tadbir dan amalan pengurusan, mengukuhkan rangka kerja ERM, pengauditan berasaskan risiko dan kawalan dalaman kami.
- **Kesedaran awam dan pendidikan.** Kami juga akan memantapkan usaha kami bagi meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan menerusi pelaksanaan Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun, pembangunan dan pelaksanaan program pendidikan kesedaran baru serta program biasiswa dan pendidikan.
- **Pendedahan antarabangsa.** Kami juga akan terus bergiat cergas menerusi keanggotaan kami dalam IADI dan badan antarabangsa lain, dan dengan menyertai jawatankuasa tetap, projek penyelidikan dan garis panduan serta latihan dan seminar berkaitan.

DI MASA HADAPAN

Kejayaan menyiapkan Rancangan kami merupakan langkah seterusnya dalam mencapai Visi kami untuk menjadi satu daripada penginsurans deposit utama di dunia. Pada masa yang sama, kami berharap dapat memberi sumbangan kepada masyarakat – dengan menyediakan perlindungan pendeposit yang kukuh, dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan di Malaysia.

BAHAGIAN IV:
PENYATA KEWANGAN





PENYATA KEWANGAN

LAPORAN PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

AKTIVITI UTAMA

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ("Akta PIDM").

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit institusi anggota, memberi insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang akan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Memandangkan sistem perbankan merangkumi sistem perbankan Islam dan konvensional, PIDM menginsuranskan kedua-dua deposit Islam dan konvensional. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan Konvensional bagi memastikan wujudnya urus tadbir yang baik di samping pematuhan kepada prinsip dan kehendak Syariah.

HASIL KEWANGAN

	2007 RM	2006 RM
Lebih bersih bagi tempoh kewangan:		
Dana Insurans		
Deposit Konvensional	79,181,078	81,690,915
Dana Insurans		
Deposit Islam	9,667,088	8,241,425
Jumlah lebih bersih	88,848,166	89,932,340
Kumpulan Dana Insurans Deposit		
Dana Insurans		
Deposit Konvensional	190,399,969	111,218,891
Dana Insurans		
Deposit Islam	20,922,578	11,255,490
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	211,322,547	122,474,381

PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat sejak penubuhan dan pada tarikh laporan ini ialah:

- Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha (Pengerusi)
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
- Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah (dilantik pada 28 Februari 2007)
- Tan Sri Dato' Sri Izzuddin bin Dali (bersara pada 27 Februari 2007)
- Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Azmi bin Dato' Haji Kamaruddin
- Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob
- Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
- Encik Michael Wong Kuan Lee

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah dilantik sebagai Pengarah atas dasar jawatan mereka, menurut Seksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada ahli *ex-officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut Seksyen 11(2) Akta PIDM.

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tempoh kewangan dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah PIDM yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada ganjaran Pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah itu adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan dibuat ke dalam atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tempoh kewangan.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa tindakan telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan terhadap hutang ragu, dan mereka telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk untuk dihapus kira atau hutang ragu yang perlu dibuat peruntukan.



PENYATA KEWANGAN

LAPORAN PENGARAH

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang memerlukan sebarang jumlah untuk dihapus kira sebagai hutang lapuk atau hutang yang dianggap sebagai ragu sehingga ke tahap ketara yang perlu dibuat peruntukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN SITUASI

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, tiada sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang berlaku yang akan menjejaskan dengan ketara hasil operasi PIDM bagi tempoh kewangan ini.

Dalam selang masa antara tempoh akhir kewangan dengan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang didapati menjejaskan dengan ketara hasil operasi PIDM bagi tempoh kewangan semasa di mana laporan ini disediakan.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tempoh kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian institusi anggota

Sebagai penginsurans deposit, PIDM terdedah kepada kerugian hasil daripada operasi institusi anggotanya. Pendedahan ini tidak boleh ditentukan kuantitinya atau dipastikan pada masa ini. Oleh itu, tiada peruntukan am atau khas yang telah direkodkan di dalam penyata kewangan bagi tempoh kewangan semasa.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat mereka berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan PIDM tentang proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- Penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta PIDM dan piawaian *Financial Reporting Standards* ("FRS") yang berkenaan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2007 dan hasil serta aliran tunai PIDM bagi tahun itu yang berakhir pada tarikh tersebut. FRS adalah piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - "MASB") yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.
- Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut kehendak Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah.

Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha
Pengerusi Lembaga Pengarah

Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
18 Februari 2008



PENYATA KEWANGAN

PENYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha dan Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ("Akta PIDM") dan *Financial Reporting Standards*, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - "MASB") yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2007 serta keputusan dan aliran tunai PIDM bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut kehendak Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah.

Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha
Pengerusi Lembaga Pengarah

Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
18 Februari 2008



PENYATA KEWANGAN

AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ("Akta PIDM") dan *Financial Reporting Standards* iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - "MASB") yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2007 serta hasil dan aliran tunai PIDM bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut kehendak Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan serta fungsi audit dalaman yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa urusan niaga telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM dan juga *Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan)* 1980.

Jean Pierre Sabourin
Ketua Pegawai Eksekutif

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan keputusan audit diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses bebas kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kami, Jean Pierre Sabourin dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan *Akta Akuan Berkanun 1960*.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 18 Februari 2008

Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran dan Ketua Pegawai Kewangan

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



20th Floor, Ambank Group Building
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengeauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengeauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2007, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT-NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
19 FEBRUARI 2008



PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER

Nota	2007 RM	2006 RM	
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	35,292,638	25,116,262
Pelaburan			
<i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	170,869,969	99,700,227
Aset lain	5	1,465,786	431,721
Hartanah dan peralatan	6	7,448,740	1,772,009
Jumlah Aset		215,077,133	127,020,219
LIABILITI			
Akaun belum bayar	7	3,754,586	4,545,838
Jumlah Liabiliti		3,754,586	4,545,838
KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	190,399,969	111,218,891
Dana Insurans Deposit Islam	8b	20,922,578	11,255,490
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit		211,322,547	122,474,381
Jumlah Liabiliti dan Kumpulan Dana Insurans Deposit		215,077,133	127,020,219

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

		2007	2006
	Nota	RM	RM
Hasil premium	9	110,155,613	102,122,205
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	5,754,463	2,815,560
Pendapatan lain		39,000	-
		115,949,076	104,937,765
Manfaat kakitangan	11	13,071,515	8,768,001
Perhubungan awam dan pengiklanan		6,355,822	1,472,541
Susut nilai	6	1,314,364	974,567
Pajakan operasi		767,724	283,947
Perbelanjaan lain	12	5,591,485	3,506,369
		27,100,910	15,005,425
Lebihan bersih		88,848,166	89,932,340

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

		Dana Insurans Deposit Islam	Dana Insurans Deposit Konvensional	Jumlah
	Nota	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2006	8	3,014,065	29,527,976	32,542,041
Lebihan bersih bagi tahun		8,241,425	81,690,915	89,932,340
Pada 31 Disember 2006	8	11,255,490	111,218,891	122,474,381
Pada 1 Januari 2007	8	11,255,490	111,218,891	122,474,381
Lebihan bersih bagi tahun		9,667,088	79,181,078	88,848,166
Pada 31 Disember 2007	8	20,922,578	190,399,969	211,322,547

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2007 RM	2006 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	110,155,613	102,122,205
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(29,717,652)	(8,093,746)
Penerimaan pendapatan pelaburan		4,323,190	1,572,100
Pendapatan lain		14,000	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		84,775,151	95,600,559
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		278,000,000	143,220,496
Pembelian sekuriti pelaburan		(346,035,525)	(213,693,039)
Pembelian hartanah dan peralatan		(6,563,250)	(1,718,382)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan		(74,598,775)	(72,190,925)
Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai			
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		10,176,376	23,409,634
		25,116,262	1,706,628
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	35,292,638	25,116,262

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER

	Nota	2007 RM	2006 RM
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	32,177,249	23,021,161
Pelaburan			
<i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	152,953,961	90,323,435
Aset lain	5	1,392,827	391,311
Hartanah dan peralatan	6a	6,762,331	1,607,921
Jumlah Aset		193,286,368	115,343,828
LIABILITI			
Akaun belum bayar	7	2,886,399	4,124,937
Jumlah Liabiliti		2,886,399	4,124,937
DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	190,399,969	111,218,891
Jumlah Dana Insurans Deposit Konvensional		190,399,969	111,218,891
Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit Konvensional		193,286,368	115,343,828

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2007 RM	2006 RM
Hasil premium	9	98,546,846	92,719,007
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	5,203,432	2,576,330
Pendapatan lain		35,408	-
		103,785,686	95,295,337
Manfaat pekerja	11	11,867,856	7,956,084
Perhubungan awam dan pengiklanan		5,771,979	1,333,401
Susut nilai	6a	1,193,119	884,322
Pajakan operasi		696,978	257,653
Perbelanjaan lain	12	5,074,676	3,172,962
		24,604,608	13,604,422
Lebihan bersih		79,181,078	81,690,915

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2007 RM	2006 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	98,546,846	92,719,007
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(27,439,797)	(7,519,297)
Penerimaan pendapatan pelaburan		3,875,936	1,477,336
Pendapatan lain		12,711	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		74,995,696	86,677,046
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		255,000,000	131,422,664
Pembelian sekuriti pelaburan		(314,809,200)	(195,148,267)
Pembelian hartanah dan peralatan		(6,030,408)	(1,559,260)
Aliran tunai bersih yang digunakan untuk aktiviti pelaburan		(65,839,608)	(65,284,863)
Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		9,156,088	21,392,183
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		23,021,161	1,628,978
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	32,177,249	23,021,161

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER

	Nota	2007 RM	2006 RM
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3,115,389	2,095,101
Pelaburan			
<i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	17,916,008	9,376,792
Aset lain	5	72,959	40,410
Hartanah dan peralatan	6b	686,409	164,088
Jumlah Aset		21,790,765	11,676,391
LIABILITI			
Akaun belum bayar	7	868,187	420,901
Jumlah Liabiliti		868,187	420,901
DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB			
Dana Insurans Deposit Islam	8b	20,922,578	11,255,490
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam		20,922,578	11,255,490
Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit Islam		21,790,765	11,676,391

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2007 RM	2006 RM
Hasil premium	9	11,608,767	9,403,198
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	551,031	239,230
Pendapatan lain		3,592	-
		12,163,390	9,642,428
Manfaat kakitangan	11	1,203,659	811,917
Perhubungan awam dan pengiklanan		583,843	139,140
Susut nilai	6b	121,245	90,245
Pajakan operasi		70,746	26,294
Perbelanjaan lain	12	516,809	333,407
		2,496,302	1,401,003
Lebihan bersih		9,667,088	8,241,425

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

		2007	2006
	Nota	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	11,608,767	9,403,198
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(2,277,855)	(574,449)
Penerimaan pendapatan pelaburan		447,254	94,764
Pendapatan lain		1,289	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		9,779,455	8,923,513
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		23,000,000	11,797,832
Pembelian sekuriti pelaburan		(31,226,325)	(18,544,772)
Pembelian hartanah dan peralatan		(532,842)	(159,122)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan		(8,759,167)	(6,906,062)
Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		1,020,288	2,017,451
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		2,095,101	77,650
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	3,115,389	2,095,101

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

1. AKTIVITI UTAMA

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ("Akta PIDM").

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit institusi anggota, memberikan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan Konvensional. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan deposit Konvensional bagi memastikan wujudnya urus tadbir yang baik serta pematuhan kepada kehendak Syariah.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 19, 1 Sentral, Jalan Travers, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah membenarkan penerbitan Penyata Kewangan melalui resolusinya bertarikh 18 Februari 2008.

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah serta mematuhi peruntukan Akta PIDM. Sebagai polisi, penyata kewangan ini disediakan mengikut *Financial Reporting Standards*, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - "MASB") yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional PIDM. Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir menurut kehendak Syariah seperti yang digariskan dalam Akta PIDM.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

a. Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diakaunkan dalam lembaran imbangan apabila PIDM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

i. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit panggilan di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata aliran tunai disediakan secara kaedah langsung.

ii. Pelaburan

Pelaburan terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia terutamanya dan sekuriti pelaburan lain yang dijamin oleh Bank Negara Malaysia, iaitu sekuriti yang mudah dipasarkan dan bertujuan untuk dipegang sehingga tarikh matang. Sekuriti ini sama ada yang berbayaran tetap atau boleh tentu dan mempunyai tarikh matang yang tertentu dinyatakan pada kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau akresi diskaun. Sekuriti ini dikira berdasarkan kaedah hasil malar, dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang. Pelunasan premium dan akresi diskaun diambil kira di dalam penyata pendapatan.

iii. Akaun belum terima dan aset lain

Akaun belum terima dan aset lain dinyatakan pada nilai boleh realis bersih. Hutang lapuk akan dihapus kira setelah dikenal pasti. Peruntukan hutang ragu, jika ada, dibuat selepas mengambil kira semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbangan.

iv. Akaun belum bayar

Akaun belum bayar dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

b. Penjelasan nilai aset bukan-kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbalan, PIDM mengkaji amaun bawaan asetnya, selain daripada aset kewangan, bagi menentukan sama ada terdapat petunjuk penjelasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, penjelasan nilai itu akan dikira dengan membandingkan nilai bawaan aset itu dengan amaun diperolehi semula.

Bagi akaun muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat tidak terhad dan aset tidak ketara yang belum dapat digunakan, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan pada setiap tarikh lembaran imbalan atau lebih kerap apabila petunjuk penjelasan nilai dikenal pasti.

Bagi tujuan ujian penjelasan nilai aset, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan untuk setiap aset. Amaun yang boleh diperolehi semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan harga jualan dengan nilai digunakan. Nilai digunakan dikira dengan merujuk kepada anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan mengikut kadar diskaun yang menggambarkan penilaian semasa pasaran ke atas nilai tunai hadapan dan risiko aset yang terlibat. Apabila amaun bawaan untuk sesebuah aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula.

Kerugian penjelasan nilai dicajkan ke dalam penyata pendapatan dengan serta merta, melainkan aset itu dibawa kepada amaun yang dinilai semula. Sebarang penjelasan nilai sesuatu aset yang dinilai semula hendaklah diperlakukan sebagai pengurangan penilaian semula setakat lebih penilaian semula yang diakaunkan sebelum itu bagi aset yang sama.

Kerugian penjelasan nilai bagi aset selain akaun muhibah akan diselaraskan semula hanya jika terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang diperolehi semula dengan anggaran yang digunakan sebelumnya. Selain dari aset muhibah, nilai yang dibawa bagi sesuatu aset boleh dinaikkan

kepada amaun diperolehi semula, asalkan amaun tersebut tidak melebihi amaun yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya kerugian penjelasan nilai tersebut tidak dikira pada tahun sebelumnya. Suatu pelarasan semula penjelasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diakaunkan di dalam penyata pendapatan, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula. Dalam situasi ini, pelarasan semula penjelasan nilai tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan amaun nilai semula. Penjelasan nilai bagi aset muhibah tidak boleh diselaraskan semula bagi tempoh berikutnya.

c. Hartanah dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperolehi oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan diselaraskan semula. Kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan dalam penyata pendapatan tahun kewangan di mana ianya berlaku.

Selepas dikenal pasti, hartanah dan peralatan akan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai dan kerugian nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Perabot dan kelengkapan	20%
Kenderaan bermotor	20%
Ubahsuai pejabat	20%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.3%

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaunnya, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut.

Hartanah dan peralatan tidak lagi diambil kira, setelah dilupakan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan dari penggunaannya. Bagi pelupusan aset, perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan diakaunkan dalam penyata pendapatan. Bahagian amaun lebih penilaian yang belum digunakan akan diambil kira terus dalam perolehan tertahan.

d. Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi diakaunkan mengikut asas akrual. Mengikut Akta PIDM, perbelanjaan PIDM yang tidak boleh diperuntukkan secara langsung kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam atau Dana Insurans Deposit Konvensional dibahagi mengikut bahagian jumlah premium Islam dan Konvensional yang diterima ke atas jumlah premium tahunan sebaik sahaja sebelum tahun di mana perbelanjaan itu dibuat. Bagi operasi tahun kewangan semasa, penentuan asas pembahagian adalah berdasarkan premium sebenar yang diterima bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2006. Bahagian premium Islam dan premium Konvensional bagi tempoh laporan itu masing-masing ialah 9.21% (2006:9.26%) dan 90.79% (2006:90.74%).

Pendapatan premium diakaunkan dalam sesuatu tempoh kewangan berdasarkan risiko yang diambil semasa tempoh kewangan berkenaan. Institusi anggota membayar premium tahunan bagi tempoh perlindungan yang sama dengan tempoh kewangan PIDM.

Pendapatan pelaburan diakaunkan mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan hasil malar aset tersebut.

e. Manfaat kakitangan

i. Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan lain-lain manfaat seperti faedah kesihatan dan elaun diakaunkan sebagai perbelanjaan dalam tahun di

mana perkhidmatan yang berkaitan diberi oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diambil kira apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok atas kelayakan cuti berganjaran masa hadapan. Ketidakhadiran berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diambil kira pada masa ketidakhadiran berlaku.

ii. Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap adalah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan di mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti lain. PIDM tidak lagi tertanggung untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan semasa atau tahun sebelumnya. Caruman itu diakaunkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ianya berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

f. Mata wang asing

i. Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi di mana PIDM beroperasi.

ii. Urus niaga mata wang asing

Semasa penyata kewangan PIDM disediakan, urus niaga dalam mata wang asing akan direkodkan dalam mata wang RM dengan menggunakan kadar tukaran semasa urus niaga dilakukan. Pada tarikh lembaran imbalan, butiran kewangan yang disebut dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh lembaran imbalan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dan disebut dalam mata wang asing akan ditukar kepada RM pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat dari penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira dalam penyata pendapatan untuk tempoh berkaitan. Bagi butiran bukan kewangan, perbezaan tukaran asing diambil kira dalam penyata pendapatan untuk tempoh berkaitan kecuali keuntungan atau kerugian butiran tersebut yang diakaunkan terus ke dalam ekuiti. Perbezaan tukaran asing bagi keuntungan atau kerugian butiran tersebut akan juga diiktiraf terus ke dalam ekuiti.

2.3 Perubahan dalam dasar perakaunan

Dalam tahun semasa, Lembaga Pengarah telah meluluskan perubahan kepada dasar perakaunan berkaitan dengan kadar susut nilai bagi perabot dan kelengkapan serta ubahsuai pejabat. Perubahan kadar susut nilai ini adalah untuk mencerminkan ciri-ciri semasa dan bagi jangka hayat aset baru yang digunakan selepas PIDM berpindah ke premis pejabat baru di 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral. Perubahan kadar susut nilai yang diterima pakai dalam kelas hartanah dan peralatan yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

	2007	2006
Perabot dan kelengkapan	20%	33.3%
Ubahsuai pejabat	20%	66.7%

Perubahan dasar perakaunan ini dilaksanakan mulai tempoh kewangan semasa, kerana aset sebelum berpindah, terutamanya, ubahsuai pejabat tidak lagi boleh diguna dan telah disusut nilai sepenuhnya di dalam penyata pendapatan. Ia juga tidak praktikal bagi menentukan kesan kumulatif perubahan terhadap baki perabot dan kelengkapan lama yang masih digunakan di pejabat baru dan kesan perubahan tersebut adalah tidak ketara.

Dalam tahun semasa, Lembaga Pengarah juga telah meluluskan perubahan dalam kriteria pengiktirafan hartanah dan peralatan. Perubahan ini adalah untuk mencerminkan dengan lebih baik lagi ciri-ciri aset selepas PIDM berpindah ke premis pejabat baru, yang menyediakan manfaat ekonomi masa hadapan kepada PIDM sejajar dengan ciri-ciri urus niaga dan operasi PIDM. Perubahan dasar perakaunan ini dilaksanakan mulai tempoh kewangan semasa kerana majoriti aset terlibat sebelum berpindah pejabat, tidak lagi digunakan dan telah disusut nilai sepenuhnya di dalam penyata pendapatan. Ia juga tidak praktikal untuk menentukan kesan kumulatif perubahan bagi tahun sebelumnya dan kesan perubahan tersebut adalah tidak ketara.

Kesan kepada penyata kewangan 2007 disebabkan perubahan dasar perakaunan yang dinyatakan dihurai di dalam Nota 6 dan Nota 12.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dengan Bank Negara Malaysia Baki tunai dan baki di bank	1,810,283 3,615,649	1,810,283 3,486,269	- 129,380
Pelaburan jangka pendek: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	9,742,356 19,565,496 29,307,852	8,769,156 17,607,837 26,376,993	973,200 1,957,659 2,930,859
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	558,854 29,866,706	503,704 26,880,697	55,150 2,986,009
	<u>35,292,638</u>	<u>32,177,249</u>	<u>3,115,389</u>
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	9,918,740 19,943,500 29,862,240	8,926,740 17,949,150 26,875,890	992,000 1,994,350 2,986,350
	<u>25,116,262</u>	<u>23,021,161</u>	<u>2,095,101</u>
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2006 adalah seperti berikut: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	996,089 18,895,311 19,891,400	996,089 18,895,311 19,891,400	- - -
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	13,095 19,904,495	13,095 19,904,495	- -
	<u>25,116,262</u>	<u>23,021,161</u>	<u>2,095,101</u>
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2006 adalah seperti berikut: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	998,200 18,900,400 19,898,600	998,200 18,900,400 19,898,600	- - -

Pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 90 hari diklasifikasikan sebagai kesetaraan tunai.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

4. PELABURAN

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	34,863,663	31,949,393	2,914,270
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	135,634,145	120,658,312	14,975,833
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	372,161	346,256	25,905
	<u>170,869,969</u>	<u>152,953,961</u>	<u>17,916,008</u>
Nilai pasaran pelaburan: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	35,212,700	32,275,940	2,936,760
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	135,682,320	120,704,880	14,977,440
	<u>170,895,020</u>	<u>152,980,820</u>	<u>17,914,200</u>

	2006		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	43,867,057	37,593,364	6,273,693
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	55,064,244	52,110,294	2,953,950
	<u>98,931,301</u>	<u>89,703,658</u>	<u>9,227,643</u>
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	768,926	619,777	149,149
	<u>99,700,227</u>	<u>90,323,435</u>	<u>9,376,792</u>
Nilai pasaran pelaburan: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	44,418,000	38,007,700	6,410,300
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	55,276,300	52,307,500	2,968,800
	<u>99,694,300</u>	<u>90,315,200</u>	<u>9,379,100</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

4. PELABURAN (sambungan)

Keseluruhan pelaburan adalah dalam nilai Ringgit Malaysia.

Nilai pasaran pelaburan dalam Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional sebagaimana yang diperlihatkan di atas menunjukkan nilai saksama mereka pada akhir tempoh kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada petunjuk harga pasaran yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

5. ASET LAIN

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dan bayaran terdahulu	460,475	417,993	42,482
Faedah dan pulangan pelaburan belum terima	374,968	349,572	25,396
Aset lain	30,000	27,222	2,778
Akaun belum terima lain	600,343	598,040	2,303
	<u>1,465,786</u>	<u>1,392,827</u>	<u>72,959</u>

	2006		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dan bayaran terdahulu	385,677	349,964	35,713
Faedah dan pulangan pelaburan belum terima	-	-	-
Aset lain	30,000	27,222	2,778
Akaun belum terima lain	16,044	14,125	1,919
	<u>431,721</u>	<u>391,311</u>	<u>40,410</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

6. HARTANAH DAN PERALATAN

2007	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan motor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2007	1,091,696	755,271	172,009	814,081	2,833,057
Penambahan (i)	3,166,974	1,569,272	240,000	2,734,800	7,711,046
Pengelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan (ii)	(506,253)	(657,011)	-	(814,081)	(1,977,345)
Baki pada 31 Disember 2007	3,752,417	1,667,532	412,009	2,734,800	8,566,758
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2007	257,933	217,949	25,801	559,365	1,061,048
Caj bagi tahun semasa	539,449	282,357	31,534	461,024	1,314,364
Pengelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(252,120)	(191,193)	-	(814,081)	(1,257,394)
Baki pada 31 Disember 2007	545,262	309,113	57,335	206,308	1,118,018
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember 2007	3,207,155	1,358,419	354,674	2,528,492	7,448,740

- Termasuk dalam peralatan pejabat dan sistem komputer adalah amaun berjumlah RM1,730,563 (2006: Sifar) berkaitan perbelanjaan bagi aset masih dalam pembinaan.
- Dalam tahun 2007, kriteria pengiktirafan hartanah dan peralatan telah disemak semula bagi mencerminkan dengan lebih baik lagi ciri-ciri aset selepas berpindah ke premis pejabat baru, yang menyediakan manfaat ekonomi masa hadapan kepada PIDM sejajar dengan ciri-ciri urus niaga dan operasi Perbadanan. Perubahan dasar perakaunan seperti yang dikemukakan dalam Nota 2.3 telah menyebabkan hartanah dan peralatan dilupuskan ke penyata pendapatan berjumlah RM719,951.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

2006	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan motor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2006	461,324	153,348	-	500,002	1,114,674
Penambahan	643,732	655,682	172,009	260,320	1,731,743
Pengelasan semula	-	(53,759)	-	53,759	-
Pelupusan	(13,360)	-	-	-	(13,360)
Baki pada 31 Disember 2006	1,091,696	755,271	172,009	814,081	2,833,057
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2006	25,334	8,511	-	55,556	89,401
Caj bagi tahun semasa	235,519	215,411	25,801	497,836	974,567
Pengelasan semula	-	(5,973)	-	5,973	-
Pelupusan	(2,920)	-	-	-	(2,920)
Baki pada 31 Disember 2006	257,933	217,949	25,801	559,365	1,061,048
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember 2006	833,763	537,322	146,208	254,716	1,772,009



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Dana Insurans Deposit Konvensional

2007					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan motor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2007	990,604	685,333	156,081	738,697	2,570,715
Penambahan	2,875,296	1,424,742	217,896	2,482,925	7,000,859
Pengelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(459,438)	(596,340)	-	(738,697)	(1,794,475)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>3,406,462</u>	<u>1,513,735</u>	<u>373,977</u>	<u>2,482,925</u>	<u>7,777,099</u>
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2007	234,048	197,767	23,412	507,567	962,794
Caj bagi tahun semasa	489,690	256,379	28,614	418,436	1,193,119
Pengelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(228,853)	(173,595)	-	(738,697)	(1,141,145)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>494,885</u>	<u>280,551</u>	<u>52,026</u>	<u>187,306</u>	<u>1,014,768</u>
Nilai buku bersih Pada 31 Disember 2007	<u>2,911,577</u>	<u>1,233,184</u>	<u>321,951</u>	<u>2,295,619</u>	<u>6,762,331</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Dana Insurans Deposit Konvensional

2006					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan motor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2006	418,605	139,148	-	453,702	1,011,455
Penambahan	584,122	594,966	156,081	236,214	1,571,383
Pengelasan semula	-	(48,781)	-	48,781	-
Pelupusan	(12,123)	-	-	-	(12,123)
Baki pada 31 Disember 2006	<u>990,604</u>	<u>685,333</u>	<u>156,081</u>	<u>738,697</u>	<u>2,570,715</u>
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2006	22,988	7,723	-	50,411	81,122
Caj bagi tahun semasa	213,710	195,464	23,412	451,736	884,322
Pengelasan semula	-	(5,420)	-	5,420	-
Pelupusan	(2,650)	-	-	-	(2,650)
Baki pada 31 Disember 2006	<u>234,048</u>	<u>197,767</u>	<u>23,412</u>	<u>507,567</u>	<u>962,794</u>
Nilai buku bersih Pada 31 Disember 2006	<u>756,556</u>	<u>487,566</u>	<u>132,669</u>	<u>231,130</u>	<u>1,607,921</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Dana Insurans Deposit Islam

2007					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan motor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2007	101,092	69,938	15,928	75,384	262,342
Penambahan	291,678	144,530	22,104	251,875	710,187
Pengelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(46,815)	(60,671)	-	(75,384)	(182,870)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>345,955</u>	<u>153,797</u>	<u>38,032</u>	<u>251,875</u>	<u>789,659</u>
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2007	23,885	20,182	2,389	51,798	98,254
Caj bagi tahun semasa	49,759	25,978	2,920	42,588	121,245
Pengelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(23,267)	(17,598)	-	(75,384)	(116,249)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>50,377</u>	<u>28,562</u>	<u>5,309</u>	<u>19,002</u>	<u>103,250</u>
Nilai buku bersih Pada 31 Disember 2007	<u>295,578</u>	<u>125,235</u>	<u>32,723</u>	<u>232,873</u>	<u>686,409</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Dana Insurans Deposit Islam

2006					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan motor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2006	42,719	14,200	-	46,300	103,219
Penambahan	59,610	60,716	15,928	24,106	160,360
Pengelasan semula	-	(4,978)	-	4,978	-
Pelupusan	(1,237)	-	-	-	(1,237)
Baki pada 31 Disember 2006	<u>101,092</u>	<u>69,938</u>	<u>15,928</u>	<u>75,384</u>	<u>262,342</u>
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2006	2,346	788	-	5,145	8,279
Caj bagi tahun semasa	21,809	19,947	2,389	46,100	90,245
Pengelasan semula	-	(553)	-	553	-
Pelupusan	(270)	-	-	-	(270)
Baki pada 31 Disember 2006	<u>23,885</u>	<u>20,182</u>	<u>2,389</u>	<u>51,798</u>	<u>98,254</u>
Nilai buku bersih Pada 31 Disember 2006	<u>77,207</u>	<u>49,756</u>	<u>13,539</u>	<u>23,586</u>	<u>164,088</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

7. AKAUN BELUM BAYAR

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	199,192	180,846	18,346
Akaun belum bayar runcit	27,000	24,513	2,487
Akaun belum bayar lain	3,309,563	2,482,363	827,200
Peruntukan cuti yang tidak terambil	218,831	198,677	20,154
	<u>3,754,586</u>	<u>2,886,399</u>	<u>868,187</u>

	2006		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	276,453	250,853	25,600
Akaun belum bayar runcit	932,203	845,881	86,322
Akaun belum bayar lain	3,302,017	2,996,294	305,723
Peruntukan cuti yang tidak terambil	35,165	31,909	3,256
	<u>4,545,838</u>	<u>4,124,937</u>	<u>420,901</u>

8. KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

a. Dana Insurans Deposit Konvensional:

	2007 RM	2006 RM
Baki pada 1 Januari	111,218,891	29,527,976
Lebihan bersih	79,181,078	81,690,915
	<u>190,399,969</u>	<u>111,218,891</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

8. KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT (sambungan)

b. Dana Insurans Deposit Islam:

	2007 RM	2006 RM
Baki pada 1 Januari	11,255,490	3,014,065
Lebihan bersih	9,667,088	8,241,425
	<u>20,922,578</u>	<u>11,255,490</u>

9. PENDAPATAN PREMIUM

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Premium pertama	250,000	-	250,000
Premium tahunan	109,905,613	98,546,846	11,358,767
	<u>110,155,613</u>	<u>98,546,846</u>	<u>11,608,767</u>

Di bawah Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan) 2006, kadar Premium Tahunan bagi tahun taksiran 2007 adalah 0.06% daripada jumlah deposit yang diinsuranskan institusi anggota yang berkecuali. Walaubagaimanapun, Premium Tahunan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250,000.

Premium Tahunan bagi tahun 2007 perlu dibayar pada atau sebelum 31 Mei 2007.

Di bawah Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama) 2005, berhubung kadar Premium Pertama, institusi anggota diberi pilihan untuk memilih salah satu daripada asas kadar premium seperti berikut:

- 0.02% setiap tahun daripada jumlah deposit institusi anggota; atau
- 0.06% setiap tahun daripada jumlah deposit diinsurans institusi anggota

Walaubagaimanapun, Premium Pertama tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250,000.

Mulai tahun 2008, kadar premium akan ditentukan berdasarkan kepada *Sistem Premium Berbeza*.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

9. PENDAPATAN PREMIUM (sambungan)

	2006		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Premium pertama	1,165,111	(32,326)	1,197,437
Premium tahunan	100,957,094	92,751,333	8,205,761
	<u>102,122,205</u>	<u>92,719,007</u>	<u>9,403,198</u>

10. PENDAPATAN PELABURAN

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,105,993	972,886	133,107
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	4,648,470	4,230,546	417,924
	<u>5,754,463</u>	<u>5,203,432</u>	<u>551,031</u>

	2006		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	595,529	461,540	133,989
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	2,220,031	2,114,790	105,241
	<u>2,815,560</u>	<u>2,576,330</u>	<u>239,230</u>

Kadar pulangan purata berwajaran bagi sekuriti pelaburan untuk tahun kewangan semasa adalah 3.43% (2006: 3.27%) bagi portfolio Islam dan 3.41% (2006: 3.36%) bagi portfolio Konvensional.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2007

11. PERBELANJAAN MANFAAT KAKITANGAN

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Gaji dan upahan	10,888,532	9,886,006	1,002,526
Caruman kepada rancangan caruman tetap	1,245,282	1,130,504	114,778
Peruntukan cuti yang tidak terambil	183,666	166,768	16,898
Lain-lain manfaat	754,035	684,578	69,457
	<u>13,071,515</u>	<u>11,867,856</u>	<u>1,203,659</u>

	2006		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Gaji dan upahan	7,592,831	6,916,474	676,357
Caruman kepada rancangan caruman tetap	479,320	408,521	70,799
Peruntukan cuti yang tidak terambil	35,165	31,909	3,256
Lain-lain manfaat	660,685	599,181	61,505
	<u>8,768,001</u>	<u>7,956,084</u>	<u>811,917</u>

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan ialah lima puluh sembilan (59) orang (2006: 40 orang).



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

12. PERBELANJAAN LAIN

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Yuran audit	27,000	24,513	2,487
Saraan dan Fi Pengarah*	333,054	300,796	32,258
Persidangan Tahunan Persatuan Penginsurans			
Deposit Antarabangsa	399,053	363,211	35,842
Perbelanjaan percetakan dan alat tulis	788,616	714,760	73,856
Fi penasihat dan perundingan	795,759	722,992	72,767
Pelupusan hartanah dan peralatan	719,951	653,330	66,621
Keahlian dan yuran langganan	326,264	296,156	30,108
Perbelanjaan latihan dan pembangunan	676,232	614,144	62,088
Perbelanjaan perjalanan	726,188	659,145	67,043
Perbelanjaan telekomunikasi dan sistem komputer	304,885	276,803	28,082
Perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan laman web	57,260	51,986	5,274
Perbelanjaan lain	437,223	396,840	40,383
	<u>5,591,485</u>	<u>5,074,676</u>	<u>516,809</u>

* Para Pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elaun yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

	2006		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Yuran audit	25,000	22,685	2,315
Saraan dan Fi Pengarah	146,000	132,480	13,520
Perbelanjaan percetakan dan alat tulis	982,406	891,435	90,971
Fi penasihat dan perundingan	769,647	697,440	72,207
Keahlian dan yuran langganan	194,244	175,832	18,412
Perbelanjaan latihan dan pembangunan	670,136	596,129	74,007
Perbelanjaan telekomunikasi dan sistem komputer	166,193	150,804	15,389
Perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan laman web	279,543	256,470	23,073
Perbelanjaan lain	273,200	249,687	23,513
	<u>3,506,369</u>	<u>3,172,962</u>	<u>333,407</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

13. PERCUKAIAN

PIDM diberi pengecualian penuh daripada cukai pendapatan di peringkat statutori.

14. ATURAN PAJAKAN OPERASI

PIDM telah memeterai satu kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 19, 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral. Pajakan ini adalah bagi tempoh 5 tahun bermula 18 April 2007 pada kadar sewaan tetap dan mengandungi opsyen untuk memperbaharui pajakan bagi tempoh 5 tahun tambahan. Kontrak ini tidak mengandungi opsyen pembelian atau klausa menambah. Dalam memeterai kontrak ini, PIDM tidak tertakluk kepada sebarang sekatan.

PIDM juga telah memperolehi pelbagai peralatan pejabat melalui kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini adalah untuk tempoh 5 tahun dengan pembaharuan automatik bagi tempoh 5 tahun tambahan sekiranya PIDM tidak memberi notis penamatan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput penggal utama pajakan. Kontrak ini tidak mengandungi opsyen pembelian atau klausa menambah.

Agregat pembayaran minimum pajakan untuk masa hadapan di bawah kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan, yang dimeterai pada tarikh lembaran imbalan tetapi tidak diambil kira sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

Pembayaran minimum bagi sewa untuk masa hadapan:
Tidak lebih dari 1 tahun
Melebihi dari 1 tahun tetapi tidak lebih dari 5 tahun

2007 RM	2006 RM
975,192	71,880
<u>3,268,961</u>	<u>81,028</u>
<u>4,244,153</u>	<u>152,908</u>

15. KOMITMEN MODAL

Perbelanjaan modal
Perbelanjaan yang diluluskan dan telah dikontrak:
Hartanah dan peralatan

2007 RM	2006 RM
316,809	70,176
<u>316,809</u>	<u>70,176</u>



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

16. KONTINJEN LUAR JANGKA

Pendedahan kepada rugian daripada institusi anggota

Sebagai penginsurans deposit, PIDM terdedah kepada kerugian akibat operasi institusi anggotanya. Pendedahan ini tidak boleh ditentukan kuantitinya atau dipastikan pada masa ini. Oleh itu, tiada peruntukan am atau khas telah direkodkan dalam penyata kewangan bagi tempoh kewangan semasa.

17. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

a. Transaksi dengan pihak berkaitan

- i. Dalam tahun 2007, PIDM telah memeterai satu kontrak dengan Shook Lin & Bok, firma guaman di mana seorang daripada Pengarah PIDM merupakan penasihat berkontrak firma tersebut, bagi peruntukan perkhidmatan nasihat undang-undang kepada PIDM. Fi yang dikenakan ialah RM60,000 yang mana ia setara dengan harga pasaran. Pada 31 Disember 2007, tiada amaun tertunggak yang patut dibayar kepada firma tersebut. Pengarah berkenaan tidak terlibat dalam proses pemilihan ataupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Pengarah berkenaan juga tidak memperoleh sebarang faedah daripada kontrak tersebut.
- ii. Dalam tahun 2007, PIDM telah memeterai kontrak dengan Chan & Associates, sebuah firma guaman di mana suami kepada salah seorang daripada Pegawai Korporat PIDM ("Pegawai") merupakan ahli sekutu firma tersebut yang dipertanggungjawabkan bagi peruntukan perkhidmatan nasihat undang-undang kepada PIDM. Fi yang dikenakan ialah RM70,000 yang mana ia setara dengan harga pasaran. Pada 31 Disember 2007, tiada amaun tertunggak yang patut dibayar kepada firma tersebut. Pegawai tersebut tidak terlibat dalam proses pemilihan mahupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Pegawai berkenaan itu juga tidak terlibat dalam pengendalian atau pengurusan tugas atau aktiviti yang membabitkan perkhidmatan firma tersebut.

b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2007 RM	2006 RM
Manfaat jangka pendek	6,232,293	4,665,557
Manfaat selepas persaraan: Caruman kepada rancangan caruman tetap	443,172	373,616
	<u>6,675,465</u>	<u>5,039,173</u>

Ganjaran kakitangan Pengurusan utama di atas termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, iaitu mereka yang diberi kuasa dan tanggungjawab bagi perancangan, pengarah dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti. Walaubagaimanapun, ia tidak termasuk Pengarah-Pengarah yang mana ganjarannya diperlihatkan secara berasingan dalam Nota 12. Ganjaran kakitangan Pengurusan utama juga dimasukkan di dalam pendedahan manfaat kakitangan dalam Nota 11.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

18. INSTRUMEN KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti PIDM semasa menguruskan risiko mata wang, kadar faedah dan kadar pulangan, mudah tunai, pasaran dan kredit PIDM. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dasar PIDM adalah untuk melabur hanya dalam sekuriti Kerajaan jangka pendek dalam nilai Ringgit yang mempunyai pelbagai tempoh matang. Tiada pelaburan dibuat dengan institusi anggota memandangkan PIDM adalah penginsurans deposit.

a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM tidak terdedah kepada mana-mana risiko mata wang asing memandangkan semua transaksi dijalankan dalam mata wang Ringgit.

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri daripada aset pelaburan, termasuk Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjejaskan pulangan daripada aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko-risiko ini, buat masa ini, PIDM hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek yang mengurangkan kesan mana-mana turun naik kadar faedah pasaran atau kadar pulangan atas nilai pasaran sekuriti.

Pada masa ini, PIDM tidak mempunyai apa-apa liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

18. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, kadar pulangan purata berwajaran ("WAYR") pada tarikh lembaran imbangan dan tarikh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

Dana Insurans Deposit Konvensional	Nota	WAYR %	Dalam tempoh			Jumlah RM
			1 bulan RM	1>3 bulan RM	3>12 bulan RM	
31 Disember 2007						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3.19	14,277,383	17,899,866	-	32,177,249
Pelaburan	4	3.53	-	-	152,953,961	152,953,961
31 Disember 2006						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3.36	13,095,243	9,925,918	-	23,021,161
Pelaburan	4	3.47	-	996,408	89,327,027	90,323,435
Dana Insurans Deposit Islam						
31 Disember 2007						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3.19	1,127,415	1,987,974	-	3,115,389
Pelaburan	4	3.53	-	-	17,916,008	17,916,008
31 Disember 2007						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	-	2,095,101	-	-	2,095,101
Pelaburan	4	3.56	-	-	9,376,792	9,376,792



PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2007

18. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

c. Risiko kecairan

Sebahagian besar daripada kumpulan dana yang diperuntukkan bagi tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek. PIDM berusaha secara berterusan untuk mengurus profil kematangan sekuriti ini bagi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk memenuhi keperluan modal kerja seharian.

d. Risiko pasaran

Pelaburan PIDM dalam sekuriti jangka pendek bertujuan untuk dipegang sehingga matang dan tidak diurus niaga secara aktif. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini adalah minimum.

e. Risiko kredit

PIDM hanya melabur dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit atas aset pelaburannya sebagai sangat minimum.

f. Nilai saksama

Secara amnya, nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional hampir setara dengan nilai saksama mereka, kecuali bagi pelaburan dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia yang nilai saksamanya boleh diwakili oleh nilai pasaran sekuriti ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 3 dan 4.

19. MATA WANG

Semua amaun dinyatakan dalam nilai Ringgit Malaysia.

BAHAGIAN V:
ARTIKEL



**PENGENALAN****Latar Belakang**

Aturan pendanaan yang mantap adalah penting untuk keberkesanan sesebuah sistem insurans deposit dan mengekalkan keyakinan awam. Sebuah sistem insurans deposit harus mempunyai semua mekanisme pendanaan yang perlu bagi menjamin pembayaran balik segera terhadap tuntutan pendeposit. Dana boleh diperolehi daripada pelbagai cara seperti premium yang ditaksir ke atas institusi anggota, pinjaman daripada pasaran, sokongan mudah tunai daripada Kerajaan atau kombinasi cara-cara tersebut. Terdapat dua pendekatan biasa untuk pendanaan iaitu secara “*ex-ante*” dan “*ex-post*”. Pendanaan secara “*ex-ante*” merujuk kepada pengumpulan sesuatu rizab atau dana dan menyediakan suatu peluang pembayaran premium yang lancar oleh institusi anggota sepanjang kitaran perniagaan mereka. Pendanaan secara “*ex-post*” memerlukan institusi anggota untuk membayar premium atau levi hanya selepas berlakunya kegagalan dan berkemungkinan besar ditaksir sewaktu kemelesetan ekonomi.

Sejak pengenalan sistem insurans deposit pada September 2005, Malaysia telah mengguna pakai pendekatan pendanaan secara “*ex-ante*” di mana premium yang ditaksir ke atas institusi anggota adalah berdasarkan kepada sistem premium kadar rata. Di bawah sistem ini, kadar premium tahunan sebanyak 0.06% dikenakan ke atas semua institusi anggota.

Akta PIDM menyediakan peruntukan bagi pembangunan sistem premium berbeza. Objektif pengenalan sistem ini adalah untuk memberi insentif kepada institusi anggota bagi menghindari pengambilan risiko berlebihan dan juga memperkenalkan proses penilaian premium yang lebih adil. Oleh yang demikian, sistem kadar rata akan digantikan dengan Sistem Premium Berbeza yang baru dalam tahun 2008 bagi kedua-dua deposit perbankan konvensional dan Islam. Ini sejajar dengan mandat Perbadanan untuk menggalakkan pengurusan risiko yang mantap dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia.

Sejarah pembangunan sistem premium berbeza

Umumnya, terdapat dua jenis sistem premium insurans deposit – sistem kadar rata dan sistem premium berbeza (“SPB”).

Secara perbandingannya, sistem premium kadar rata adalah mudah untuk direkabentuk, dilaksana dan ditadbir. Walau bagaimanapun, ia mengundang kritikan kerana tidak mengambil kira tahap risiko yang didedahkan oleh institusi anggota kepada sistem insurans deposit. Sistem premium kadar rata juga dilihat kurang saksama memandangkan institusi anggota yang mempunyai profil risiko yang lebih rendah akan mensubsidi premium yang dibayar oleh institusi anggota dengan profil risiko yang lebih tinggi.

Sebaliknya, SPB bukanlah diperkenalkan sebagai suatu penunjuk berasaskan aktuari tentang risiko institusi anggota yang dihadapi oleh Perbadanan. Ia bertujuan memberi tanda amaran awal dengan kesan kewangan kepada pengurusan dan Lembaga Pengarah institusi anggota. SPB mengambil kira profil risiko institusi anggota dalam menentukan premium yang perlu dibayar oleh mereka. Di bawah sistem ini, institusi anggota dinilai mengikut profil risiko mereka dan diklasifikasikan di dalam kategori risiko yang sewajarnya. Semakin tinggi kadar premium yang akan dikenakan ke atas mereka. Di samping menjadi sistem yang lebih saksama, ia juga menggalakkan institusi anggota untuk mengurus risiko mereka dengan lebih berhemat.

SPB mula diperkenalkan oleh Federal Deposit Insurance Corporation (“FDIC”) pada tahun 1993. Sejak itu, jumlah penginsurans deposit yang mengamalkan sistem ini telah meningkat dan hingga kini terdapat 15 negara yang telah melaksanakan sistem ini. Mereka termasuk Argentina, Kanada, Colombia, Finland, Perancis, Peru, Portugal, Romania, Taiwan dan Turki. Negara-negara lain pula sedang mempertimbangkan merit SPB.

Amalan SPB dan pendekatan Malaysia

Pendekatan untuk menilai risiko boleh dibuat dengan menggunakan penunjuk kualitatif seperti penarafan pengawal selia atau penunjuk kuantitatif seperti nisbah kecukupan modal, volatiliti pendapatan atau penumpuan. Dalam membangunkan SPB, terdapat tiga pendekatan yang biasa diguna pakai untuk menilai risiko, iaitu:

1. penunjuk kuantitatif sahaja;
2. penunjuk kualitatif sahaja; dan
3. kombinasi kedua-dua penunjuk kuantitatif dan kualitatif.

Jadual 6: Ringkasan Amalan SPB Antarabangsa

Penginsurans Deposit	Pendekatan
Amerika Syarikat Federal Deposit Insurance Corporation (FDIC)	<ul style="list-style-type: none"> • Diperkenalkan dalam tahun 1993 dan menggunakan matriks 3 kali 3 di mana kategori premium ditentukan berdasarkan kepada penunjuk kecukupan modal dan penarafan pengawal selia. • Baru-baru ini telah memperbaiki pendekatan penilaiannya untuk institusi anggota dalam kategori 1 supaya dapat membezakan institusi anggota dengan lebih baik.
Kanada Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC)	<ul style="list-style-type: none"> • Diperkenalkan dalam tahun 1999 dan menggunakan 14 penunjuk kuantitatif dan kualitatif. • Penunjuk kuantitatif seperti nisbah kecukupan modal, volatiliti pendapatan dan penumpuan membentuk 60% daripada jumlah markah. • Penunjuk kualitatif seperti penarafan pengawal selia dan maklumat lain membentuk 40% jumlah markah selebihnya. • Empat kategori premium digunakan dari kategori 1 (paling baik) hingga 4 (paling teruk).
Argentina Seguro de Depósitos Sociedad Anónima (SEDESA)	<ul style="list-style-type: none"> • Institusi anggota menyumbang suatu premium asas dan suatu premium tambahan ditentu berdasarkan kepada kombinasi penunjuk kuantitatif dan kualitatif. • Premium tambahan berbeza untuk setiap institusi anggota mengambil kira faktor seperti kecukupan modal, kualiti aset dan penarafan pengawal selia.
Taiwan Central Deposit Insurance Corporation (CDIC) of Taiwan	<ul style="list-style-type: none"> • Diperkenalkan dalam tahun 1999 dan menggunakan matriks 3 kali 3. • Institusi anggota dibeza berdasarkan kepada penunjuk kecukupan modal dan penarafan pengawal selia berdasarkan kepada rangka kerja CAMEL(S).
Perancis The Commission Bancaire (Pengawal Selia Perbankan Perancis)	<ul style="list-style-type: none"> • Diperkenalkan dalam tahun 1999 dan berdasarkan kepada kombinasi nisbah analisis risiko berhemat dan kewangan yang digunakan kepada jumlah deposit setiap institusi anggota. • Penunjuk risiko sintetik digunakan untuk mengira premium setiap bank anggota. Penunjuk tersebut dihasilkan daripada min aritmetik markah empat kriteria iaitu solvensi, kepelbagaian risiko, keuntungan operasi dan transformasi kematangan. • Empat kriteria tersebut diklasifikasikan dari 1 (paling baik) hingga 3 (paling teruk) dan premium digunakan berdasarkan kepada formula yang ditetapkan.
Turki Savings Deposit Insurance Fund (SDIF)	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan satu kadar rata ke atas semua institusi anggota dan dicampur kadar tambahan berdasarkan kepada profil risiko institusi anggota. • Jumlah premium yang ditaksir adalah ditetapkan dengan membuat penambahan ke atas taksiran premium asas dan mengambil kira nisbah kecukupan modal, sensitiviti kedudukan bersih tukaran wang asing dan kualiti aset.



ARTIKEL

SISTEM PREMIUM BERBEZA – INSENTIF UNTUK AMALAN PENGURUSAN RISIKO YANG MANTAP

Sejajar dengan pendekatan yang diguna pakai oleh kebanyakan negara, Malaysia mengamalkan pendekatan “penggabungan”, di mana kedua-dua penilaian kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk mengkategorikan institusi anggota ke dalam kategori SPB.

Objektif

Objektif SPB adalah berdasarkan kepada Panduan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa seperti berikut:

• **Menyediakan insentif kepada institusi anggota untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang mantap**

SPB seharusnya menyediakan insentif kepada institusi anggota untuk mengurus profil risiko mereka dengan lebih baik dan menangani faktor yang akan menyumbang kepada penarafan dan premium yang lebih rendah;

• **Membezakan institusi anggota mengikut profil risiko**

SPB seharusnya membezakan institusi anggota dengan sewajarnya mengikut profil risiko mereka. Kriteria dan faktor yang bersesuaian perlu dikenal pasti supaya sistem ini boleh membezakan profil risiko institusi anggota dengan jelas;

• **Memperkenalkan proses penilaian premium yang lebih adil**

SPB seharusnya mengakibatkan institusi anggota dengan profil risiko yang lebih tinggi membayar premium yang lebih tinggi daripada institusi anggota dengan profil risiko yang lebih rendah; dan

• **Menggalakkan kestabilan sistem kewangan**

SPB seharusnya memantapkan amalan pengurusan risiko di kalangan institusi anggota dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan.

Pasukan petugas projek SPB

Dalam membangunkan rangka kerja SPB Malaysia, satu pasukan petugas terdiri daripada kakitangan Perbadanan dan Bank Negara Malaysia telah dibentuk. Pasukan petugas dengan lapan orang ahli tersebut merangkumi pegawai kanan dengan pengalaman dalam bidang pengawalseliaan, pengurusan risiko, statistik dan teknologi maklumat.

Ahli-ahli pasukan petugas tersebut disenaraikan dalam Jadual 7. Analisis dan perolehan data yang menyeluruh ke atas data kewangan institusi anggota telah dijalankan semasa membangunkan dan menentukan kriteria SPB.

Jadual 7: Ahli-ahli Pasukan Petugas SPB

Ahli-ahli	Peranan
1. Md. Khairuddin Hj. Arshad	Ketua Projek
2. Lim Kong Kuan	Pengurus Projek
3. Grace Low Pei Lin	Ahli
4. Saifulrizam Zainal	Ahli
5. Sherilin Mohd. Ali	Ahli
6. Akbar Jamaluddin	Ahli
7. Marina Abdul Kahar	Wakil BNM
8. Dr. Zarina Zainal Abidin	Wakil BNM

RANGKA KERJA SPB DI MALAYSIA

Mandat kami dan SPB

Objektif Perbadanan adalah untuk:

- mentadbir sebuah sistem insurans deposit;
- memberi perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit sesebuah institusi anggota;
- menyediakan insentif untuk pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai objektifnya untuk perkara (b) dan (d), Perbadanan hendaklah bertindak dalam apa-apa cara bagi meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Sebahagian daripada objektif di dalam mandat Perbadanan adalah untuk menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap di kalangan institusi anggota dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“Akta PIDM”) 2005 memperuntukkan kuasa yang sewajarnya untuk mencapai objektif tersebut. Oleh yang demikian, Akta PIDM memberi kuasa kepada Perbadanan untuk membuat peraturan bagi suatu sistem yang

boleh membezakan institusi anggota ke dalam kategori berlainan dan memutuskan bahawa peraturan tersebut akan berasaskan kriteria dan prosedur untuk mengklasifikasikan institusi anggota bagi tujuan ketelusan.

Lanjutan daripada kajian yang menyeluruh, rundingan awam dan analisis yang teliti, Lembaga Pengarah kami telah meluluskan rangka kerja SPB dan draf peraturan yang berkaitan pada September 2007. SPB tersebut dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2008 setelah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Prinsip Panduan

Dalam membangunkan SPB kami, kami berpandukan kepada lapan prinsip seperti yang dinyatakan di bawah. Prinsip-prinsip ini bertujuan untuk memastikan pembangunan sebuah SPB yang akan menilai profil risiko institusi anggota dengan mencukupi dan adil serta dapat dilaksanakan dengan efektif.

SPB seharusnya:

- Kekal saksama untuk semua institusi anggota tanpa mengambil kira saiz atau kekompleksan;

Skop

Seperti yang dikehendaki oleh Akta, kami mengurus dua SPB yang berasingan dan berlainan, iaitu bagi aktiviti penerimaan deposit konvensional dan Islam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah.

Jadual 8: Skop Perlindungan bagi SPB

Entiti	Perniagaan	Kriteria SPB Konvensional	Kriteria SPB Islam
Institusi Anggota Konvensional	Perbankan Konvensional	✓	
	Skim Perbankan Islam		✓
Institusi Anggota Islam	Perbankan Islam		✓

- Menyediakan insentif kepada institusi anggota untuk meningkat kepada kategori terbaik (premium terendah) dengan memperbaiki profil risiko mereka;
- Mengambil kira kedua-dua faktor kuantitatif dan kualitatif dan mempunyai elemen berpandangan jauh;
- Kekal objektif dan telus supaya institusi anggota dapat memahami sistem tersebut dan boleh mengurus profil mereka;
- Memastikan maklumat yang diberikan adalah jitu, boleh dipercayai dan tepat pada masanya;
- Menggunakan data berdasarkan kepada piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- Mengklasifikasikan institusi anggota berdasarkan kepada profil risiko mereka, konsisten dengan penilaian keseluruhan Perbadanan dan pengawal selia; dan
- Mengasingkan antara perniagaan perbankan konvensional dan Islam.



ARTIKEL

SISTEM PREMIUM BERBEZA – INSENTIF UNTUK AMALAN PENGURUSAN RISIKO YANG MANTAP

Kriteria Kuantitatif dan Kualitatif

Di bawah SPB, institusi anggota akan diberi markah berdasarkan kepada pelbagai kriteria kuantitatif dan kualitatif. Faktor kuantitatif yang merangkumi markah sebanyak 60 daripada 100 adalah termasuk kriteria kecukupan modal, keuntungan, keefisienan, kualiti asset, penumpuan aset dan pertumbuhan aset seperti dalam Jadual 9 di bawah. Markah selebihnya sebanyak 40 adalah merangkumi kriteria kualitatif yang terdiri daripada penarafan pengawal selia dan maklumat lain. Markah-markah ini akan dicampur untuk mendapatkan jumlah markah keseluruhan bagi institusi anggota yang akan menentukan kategori premium mereka.

Jadual 9: Ringkasan Kriteria dan Markah

KRITERIA	MARKAH MAKSIMUM
Kriteria Kuantitatif	60
Kriteria Kuantitatif Modal:	20
Nisbah Modal Berwajaran Risiko	10
Nisbah Modal Teras	10
Kriteria Kuantitatif Lain:	
Keuntungan	15
Pulangan atas Aset Berwajaran Risiko	8
Min Volatiliti Pulangan yang Dilaraskan	7
Keefisienan	5
Nisbah Keefisienan	5
Kualiti Aset	10
Nisbah NPL Bersih kepada Modal Asas	5
Nisbah NPL Kasar dan Pinjaman Tertunggak kepada Pinjaman Kasar	5
Penumpuan Aset	5
Nisbah Agregat Penumpuan Aset Mengikut Sektor; dan Nisbah Penumpuan Aset Harta Kediaman	5
Pertumbuhan Aset	5
Nisbah Aset Berwajaran Risiko kepada Jumlah Aset; dan Nisbah Pertumbuhan Jumlah Aset	5
Kriteria Kualitatif	40
Penarafan Pengawal Selia	35
Maklumat Lain	5
JUMLAH	100

Kategori Premium

Institusi anggota akan diklasifikasikan kepada empat kategori premium berdasarkan kepada markah SPB mereka dengan kategori 1 merupakan kategori terbaik manakala kategori 4 merupakan kategori paling teruk. Jadual di bawah menunjukkan markah dan kategori premium:

Markah	Kategori Premium
85	1
65 tetapi < 85	2
50 tetapi < 65	3
< 50	4

Jadual 10: Kategori premium dan skor

Kadar premium tahunan ditentukan untuk setiap kategori premium dan kadar premium terpakai kepada setiap institusi anggota adalah berdasarkan kepada kategori premium mengikut markah mereka. Institusi anggota yang mendapat markah kurang daripada 50 daripada 100 markah akan dikategorikan di dalam kategori kadar premium tertinggi (4) dan mereka yang mendapat 85 markah atau lebih akan dikategorikan di dalam kategori kadar premium terendah (1).

Bagi tahun pertama pelaksanaan, iaitu pada tahun taksiran 2008, sistem yang dicadangkan akan menyediakan suatu tempoh peralihan di mana kategori 4 akan diberikan kadar premium yang sama seperti kategori 3. Selain daripada itu, markah kuantitatif institusi anggota akan ditambah sebanyak 20% tertakluk kepada markah maksimum sebanyak 60 sepanjang tempoh satu tahun peralihan.

Institusi anggota dikehendaki membayar premium sebelum atau pada 31 Mei sesuatu tahun taksiran berdasarkan kepada markah SPB mereka, kategori premium dan jumlah deposit yang diinsuranskan pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya. Bagi institusi baru yang menjadi anggota Perbadanan, mereka akan dikategorikan di dalam kategori kadar premium terendah secara automatik bagi dua tahun pertama atas dasar bahawa mereka baru memulakan operasi dan profil risiko mereka mungkin tidak ketara.



Aplikasi SPB di dalam Pengiraan Premium


Perbadanan telah membangunkan suatu pendekatan yang berstruktur bagi menentukan premium tahunan untuk setiap institusi anggota. Premium tahunan dikira dengan mendarabkan jumlah deposit yang diinsuranskan dengan kadar premium yang ditentukan oleh SPB. Gambarajah 6 memberi gambaran tentang proses bagi pengiraan premium.



ARTIKEL

SISTEM PREMIUM BERBEZA – INSENTIF UNTUK AMALAN PENGURUSAN RISIKO YANG MANTAP

Gambarajah 6: SPB di dalam Pengiraan Premium



Penyerahan oleh Institusi Anggota

Pengiraan markah SPB bagi taksiran premium melibatkan penyerahan borang maklumat kuantitatif institusi anggota dalam format yang ditentukan oleh PIDM sebelum atau pada 30 April sesuatu tahun taksiran. PIDM akan mengira jumlah markah kuantitatif dan kualitatif dan memaklumkan kepada institusi anggota tentang jumlah markah, kategori premium dan kadar premium di mana premium hendaklah dibayar kepada PIDM sebelum atau pada hujung bulan Mei sesuatu tahun taksiran. Bagi memastikan ketepatan penyerahan, maklumat kuantitatif yang dihantar perlu diperakui oleh juruaudit luaran institusi anggota. Selain daripada itu, setiap ketua pegawai eksekutif dan ketua pegawai kewangan institusi anggota dikehendaki mengesahkan bahawa penyerahan tersebut adalah tepat dan memberi gambaran mengenai kedudukan kewangan institusi anggota bagi tahun taksiran tersebut.

KESIMPULAN

Melangkah Ke Hadapan

Kami akan sentiasa mengikuti perkembangan dalam persekitaran kewangan dan pengawalan serta akan membuat pindaan yang sewajarnya ke atas SPB sekiranya perlu. Pada masa ini, perkara penting yang berlaku dalam persekitaran operasi adalah melibatkan pembangunan dalam industri perkhidmatan kewangan yang akan memberi kesan terhadap penyata kewangan, aspek pengawalan dan keperluan pelaporan institusi anggota. Ini termasuk "New Basel Capital Accord (Basel II)", perubahan dalam piawaian perakaunan dan piawaian yang diterbitkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board*).

Aplikasi SPB Malaysia akan dipantau dengan rapi untuk mempertimbangkan kesan terhadap perubahan ini sekiranya ada. Jika perlu, SPB akan

diperkemaskan bagi menangani kesan terhadap perkembangan terkini dalam konvensyen perakaunan dan juga perkembangan dalam pengawalseliaan dengan menggunakan prinsip panduan yang sama ketika SPB yang asal dibangunkan.

Kesan Terhadap Institusi Anggota

Penentuan masa untuk memperkenalkan SPB telah dibuat secara strategik. Dengan kestabilan sistem kewangan yang dinikmati, kami menjangkakan bahawa pengenalan SPB dan pelarasan semasa tempoh peralihan yang disediakan akan memberikan kesan yang minimum.

Tempoh peralihan selama setahun juga akan memberikan masa kepada institusi anggota di dalam kategori terendah untuk memperbaiki pengurusan risiko mereka dan mengurangkan perubahan mendadak dalam kadar premium mereka. Pada masa yang sama, institusi anggota yang mengurus risiko mereka dengan baik akan menikmati pengurangan dalam jumlah premium yang perlu dibayar berbanding institusi anggota yang mempunyai risiko yang lebih tinggi.



SPB dalam Memenuhi Mandat PIDM

SPB kami adalah hasil daripada kajian menyeluruh, perbincangan dan maklum balas daripada para pemegang kepentingan kami. Apabila dilaksanakan sepenuhnya, kami yakin bahawa SPB kami akan membantu kami untuk memenuhi salah satu mandat penting kami iaitu untuk menggalakkan pengurusan risiko yang mantap di dalam sistem kewangan. Pengurusan risiko pada tahap yang lebih baik akan membina sistem kewangan yang lebih stabil.





ARTIKEL

PERATURAN BAGI PERUNTUKAN MAKLUMAT MENGENAI INSURANS DEPOSIT- KE ARAH PENDEPOSIT BERMAKLUMAT

PENGENALAN

Keyakinan pendeposit adalah penting untuk kestabilan sebuah sistem kewangan. Keyakinan ini berasaskan kepada kesedaran dan pemahaman pengguna. Pelanggan bank yang boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat berkaitan deposit mereka akan mempunyai keyakinan tinggi terhadap sistem kewangan.

Mandat kami termasuklah matlamat menyumbang kepada atau menggalakkan kestabilan sistem kewangan. Sebagai penginsurans deposit nasional, kami mempunyai kewajipan bagi memastikan orang awam yang men deposit menerima maklumat yang relevan dan tepat pada masa mengenai sistem insurans deposit, serta bagaimana ia melindungi pendeposit.

STRATEGI KAMI

Penyelidikan dalam bidang kuasa lain menunjukkan bahawa pelanggan memilih untuk mendapatkan, dan mempercayai, maklumat yang disediakan oleh bank-bank mereka¹. Justeru itu, strategi PIDM adalah untuk sentiasa bekerjasama dengan anggota kami bagi mendidik orang awam mengenai insurans deposit. Sejak beberapa tahun lalu, kami telah mengadakan banyak taklimat kepada institusi anggota mengenai insurans deposit, agar mereka kemudiannya dapat mewujudkan kesedaran dan pendidikan di kalangan orang awam yang men deposit di institusi mereka.

CADANGAN PERATURAN MAKLUMAT

Bagi tujuan ini, pada 2007 kami mengeluarkan kertas rundingan mengenai draf Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit). Peraturan ini, apabila berkuatkuasa, akan menyelaraskan maklumat yang institusi anggota sediakan kepada pelanggan mereka berkaitan insurans deposit dan produk, sama ada produk tersebut diinsurans atau tidak, dan bila serta bagaimana pendedahan harus dibuat.

Peraturan ini dijangka akan dikuatkuasakan pada suku kedua 2008.

Sasaran Peraturan

Peraturan ini bertujuan memastikan institusi anggota:

- memberi gambaran jelas mengenai keanggotaan mereka dalam sistem insurans deposit;
- menyediakan maklumat tepat mengenai insurans deposit; dan
- mendedahkan sama ada suatu produk deposit diinsurans atau tidak.

Ciri-Ciri Penting

Ciri-ciri penting Peraturan adalah seperti berikut.

Representasi keanggotaan

Jika suatu institusi kewangan merupakan anggota sistem insurans deposit, keanggotaan perlu diperlihatkan dengan jelas kepada orang awam. Pendeposit boleh mencari:

- Decal keanggotaan PIDM di setiap pintu masuk institusi anggota. Setiap institusi anggota perlu, sebaik sahaja Peraturan berkuatkuasa, menampal decal tersebut di setiap pejabatnya, dan memperlihatkannya dengan jelas, jika ia berkongsi pejabat dengan institusi bukan anggota.



- Decal dalam bentuk elektronik dalam laman web dan mesin teller automatik (ATM).
- “Pernyataan Keanggotaan” dekat dengan nama anggota di semua iklan. Pernyataan keanggotaan akan menunjukkan bahawa institusi kewangan itu merupakan “Anggota PIDM” atau “Anggota Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”, sebagai contoh.

Peraturan

Sebaik sahaja Peraturan berkuatkuasa, orang awam, boleh merujuk kepada:

- Brosur-brosur PIDM, yang institusi anggota perlu pameran dengan jelas di semua pejabat mereka.
- Pemberitahuan berkenaan di mana brosur-brosur ini boleh didapatkan. Institusi anggota dikehendaki

memaklumkan kepada pelanggan yang menjalankan transaksi kewangan di ATM atau dalam laman webnya bahawa brosur tersebut ada disediakan dalam bentuk fizikal di pejabat institusi anggota dan dalam bentuk elektronik di laman web PIDM.

Brosur mengenai insurans deposit dan PIDM

PIDM menyediakan brosur, dalam enam bahasa, yang mengandungi maklumat penting mengenai PIDM dan insurans deposit di Malaysia. Brosur-brosur ini – yang disediakan secara percuma kepada orang awam menerusi institusi anggota - mengandungi maklumat penting termasuk maklumat mengenai PIDM, jenis deposit yang secara umumnya diinsuranskan dan menjelaskan had perlindungan deposit sehingga RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota.

Pendedahan mengenai produk deposit diinsurans dan tidak diinsurans

Anggota-anggota juga dikehendaki di bawah Peraturan ini untuk mendedahkan sama ada suatu produk deposit diinsurans atau tidak diinsuranskan oleh PIDM. Keperluan bagi pendedahan sama ada deposit diinsurans atau tidak diinsurans merupakan suatu norma bagi sebilangan sistem insurans deposit. Di Malaysia, tahap kesedaran insurans deposit masih rendah. Oleh itu, kami telah mengguna pakai pendekatan “dwi pendedahan” dalam merangka draf Peraturan, iaitu, pendedahan perlu dibuat bagi deposit diinsurans dan juga yang tidak diinsurans.

¹ Di Amerika Syarikat, hasil daripada Kaji Selidik Isirumah bagi Kesedaran Insurans Deposit (April 2001) oleh Federal Deposit Insurance Corporation (FDIC) menunjukkan bahawa 57% daripada isirumah yang dikaji selidik, memilih untuk mendapatkan maklumat mengenai insurans deposit terus daripada bank mereka. Hanya 33% daripada isirumah yang dikaji selidik dilaporkan memilih menerima maklumat daripada FDIC. Di Kanada, Canada Deposit Insurance Corporation, menerusi 12 kumpulan fokus pada Ogos 2003, mendapati bahawa pengguna menunjukkan minat menerima maklumat mengenai insurans deposit daripada institusi kewangan di mana mereka mempunyai simpanan.



ARTIKEL

PERATURAN BAGI PERUNTUKAN MAKLUMAT MENGENAI INSURANS DEPOSIT- KE ARAH PENDEPOSIT BERMAKLUMAT

Sebelum menawarkan sebarang produk deposit kepada orang awam, institusi anggota dikehendaki, mengikut "Garis Panduan bagi Kriteria Menentukan Deposit yang Diinsuranskan", menyerahkan semua dokumen relevan berkaitan dengan produk deposit bagi perakuan oleh PIDM berkenaan dengan status produk tersebut. Sebaik sahaja diperakui oleh PIDM, produk deposit itu kemudiannya boleh ditawarkan kepada orang awam. Institusi anggota perlu, di bawah Peraturan ini, seterusnya memasukkan pernyataan dalam semua dokumentasi produk berkenaan sama ada produk itu diinsurans atau tidak oleh PIDM, semasa menawarkan produk tersebut.

Bagi kemudahan rujukan, institusi anggota juga dikehendaki menyenggara dan memaparkan "Daftar Deposit yang Diinsurans". Daftar ini akan menyenaraikan semua produk deposit diinsurans institusi anggota tersebut.

Proses pensijilan atau proses perakuan produk boleh diinsuranskan

Proses pensijilan atau perakuan produk yang dihuraikan sebelum ini menyediakan beberapa matlamat penting – pertama, ia membolehkan institusi anggota memaklumkan dengan jelas kepada bakal pendeposit sebelum beliau membuat keputusan untuk menyimpan wang dengan bank tersebut, seperti yang dijelaskan di atas. Ia juga memastikan lebih ketepatan dan

kepastian dalam menentukan deposit boleh diinsurans yang disimpan oleh institusi anggota bagi tujuan pengiraan premium.

Dengan pensijilan produk tersebut, sekiranya berlaku pembayaran balik kepada pendeposit, proses ini akan lebih efisien – tiada ketidakpastian berkenaan sama ada jenis deposit yang dipersoalkan layak diinsuranskan atau tidak, dan pembayaran boleh dibuat tanpa penangguhan yang tidak sepatutnya. Ini penting terutamanya berkaitan dengan produk berstruktur dan produk deposit Islam.

Saham amanah

Saham amanah merupakan produk pelaburan, tanpa mengandungi ciri-ciri deposit. Justeru itu, perlu diperingatkan bahawa ia pada hakikatnya tidak diinsuranskan oleh PIDM. Terutamanya dalam kes suatu saham amanah yang tiada jaminan berkaitan pulangan bagi pelaburan, berbeza dengan maksud lazim suatu deposit.

Bagaimanapun, saham amanah biasanya dijual oleh institusi anggota bersama dengan produk deposit dan ini boleh mencetuskan persepsi bahawa ia diinsuranskan oleh PIDM. Oleh itu, bagi kejelasan, Peraturan ini akan mengkehendaki institusi anggota mendedahkan bahawa saham amanah tidak diinsuranskan oleh PIDM dengan dokumentasi produk saham amanah mereka.

Ketetapan masa maklumat

Ketetapan masa peruntukan maklumat insurans deposit penting bagi pelanggan untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat. Justeru itu, institusi anggota harus menyediakan maklumat relevan sebelum pelanggan menyimpan dana mereka. Apabila sesuatu akaun deposit dibuka atau produk deposit dibeli oleh pelanggan, institusi anggota dikehendaki memaklumkan pelanggan sama ada produk tersebut diinsurans atau tidak, dan menyediakan brosur maklumat PIDM kepada pelanggan mereka. Institusi anggota juga akan dikehendaki mendapatkan akuan penerimaan kesemua maklumat penting ini daripada pelanggan mereka.

KESIMPULAN

PIDM komited untuk mendidik orang awam yang mendeposit dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan untuk membuat keputusan kewangan yang berdasarkan maklumat dan tepat pada masa. Pendeposit yang mempunyai maklumat lengkap merupakan elemen utama dalam strategi kami untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan. Pendidikan kewangan juga sejajar dengan matlamat PIDM untuk memberi manfaat kepada komuniti yang lebih besar.

Oleh itu, sebagai langkah pertama, kami berhasrat untuk bekerjasama dengan institusi anggota kami untuk mewujudkan persekitaran di mana pendeposit boleh dimaklumkan dengan lebih baik dalam membuat keputusan mengenai produk deposit. Dengan peraturan ini dan kerjasama dengan institusi anggota, kami percaya, matlamat ini dapat dicapai.



BAHAGIAN VI:
INISIATIF KESEDARAN AWAM
DAN TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



INISIATIF KESEDARAN AWAM

PENGENALAN

Tahun 2007 menandakan pelancaran dan pelaksanaan Pelan Komunikasi Bersepadu Perbadanan yang merangkumi tahun 2007 hingga tahun 2011 ("Pelan"). Pelan ini bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai insurans deposit dan PIDM dengan menggunakan strategi dan pendekatan yang sistematik dan komprehensif.

Pelan ini, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, menggariskan inisiatif pengiklanan dan perhubungan awam untuk meningkatkan kesedaran mengenai sistem insurans deposit dan membina keyakinan dalam peranan Perbadanan sebagai penginsurans deposit negara. Pelan ini mentakrifkan "audien sasaran" sebagai termasuk pendeposit dan pihak awam, institusi anggota, media awam, persatuan profesional dan perniagaan, pihak berkuasa Kerajaan dan pengawalseliaan serta pemegang kepentingan yang lain. Sepanjang tahun ini, Perbadanan telah melibatkan pemegang kepentingan ini secara aktif melalui taklimat, pameran, jerayawara dan program capaian.

INISIATIF KAMI DALAM TAHUN 2007

Berikut adalah sorotan inisiatif utama pada tahun 2007 bagi meningkatkan kesedaran awam.

Tarikh/Tempoh	Inisiatif	Objektif
Februari 2007	<p>Perbadanan menjadi anggota Jawatankuasa Kerja Pendidikan Kewangan ("JKPK") yang baru ditubuhkan, dan dipengerusikan oleh BNM.</p> <p>Sejak penubuhannya, anggota-anggota JKPK telah bekerjasama dalam bidang kesedaran kewangan dan pendidikan konsumen bagi memastikan konsumen lebih dilengkapi dengan maklumat dan pengetahuan yang perlu untuk membuat keputusan kewangan secara bijak.</p> <p>Anggota-anggota JKPK telah juga bersama-sama menyertai pameran dan jerayawara seluruh negara seperti Jerayawara Pendidikan Kewangan BNM-Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia 2007 dan Minggu Saham Amanah Malaysia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Untuk meningkatkan kesedaran kewangan dan kebolehpayaan konsumen dengan lebih cekap dan berkesan. Untuk mengukuhkan perkongsian strategik yang wujud bersama-sama dengan rakan jaringan keselamatan kewangan kami termasuk BNM, AKPK, BPK dan Suruhanjaya Sekuriti. Untuk meningkatkan dan menggalak kerjasama dalam bidang pendidikan konsumen kewangan di Malaysia.

Perbadanan juga bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia ("BNM"), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), Biro Pengantaraan Kewangan ("BPK") dan rakan strategik lain untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu perbankan, termasuk kelebihan yang diberikan oleh sistem insurans deposit yang mantap. Pendekatan holistik terhadap pengetahuan perbankan ini membantu membentuk insurans deposit sebagai elemen yang relevan bagi pendeposit untuk membuat keputusan kewangan peribadi. Secara keseluruhannya, kerjasama dengan organisasi berkaitan yang lain meningkatkan keberkesanan inisiatif kesedaran awam kami dengan membolehkan kami memperluaskan capaian kami kepada orang awam.

Usaha kesedaran awam kami diukur melalui kajian konsumen di seluruh negara pada suku terakhir tahun 2007, yang menunjukkan peningkatan kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit dan Perbadanan sejak tahun 2006.




Tarikh/Tempoh	Inisiatif	Objektif	
April hingga Disember 2007 	<p>Perbadanan melancarkan Kempen Pengiklanan kami yang pertama dan merangkumi iklan dalam surat khabar dan televisyen.</p> <p>Tiga versi iklan diterbitkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> "Anda Lebih Yakin Kerana Deposit Anda Diinsuranskan" (Sebab) "Liputan Yang Luas" (Perlindungan) "Anda Tidak Perlu Berbuat Apa-apa Kerana Ia Automatik" (Kos) <p>Iklan surat khabar diterbitkan dalam empat bahasa, iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Iklan televisyen diterbitkan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina.</p> <p>Sejak permulaan kempen pengiklanan kami pada tahun 2007, Pusat Panggilan Perbadanan (bebas tol 1-800-88-1266) menerima lebih 700 panggilan daripada orang awam dalam tahun 2007 manakala laman web Perbadanan (www.pidm.gov.my) merekodkan lebih 35,000 pelawat dalam tahun 2007.</p>	<p>Menurut Forum Kestabilan Kewangan <i>Bank of International Settlements</i> "Guidance for Developing Effective Deposit Insurance Systems", ciri-ciri sistem insurans deposit perlu diumumkan secara tetap agar kredibiliti sistem dikukuhkan dan dikekalkan.</p> <p>Pengiklanan dalam media massa membolehkan Perbadanan menyampaikan mesej-mesej utama kepada audien sasaran yang lebih luas dari pelbagai latar belakang demografik seperti umur, jantina, bangsa, pekerjaan dan tahap pendidikan.</p> <p>Pengiklanan juga merupakan pendekatan yang kreatif untuk menggalak kesedaran mengenai insurans deposit dan membolehkan Perbadanan mengukuhkan penjenamaan dan penyampaian mesej-mesej utama.</p>	
24 April 2007		<p>Mengendalikan Dialog Tahunan pertama dengan Institusi-institusi Anggota sempena penerbitan Laporan Tahunan 2006.</p>	<p>Untuk membincangkan isu-isu penting yang berkaitan dengan institusi-institusi anggota termasuk laporan kewangan, aktiviti tahun sebelumnya dan pencapaian serta inisiatif pada masa ini dan di masa hadapan yang akan melibatkan institusi anggota kami.</p>
7 hingga 11 Mei 2007		<p>Sempena Minggu Kesedaran Insurans Deposit, Perbadanan menerbitkan iklan khas mengenai insurans deposit dalam akhbar harian utama.</p> <p>Sepanjang Minggu ini, Perbadanan juga mengendalikan taklimat untuk pegawai-pegawai bank di Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada sesi berkenaan pelbagai isu perbankan yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia cawangan Pulau Pinang dan Persatuan Bank di Malaysia (Jawatankuasa Kecil Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis).</p>	<p>Minggu Kesedaran Insurans Deposit merupakan acara tahunan yang diadakan bersempena dengan Minggu Insurans Deposit Antarabangsa tahunan.</p> <p>Sepanjang Minggu ini, penginsurans-penginsurans deposit di seluruh dunia menganjurkan kempen dan aktiviti khas untuk menggalak kesedaran mengenai insurans deposit.</p>

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



INISIATIF KESEDARAN AWAM

Tarikh/Tempoh	Inisiatif	Objektif
Mei hingga Julai 2007 	Menyertai Jerayawara Pendidikan Kewangan BNM-Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia 2007 yang diadakan di lima bandar utama di seluruh negara – Pulau Pinang, Melaka, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. BNM, AKPK dan FMB turut menyertai jerayawara ini. Perbadanan menyampaikan taklimat mengenai sistem insurans deposit di Malaysia kepada lebih 700 perancang kewangan di negeri-negeri ini.	Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha Perbadanan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai insurans deposit dan celik kewangan.
Oktober hingga November 2007	Melantik sebuah agensi penyelidikan untuk mengendalikan kaji selidik tahunan di seluruh negara. Hasil kaji selidik tahunan ini digunakan untuk membangunkan dan menambah baik inisiatif pengiklanan dan perhubungan awam di masa hadapan. 1,000 responden telah diselidik menggunakan kaedah kuantitatif secara temu bual bersemuka.	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengukur tahap kesedaran mengenai insurans deposit dan Perbadanan. • Untuk mengukur keberkesanan kempen pengiklanan yang sedang dijalankan.
22 hingga 23 Oktober 2007	Menganjurkan program Capaian Korporat pertama di Pulau Pinang yang disertai oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Program capaian ini melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> • Taklimat Makan Malam dengan 80 pegawai kanan Kerajaan dan ketua masyarakat di Pulau Pinang. 	Program Capaian Korporat tahunan merupakan inisiatif Perbadanan bagi membolehkan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif memperluaskan capaian kami kepada orang awam secara aktif, dengan tujuan meningkatkan kesedaran mengenai insurans deposit dan rangka kerja perlindungan konsumer kewangan di Malaysia.

Tarikh/Tempoh	Inisiatif	Objektif
	<ul style="list-style-type: none"> • Taklimat Awam mengenai Perlindungan Efektif Konsumer Kewangan (bersama-sama dengan BNM, AKPK dan FMB) yang menarik 250 orang. 	Dengan melibatkan pegawai kanan Kerajaan dan ketua komuniti dalam usaha capaian kami, Perbadanan menyumbang kepada peningkatan celik kewangan kerana ketua komuniti dan hadirin lain boleh berkongsi pengetahuan mengenai insurans deposit dan isu perlindungan konsumer dengan orang lain.
31 Oktober hingga 1 November 2007  	Menjadi tuan rumah Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan Tahunan Ke-enam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI) di Kuala Lumpur. Satu pameran antarabangsa juga diadakan bersama dengan persidangan ini. Persidangan dan Pameran Antarabangsa dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor BNM, dalam upacara perasmian pada 31 Oktober 2007. Sebagai ahli Jawatankuasa Kecil IADI bagi Kesedaran Awam dan pembincang kertas penyelidikan dan panduan IADI mengenai Kesedaran Awam, wakil Perbadanan membincangkan kertas bertajuk "Public Awareness of Deposit Insurance Systems: A Malaysian Perspective", yang menonjolkan inisiatif dan pengalaman kesedaran awam Perbadanan sejak penubuhan pada September 2005. Perbadanan mempamerkan penerbitan dan bahan maklumat di ruang pameran utama Pameran Antarabangsa, di mana penginsurans deposit dari pelbagai negara dan agensi berkaitan lain juga memperkenalkan organisasi mereka.	Persidangan Tahunan IADI merupakan forum untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan peningkatan dan keberkesanan insurans deposit dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di seluruh dunia. Tema tahun ini, "Insurans Deposit dan Perlindungan Konsumer", adalah sejajar dengan fokus dan usaha berterusan Perbadanan dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit sejak penubuhan kami.

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

Tarikh/Tempoh	Inisiatif	Objektif
30 Oktober hingga 4 November 2007 	Menganjurkan Pameran Kewangan Malaysia 2007 ("MYFex 2007") sempena Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan Tahunan Ke-enam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI). Pameran ini, yang diadakan di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur, menarik lebih 5,000 pelawat. MYFex 2007 dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor BNM pada 30 Oktober 2007.	<ul style="list-style-type: none"> Bertujuan mendidik orang awam mengenai kepenggunaan kewangan supaya dapat mewujudkan pengguna berpengetahuan yang boleh membuat keputusan kewangan yang lebih baik. Memperkasakan usaha kolektif antara agensi berkaitan dan peserta pasaran bagi meningkatkan kesedaran kewangan dan kuasa pengguna.
	Lebih kurang 28 pempamer menyertai MYFex 2007 termasuk bank-bank perdagangan, bank-bank Islam, Bank Negara Malaysia, agensi di bawah Kementerian Kewangan, penyedia latihan dan organisasi berkaitan seperti Pusat Antarabangsa untuk Kepimpinan Kewangan.	
	Peraduan "Infohunt" dan aktiviti di lapangan oleh stesen radio merupakan beberapa sorotan MYFex 2007. Taklimat harian juga diberikan oleh Perbadanan, BNM, AKPK dan FMB. Video informasi Perbadanan juga dilancarkan semasa upacara perasmian MYFex 2007. Video itu merupakan alat pendidikan untuk orang awam dan pihak berkepentingan. Untuk mendapatkan sesalinan video, sila hubungi 1-800-88-1266 atau emel kepada info@pidm.gov.my	
November 2007 	Mengendalikan kaji selidik laman web untuk memperoleh maklum balas pengguna berkenaan dengan fungsian dan kemudahan penggunaan laman web Perbadanan (www.pidm.gov.my). Secara keseluruhan, Perbadanan menerima maklum balas daripada pengguna yang secara amnya positif.	Maklum balas pengguna yang diperolehi daripada kaji selidik ini akan digunakan untuk peningkatan laman web di masa hadapan.
Berterusan 	Sepanjang tahun, terdapat beberapa artikel akhbar dalam pelbagai media hasil daripada taklimat media, sidang akhbar, temu ramah eksklusif, siaran akhbar dan inisiatif lain.	<ul style="list-style-type: none"> Untuk meningkatkan profil PIDM dalam media. Untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam dan menyalurkan mesej-mesej utama melalui media sebagai saluran dan rakan komunikasi yang penting.

Tarikh/Tempoh	Inisiatif	Objektif
Berterusan 	Bekerjasama dengan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) untuk menganjurkan 17 taklimat di bandar-bandar di seluruh Malaysia dan memberi latihan kepada lebih kurang 800 kakitangan bank mengenai isu insurans deposit. Mengendalikan taklimat kepada pelbagai audien termasuk dewan-dewan perniagaan, agensi-agensi Kerajaan dan universiti.	Perbadanan menikmati hubungan kerja dan sokongan promosi yang kukuh daripada IBBM, yang merupakan badan profesional dan pendidikan untuk industri perbankan dan perkhidmatan kewangan di Malaysia. Oleh sebab bank perdagangan dan bank Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam menggalak kesedaran insurans deposit kepada orang awam melalui interaksi harian mereka dengan pelanggan, Perbadanan akan meneruskan perkongsian strategik kami dengan IBBM untuk mengendalikan taklimat berterusan kepada institusi anggota di seluruh Malaysia pada tahun 2008.
Berterusan	Memandangkan sokongan positif yang diberikan oleh Pegawai Perhubungan kami, kami akan terus meningkatkan hubungan kerja dengan mereka melalui dialog, mesyuarat individu dan surat-menyurat secara kerap.	Kami mempunyai Pegawai Perhubungan PIDM (dan seorang Pegawai Perhubungan pengganti) yang mewakili setiap institusi anggota. Pegawai-pegawai Perhubungan bertindak sebagai sumber hubungan tunggal berkenaan dengan semua isu insurans deposit, termasuk promosi taklimat Perbadanan yang diadakan di seluruh negara dan penyebaran maklumat semasa proses perundingan kepada pihak berkaitan dalam institusi anggota masing-masing.
Berterusan 	Inisiatif capaian bersama BNM dalam acara nasional termasuk Minggu Saham Amanah Malaysia, Karnival Pengguna Malaysia, Expo Merdeka ke-50, Fiesta Usahawan Luar Bandar dan Pesta Kerjaya dan Keusahawanan Pulau Pinang yang Ke-empat.	Perbadanan bekerja rapat dengan BNM dalam pelbagai bidang sebagai sebahagian daripada Perjanjian Perikatan Strategik, termasuk menggalak kesedaran awam.

MELANGKAH KE HADAPAN

Berikutan kempen tahun pertama, kesedaran keseluruhan mengenai insurans deposit telah meningkat dari 13% (2006) kepada 15% (2007) manakala kesedaran keseluruhan mengenai Perbadanan meningkat dari 4% (2006) kepada 12% (2007). Kaji selidik juga menunjukkan perbezaan dalam sikap dan ciri-ciri pelbagai golongan konsumer dari segi produk dan pengetahuan kewangan yang mempunyai impak ke atas kerelevanan dan pemahaman pendekatan komunikasi Perbadanan kepada orang awam.

Memandangkan hasil sedemikian, Perbadanan akan menggunakan pendekatan yang khusus

dan disasarkan untuk inisiatif komunikasi kami pada tahun 2008. Dengan pendekatan baru ini, Perbadanan akan menyesuaikan pendekatan, saluran komunikasi dan mesej utama berlainan untuk disampaikan kepada pelbagai audien sasaran bagi mencapai objektif kami iaitu memastikan tahap pemahaman mengenai insurans deposit yang tinggi di kalangan pendeposit awam.

Untuk senarai penuh taklimat, pameran dan jerayawara kami, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa 2007 (muka surat 153).

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY - "CSR")

"Perbadanan komited menjalankan urusan dan hal ehwal kami dengan cara yang lebih bermakna, mapan dan bertanggungjawab secara sosial, dengan mengambil kira etika, alam sekitar dan masyarakat sepenuhnya."
- Polisi CSR Kami

PENGENALAN

CSR dalam mandat kami

Mendidik pendeposit mengenai sistem kami dan juga faedah insurans deposit sentiasa menjadi sebahagian daripada strategi perniagaan kami bagi mencapai satu daripada matlamat yang digariskan dalam mandat kami - menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan. Penunjuk prestasi kami melibatkan interaksi kami dengan komuniti bagi memaklumkan kepada mereka mengenai peranan, tugas dan sistem insurans deposit kami.

Ini bermakna kami perlu berusaha untuk mendapatkan capaian yang meluas di seluruh negara. Kami telah mengadakan banyak program pendidikan, bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar di Malaysia Timur serta di Kuala Lumpur itu sendiri.

Ia sememangnya merupakan lanjutan lazim bagi tugas ini, untuk kakitangan PIDM menjayakan program-program ini bagi menjawab soalan kewangan asas yang pemegang kepentingan kami - orang awam - ingin tahu mengenai hal ehwal kewangan dan secara umumnya untuk menggalakkan pengetahuan mengenai kewangan. Pendidikan dan pengetahuan mengenai kewangan merupakan bahagian yang sememangnya selaras dengan mandat kami, dan justeru itu, ia terus menjadi tumpuan utama di masa hadapan.

Peranan besar kami dalam masyarakat

Sebagai sebuah entiti korporat, kami menyedari peranan besar kami dalam masyarakat dan juga terhadap alam sekitar. Kod Tata Laku Urus Niaga dan Etika kami bagi Pengarah dan Kakitangan menuntut kami secara individu menghormati dan mendukung Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") Perbadanan.

Sejajar dengan budaya korporat kami, kami giat menggalakkan kakitangan untuk terlibat dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

Melancarkan secara rasmi Polisi CSR kami pada 2007

Oleh itu, pada 2007, kami melancarkan secara rasmi Polisi CSR, untuk menyediakan lebih banyak garis panduan dan struktur mengenai perkara yang kami akan sokong. Menerusi garis panduan

dan untuk amalan terbaik dalam membangunkan Polisi CSR dan program kami, kami merujuk kepada Buku Perak (*Silver Book*) bagi "Mencapai Nilai Menerusi Tanggungjawab Sosial" yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (Syarikat Berkaitan Kerajaan).

POLISI CSR DAN PEMBANGUNAN RANGKA KERJA KAMI

Perkara Teras

Pada Mei 2007, Lembaga Pengarah kami meluluskan Polisi CSR bagi Perbadanan. Polisi CSR memperjelaskan komitmen kami ke arah kewangan dan urus tadbir korporat yang baik dan mengenal pasti tiga perkara teras bagi tumpuan kami dalam menunjukkan tingkah laku korporat yang bertanggungjawab - kesejahteraan pekerja, pembabitian masyarakat dan perlindungan alam sekitar.

Garis Panduan

Seperti yang dinyatakan dalam Polisi CSR, berikut ialah beberapa garis panduan yang diguna pakai dari segi kerja-kerja kemasyarakatan:

- i. Perbadanan boleh menyokong sebarang kempen, aktiviti, projek atau acara yang selaras dengan perkara teras kami termasuk kerja-kerja kemasyarakatan atau amal yang:
 - relevan kepada rakyat Malaysia termasuk dalam situasi bencana alam atau kecemasan; dan/atau
 - melibatkan kakitangan kami sama ada sebagai mewakili pejabat atau sebagai penyumbang individu yang aktif.
- ii. Perbadanan akan:
 - terlibat, dan menyumbang kepada kempen-kempen amal atau kerja-kerja kemasyarakatan secara saksama dan tanpa sebarang prejudis dari segi bangsa, jantina, etnik atau agama;
 - menyediakan sokongan korporat dengan cara yang meminimumkan sebarang campur tangan atau persepsi konflik kepentingan.

Pasukan Petugas CSR

Tahun ini juga menyaksikan penubuhan Pasukan Petugas CSR yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif ("KPE") kami dan terdiri daripada kakitangan sukarelawan, dengan bidang tugas yang khusus. Pasukan Petugas itu berusaha membangunkan rangka kerja bagi aktiviti tanggungjawab korporat kami, dan membantu mengenal pasti dan mengesyorkan aktiviti dan program yang sejajar dengan perkara teras kami. Jawatankuasa Urus Tadbir dan Lembaga akan dimaklumkan mengenai perkembangan terkini aktiviti kami.

Bahagian penting lain rangka kerja yang dibentuk pada 2007 itu termasuklah berikut:

- i. Prosedur bagi Permohonan Luar
Sejajar dengan cadangan dalam *Silver Book*, kami mewujudkan prosedur bagi mengendalikan permohonan luar oleh pihak ketiga. Ia berkenaan bagaimana kami menilai permintaan sumbangan oleh pihak luar, di samping menitikberatkan apa yang kami tidak akan sokong.
- ii. Proses Sokongan Inisiatif Kakitangan
Ia menggariskan proses di mana kakitangan yang terlibat dalam kempen, aktiviti atau majlis tertentu, boleh memohon sokongan rasmi daripada Perbadanan. Polisi CSR kami membolehkan kami menggalakkan kakitangan menjalankan aktiviti CSR kami dengan pelbagai kaedah, selagi ianya sejajar dengan Polisi CSR kami.

Polisi CSR dan Prosedur bagi Permohonan Luar kami disiarkan dalam laman web kami.

Aktiviti CSR pada 2007

Berikut ialah beberapa inisiatif pada 2007 dalam tiga bahagian tumpuan:

Pembabitian Komuniti

Susulan pembabitian dalam program larian Terry Fox bagi kanser pada tahun 2006, kami meneruskan usaha pendidikan awam berkaitan kanser. Bersempena dengan Pameran Kewangan Malaysia (MYFex 2007) yang diadakan antara 30 Oktober 2007 dan 4 November 2007 di Pusat Pameran Mid Valley, kami memperuntukkan dua kiosk bagi kempen kesedaran kanser kepada orang awam. Kedua-dua kiosk itu berfungsi sebagai platform bagi organisasi kanser untuk memberi penekanan mengenai isu-isu berkaitan penyakit tersebut serta menganjurkan beberapa aktiviti menubuhkan tabung. Para peserta yang terlibat termasuklah:

- a. Persatuan Kanser Nasional Malaysia
- b. Yayasan Inisiatif Penyelidikan Kanser (CARIF)
- c. Persatuan Penjagaan Kanser Peringkat Kanak-Kanak Kuala Lumpur

Kemeja T Larian Terry Fox dijual di kiosk itu dan hasil daripada jualan disalurkan kepada CARIF untuk menyokong projek penyelidikan kanser. Kami juga gembira untuk sekali lagi menonjolkan aktiviti CSR kami, seperti yang kami lakukan pada 2006, dengan melibatkan komuniti insurans deposit antarabangsa. Pada 2007, kami melakukan ini dengan menyediakan kiosk CSR di Pameran Antarabangsa IADI di Kuala Lumpur.

Perlindungan alam sekitar

Dokumentari "*An Inconvenient Truth*" oleh bekas naib presiden AS Al Gore dan diarahkan oleh Davis Guggenheim, dipertontonkan kepada kakitangan

dalam sesi taklimat kakitangan mengenai Polisi CSR. Filem ini ditayangkan bagi meningkatkan kesedaran mengenai perubahan iklim global. Selain itu, satu salinan terbitan bersaiz poket oleh *I Count* bertajuk "*Your step-by-step guide to climate bliss*" disediakan bagi bacaan kepada mereka yang berminat mempelajari bagaimana mereka boleh menangani kekalutan iklim. Kami juga telah membangunkan program pengurangan pembaziran, yang mana akan dilaksanakan dalam tahun 2008.

Kebajikan kakitangan

Pasukan Petugas CSR juga membincang dan menimbangkan polisi bagi gangguan di tempat kerja, bertujuan menangani sebarang masalah gangguan oleh kakitangan dan memastikan persekitaran kerja yang kondusif. Polisi ini juga terpakai kepada penyedia perkhidmatan kami dan boleh dilayari oleh orang awam dalam laman web PIDM, dan pelaksanaannya diselia oleh Bahagian Modal Insan. Kami juga melaksanakan program bimbingan hayat kerja atau bantuan kakitangan bagi meningkatkan kesejahteraan kakitangan dengan menyediakan kaedah dan saluran kepada kakitangan untuk mendapatkan bantuan yang profesional dan sulit mengenai masalah peribadi atau berkaitan kerja.

KESIMPULAN

CSR, seperti yang kami nyatakan sebelum ini, merupakan sebahagian daripada budaya korporat dan rangka kerja urus tadbir kami. Seperti yang digariskan dalam Polisi CSR kami, kami melihat CSR sebagai:

- kaedah strategik untuk membuat sumbangan positif kepada kejayaan kami;
- sebahagian daripada rancangan kami untuk terus membina kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap organisasi menerusi kesedaran awam dan penyertaan aktif pemegang kepentingan; dan
- sebahagian daripada rancangan kami untuk mewujudkan kerjasama di kalangan kakitangan dan memupuk rasa bangga serta komitmen kepada Perbadanan.

Seawal 2006 kami telah terlibat dalam kerja-kerja kemasyarakatan, kedua-duanya semasa kami melaksanakan tugas kami meningkatkan kesedaran awam serta dengan mempromosikan aktiviti di mana kakitangan kami terlibat. Polisi CSR kami kini sudah tersedia, menetapkan batas-batas yang kami boleh beroperasi. Di masa depan, kami merancang mengenal pasti program yang sesuai - selaras dengan matlamat dan nilai kami - yang boleh memberi manfaat kepada PIDM dan juga masyarakat di mana kami beroperasi.



BAHAGIAN VII:
KALENDAR PERISTIWA



KALENDAR PERISTIWA 2007

Berikut adalah acara-acara yang telah disertai atau dianjurkan oleh PIDM pada tahun 2007:

- JANUARI**
- 4 PIDM, Kuala Lumpur**
Kunjungan dari pegawai Jepun dari *Financial Services Agency, University of Tsukuba* dan *Institute of Developing Economies*.
 - 12 Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM), Kuala Lumpur**
Dialog dengan Ketua Audit Dalaman Institusi Anggota
 - 17 Bank Negara Malaysia (BNM), Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
 - 22-27 Kathmandu, Nepal**
Seminar Lanjutan *Southeast Asian Central Banks Research and Training Centre ("SEACEN")* mengenai Pengalaman Komparatif dalam Menghadapi Permasalahan Sektor Perbankan di Rantau Asia-Pasifik
 - 23 Kuala Lumpur**
Seminar mengenai Isu Syariah dan Perundangan dalam Perbankan Islam dan Produk Bon
 - 26 PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit



Dialog bersama Pegawai Perhubungan

- FEBRUARI**
- 2 PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Urus Tadbir
Mesyuarat Lembaga Pengarah
 - 6 Kuala Lumpur**
Bengkel Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam:
Workshop on Exposure Draft No. 4 & 5 / Workshop on Profit Equalization Reserve & Investment
 - 8 PIDM, Kuala Lumpur**
Dialog bersama Pegawai Perhubungan Institusi Anggota
 - 9 PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
 - 10 BNM, Kuala Lumpur**
Pelancaran Bengkel Perancangan Kewangan anjuran *Malaysian Financial Planning Council*
 - 13-16 Amman, Jordan**
Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam:
Seminar mengenai Risiko, Ganjaran dan Peranan Pengawalan dalam Pelaburan Islam dalam Hartanah
 - 15 PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Lembaga Pengarah
 - 26 FEBRUARI - 2 MAC**
Washington, AS
Mesyuarat dan Perancangan Strategik EXCO Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa ("IADI")



Jerayawara *Malaysia Financial Planning Council*

- MAC**
- 5-8 Kanada**
Lawatan belajar ke *Canada Deposit Insurance Corporation*
 - 7-8 Tokyo, Jepun**
Perbincangan Meja Bulat *Deposit Insurance Corporation of Japan Ke-Dua*
 - 7 Kuala Lumpur**
Taklimat dan Pendidikan Insurans Deposit kepada Media
 - 8 Johor Bahru, Johor**
Taklimat Insurans Deposit kepada Dewan Perniagaan Johor
 - 9 Johor Bahru, Johor**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
 - 11-17 Hong Kong Monetary Authority, Hong Kong**
Bengkel mengenai Sistem Penjelasan dan Penamatan (*Clearing and Settlement System*)
 - 12-13 Kuala Lumpur**
Bengkel Nilai Korporat - Kakitangan Sokongan
 - 15-16 Kuala Lumpur**
Bengkel Nilai Korporat - Pengurus dan Pengurus Kanan
 - 19-21 PIDM, Kuala Lumpur**
Lawatan belajar oleh Encik. S.S. Matafu dari *Deposit Insurance Board, Tanzania*
 - 22 Kuala Lumpur**
Bengkel Nilai Korporat - Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif dan Timbalan-Timbalan Pengurus Besar
 - 23 IBBM, Kuala Lumpur**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
 - 26-29 Kuala Lumpur**
Seminar mengenai Isu Perundangan dan Syariah Industri Perkhidmatan Kewangan Islam
 - 28-30 Hanoi, Vietnam**
Mesyuarat Jawatankuasa Rantau Asia-IADI Ke-5 dan Persidangan Antarabangsa
 - 29 Kuala Lumpur**
Forum Kewangan Islam Global (*Global Islamic Finance Forum*)



Taklimat



Bengkel Nilai Korporat



KALENDAR PERISTIWA 2007

APRIL 3 **Ipoh, Perak**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota

4 **Ipoh, Perak**
Taklimat Insurans Deposit kepada Dewan Perniagaan Perak

7 **Langkawi, Kedah**
Bengkel *Myers-Briggs Type Indicators* (MBTI)

10 **Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IBFIM), Kuala Lumpur**
Taklimat mengenai Insurans Deposit

11 **PIDM, Kuala Lumpur**
Sesi Pengurusan Risiko Organisasi (ERM): Memahami Urusan PIDM

19 **Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur**
Seminar mengenai Isu Pengawalaturan dalam Pasaran Modal Islam

19-30 **Kuantan, Pahang**
Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM)

24 **Kuala Lumpur**
Mesyuarat Lembaga Pengarah Pelancaran Laporan Tahunan 2006 PIDM Dialog Pertama dengan Institusi Anggota

25 **Klang, Selangor**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota

25 **BNM, Kuala Lumpur**
Lawatan Bank Indonesia

25-28 **Taiwan**
Mesyuarat dengan *Central Deposit Insurance Corporation*, Taiwan

30 **Basel, Switzerland**
Ulang tahun IADI Ke-Lima

30 APRIL - 6 MEI **Basel, Switzerland**
Simposium Antara Sempadan dan Mesyuarat EXCO IADI

MEI 7-11 **Kuala Lumpur**
Minggu Kesedaran Insurans Deposit

10 **Pulau Pinang**
Taklimat Insurans Deposit anjuran BNM cawangan Pulau Pinang bagi institusi anggota

14 **Kuala Lumpur**
Taklimat Insurans Deposit kepada kakitangan DDB International

14 **PIDM, Kuala Lumpur**
Taklimat Sistem Premium Berbeza kepada institusi anggota



Dialog Tahunan dengan Institusi Anggota



Dialog Tahunan Bersama Institusi Anggota

15-16 **Dubai, UAE**
Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam: Keperluan Pendekatan Antara-Sektor dalam Pengawalseliaan Perkhidmatan Kewangan Islam

15-19 **Prague, Republik Czech**
Sidang kemuncak *Global Financial Services Industry* Deloitte

22 **PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit

22 **Melaka**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota

22 **Melaka**
Mesyuarat dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

23 **Negeri Sembilan**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota

26 **Pulau Pinang**
Jerayawara bersama Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia ("FPAM")

30 MEI - 6 JUN **PIDM, Kuala Lumpur**
Lawatan Encik Galo Cevallos dari *Federal Deposit Insurance Corporation* (FDIC), AS untuk Kajian Kes PIDM

JUN 8 **PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Urus Tadbir

9 **Melaka**
Jerayawara bersama FPAM

12 **PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Lembaga Pengarah

14 **BNM, Kuala Lumpur**
Taklimat mengenai Insurans Deposit kepada kakitangan Jabatan Amalan Pengguna dan Pasaran

18 **Kuala Lumpur**
Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah - ERM

19 **IBBM, Kuala Lumpur**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota

24 **Basel, Switzerland**
Mesyuarat Agung Tahunan *Bank of International Settlements*

25 **Johor Bahru, Johor**
Jerayawara bersama FPAM

26 **Kuala Terengganu, Terengganu**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota

26-27 **Istanbul, Turki**
Persidangan Antara Rantau Pertama IADI (Eropah, Eurasia, Timur Tengah dan Afrika Utara): Seminar mengenai Peranan Sistem Insurans Deposit dalam Mempertingkatkan Kestabilan Kewangan Pelbagai Negara



Taklimat bagi Institusi Anggota



Jerayawara



KALENDAR PERISTIWA 2007

JULAI

- 4** **Kuala Lumpur**
Bengkel Teknikal ERM
- 5** **Kuala Lumpur**
Bengkel Nilai-Nilai Korporat
- 6** **Kuala Lumpur**
Bengkel MBTI
- 7-8** **Kuala Lumpur**
Jerayawara bersama BNM
- 7** **Sunway Lagoon**
Hari Keluarga PIDM
- 9-12** **Singapura**
Persidangan SEACEN bagi Pengarah-Pengarah Pengawal selia Ekonomi Asia-Pasifik ke-Sembilan dan Dialog SEACEN/ABA/ABAC/PECC Awam-Swasta Ke-Tiga
- 12** **Miri, Sarawak**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 13** **Kuching, Sarawak**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 14** **Kuching, Sarawak**
Jerayawara bersama FPAM
- 23-26** **Federal Deposit Insurance Corporation, Arlington, AS**
Latihan Eksekutif IADI
- 26-31** **Shah Alam, Selangor**
Karnival Pengguna 2007
- 26** **Sandakan, Sabah**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 27** **Kota Kinabalu, Sabah**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 28** **Kota Kinabalu, Sabah**
Jerayawara bersama FPAM



Karnival Pengguna 2007, Shah Alam



Taklimat

OGOS

- 1** **Kuala Lumpur**
Seminar Asas Derivatif (*International Swaps and Derivatives Association - ISDA*)
- 6** **Alor Setar, Kedah**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 7** **Pulau Pinang**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 9** **Kuala Lumpur**
Sesi Dalaman: Perancangan Strategik PIDM
- 10** **PIDM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 10-17** **Manila, Filipina**
Lawatan belajar ke *Philippines Deposit Insurance Corporation* dan Kursus Lanjutan SEACEN- *Federal Reserve System Ke-47: Penyeliaan Bank – Penyeliaan Berfokuskan Risiko*
- 13-24** **Pusat Pembangunan Sumber Manusia BNM**
Kursus Asas Pengawalseliaan Bank Ke-Enam
- 14** **Kuala Lumpur**
Bengkel Sasaran Dana
- Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang**
Ekspo Konvokesyen Universiti Sains Malaysia 2007
- 20** **BNM, Kuala Lumpur**
Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
- 21** **Kuala Lumpur**
Taklimat Insurans Deposit kepada Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia
- 25-26** **Kuala Terengganu, Terengganu**
Karnival Pengguna
- 28** **Kuantan, Pahang**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 30 OGOS - 2 SEPTEMBER** **Kuala Lumpur**
Ekspo Merdeka Ke-50
- 30 OGOS - 2 SEPTEMBER** **PIDM, Kuala Lumpur**
Lawatan CDIC, Taiwan



Taklimat



Taklimat



KALENDAR PERISTIWA 2007

- SEPTEMBER 6** **PIDM, Kuala Lumpur**
Taklimat Insurans Deposit bagi pelajar dan staf akademik Universiti Teknologi MARA (UITM)
- IBBM, Kuala Lumpur**
Taklimat Insurans Deposit bagi Institusi Anggota
- 8** **Alor Gajah, Melaka**
Jerayawara bersama BNM
- 10** **Bursa Malaysia**
Taklimat Insurans Deposit bagi Bursa Malaysia
- 11** **PIDM, Kuala Lumpur**
Sesi Perancangan Strategik Lembaga Pengarah
- 12-14** **Singapura**
Seminar *Financial Stability Institute - Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (FSI-EMEAP)*
- 12** **Kuala Lumpur**
Taklimat kepada Institusi Anggota mengenai Format Fail Standard bagi Maklumat Deposit dan Infrastruktur IT Sokongan Sistem Deposit
- 18-21** **Basel, Switzerland**
Sesi Perancangan Strategik dan Mesyuarat EXCO IADI
- 20** **Kuala Lumpur**
Buka Puasa bersama pihak Media



Taklimat bagi Institusi Anggota



Bahan pameran

- OKTOBER 22-23** **Pulau Pinang**
Program Capaian Korporat PIDM bersempena Mesyuarat Lembaga Pengarah
- 29-30** **Kuala Lumpur**
Latihan Audit Dalaman anjuran Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan, PIDM
- 29 OKTOBER - 4 NOVEMBER** **Kuala Lumpur dan Langkawi, Kedah**
Persidangan Tahunan dan Mesyuarat Agung Tahunan IADI Ke-Enam
- 30 OKTOBER - 4 NOVEMBER** **Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur**
Pameran Kewangan Malaysia 2007 (*Malaysia Financial Exhibition 2007 - MYFEX2007*)



IADI 2007



MYFEX 2007



IADI 2007



MYFEX 2007



KALENDAR PERISTIWA 2007

NOVEMBER 7

Kuching, Sarawak

Jerayawara Pendidikan Pengguna bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan BNM

12

Kuala Lumpur

Majlis makan tengahari dan Taklimat Pendidikan Lembaga Pengarah

13

PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan belajar delegasi Republik Kyrgyz

14

PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan delegasi Kementerian Kewangan dan Ekonomi Senegal

16-17

Kapit, Sarawak

Hari Pengguna Peringkat Negeri Sarawak

20

PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

21

Jakarta, Indonesia

IT Asia Congress

27

PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Urus Tadbir

29

BNM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran

Kuala Lumpur

PIDM memenangi "Certificate of Merit" Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA)



Hari Pengguna Peringkat Negeri Sarawak, Kapit



Anugerah Certificate of Merit NACRA

DISEMBER 1

Kuala Lumpur

Majlis Makan Malam PIDM

3

Kementerian Kewangan, Putrajaya

Mesyuarat dengan Pejabat Peguam Perbendaharaan dan Ketua Audit Negara mengenai Peraturan Sistem Premium Berbeza dan Perintah Premium

PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat kepada juruaudit luaran institusi anggota mengenai Sistem Premium Berbeza

PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Lembaga Pengarah

4-8

Frankfurt, Jerman

Forum Perkhidmatan Kewangan Islam Ke-Dua: Cabaran Eropah

5-7

New Delhi, India

Sidang Kemuncak Pendidikan Kewangan Citi-FT

PIDM, Kuala Lumpur

Tinjauan Pendapat Kakitangan

6

PIDM, Kuala Lumpur

Pelancaran *Work Life Coaching*

6-7

Singapura

Sidang Kemuncak Eksekutif Pusat Hubungan Asia-Pasifik



Majlis Makan Malam PIDM



Majlis Makan Malam



LAMPIRAN



LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA URUS TADBIR

A. Mandat

Menurut Seksyen 7 *Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005*, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat adalah perlu suatu Jawatankuasa Urus Tadbir ditubuhkan.

B. Objektif

Jawatankuasa Urus Tadbir (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM bertanggungjawab untuk mengarahkan pelaksanaan prinsip urus tadbir yang utuh dalam PIDM. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: pembangunan prinsip dan amalan urus tadbir yang berkesan; penilaian fungsi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan; pencalonan individu yang berkelayakan untuk menjadi Pengarah selaras dengan kriteria yang diluluskan oleh PIDM; dan perancangan penggantian.

C. Prinsip Operasi

1. Fungsi dan Komposisi

- Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.
- Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.

2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah.

3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat

Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Syarikat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit prosiding Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Syarikat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

7. Ke kerap an dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa, tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun.

8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

9. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

10. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

11. Terma Pelantikan/Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah ditukar mengikut kesesuaian dan secara tetap. Pertukaran itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa



LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA URUS TADBIR

keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak ditukar dalam satu masa.

12. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

13. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan.

14. Penilaian Sendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap di mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.

16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

D. Tugas dan Tanggungjawab Utama

1. Pengawasan Urus Tadbir Korporat

- Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula pendekatan PIDM terhadap isu urus tadbir pada setiap tahun dan membuat cadangan kepada Lembaga

Pengarah berhubung kajian semula garis panduan urus tadbir PIDM. Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai dasar berkenaan tempoh perkhidmatan, persaraan dan penggantian pengarah.

- Memastikan terdapatnya sistem yang membolehkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah atau ahli Lembaga Pengarah mendapatkan khidmat penasihat bebas atau penasihat lain yang berasingan dalam keadaan yang sesuai di mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM dan bertanggungjawab bagi pentadbiran berterusan sistem tersebut.

- Mengkaji semula mandat PIDM sebagaimana yang dinyatakan dalam *Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005* secara berkala dan membuat sebarang cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.

- Mengikuti perkembangan mutakhir mengenai urus tadbir korporat untuk memastikan bahawa amalan urus tadbir PIDM adalah selaras dengan amalan terbaik.

- Melaksanakan inisiatif urus tadbir lain yang perlu atau dikehendaki bagi memastikan bahawa terdapat proses, struktur dan maklumat yang sesuai dan perlu bagi pengarah dan pengawasan yang berkesan supaya dapat menyumbang kepada urus tadbir dan pengurusan utuh PIDM.

2. Penilaian Operasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Menilai keperluan Lembaga Pengarah dari segi kekerapan dan lokasi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, agenda mesyuarat, dokumen dan maklumat, dan perjalanan mesyuarat serta membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah jika perlu, melalui rundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif.



LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA URUS TADBIR

- b. Membangunkan, mengesyorkan dan mengkaji semula mandat dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada setiap tahun untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
 - c. Membangunkan suatu proses untuk membantu Lembaga Pengarah menentukan sama ada Lembaga Pengarah berpuas hati dengan cara, kekerapan dan ketepatan masa terhadap isu penting yang dibawa kepada perhatiannya serta kesesuaian maklumat tersebut.
 - d. Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah suatu kaedah untuk menilai secara tetap keberkesanan Lembaga Pengarah dan setiap ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan melaksanakannya pada setiap tahun serta mengesyorkan sebarang perubahan wajar yang berbangkit.
3. **Pencalonan Lembaga Pengarah**
 - a. Membangunkan, mengesyorkan dan membuat semakan pada setiap tahun kedua-dua profil Lembaga Pengarah dan profil ahli Lembaga Pengarah mengenai kelayakan, kemahiran dan ciri-ciri seseorang pengarah bagi memenuhi tanggungjawab dengan berkesan dengan mengambil kira kekuatan, kemahiran dan pengalaman semasa Lembaga Pengarah, terma, tarikh persaraan dan hala tuju strategik PIDM.
 - b. Mengenal pasti senarai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi yang menepati profil dan mengemaskinikan senarai tersebut secara tetap.
 - c. Mempertimbangkan profil terkini yang disyorkan dan mengemaskinikannya jika perlu apabila terdapat kekosongan dalam Lembaga Pengarah serta menyediakan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah senarai calon untuk mengisi kekosongan tersebut untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat cadangan kepada Menteri.
 - d. Membangunkan dan melaksanakan suatu strategi untuk mengemukakan profil dan calon berpotensi kepada Menteri.
 - e. Mengkaji semula secara berkala program imbuhan ahli Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.
 - f. Mengkaji semula, memantau dan membuat cadangan mengenai orientasi, latihan dan pembangunan berterusan ahli Lembaga Pengarah.
 4. **Perancangan Penggantian**
Mengkaji semula rancangan penggantian pengurusan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai korporat lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta membuat cadangan mengenainya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan jika ada.
 5. **Pelaporan dan Pendedahan**
Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk mengemukakan mana-mana laporan tentang urus tadbir yang perlu atau dianggap wajar didedahkan kepada umum.



LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA GANJARAN

- A. Mandat**
Menurut Seksyen 7 *Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005*, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penubuhan Jawatankuasa Ganjaran adalah satu keperluan.
- B. Objektif**
Objektif Jawatankuasa Ganjaran (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar sumber manusia yang adil dan saksama dalam menetapkan profil bagi pengambilan dan pengekalan kakitangan yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang sesuai. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: sumber manusia dan perihal imbuhan; perancangan penggantian secara amnya; kajian semula dan kelulusan objektif tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pelaksanaan penilaian tahunan; serta dasar dan proses berhubung amalan perniagaan dan etika tingkah laku kakitangan.
- C. Prinsip Operasi**
 1. **Fungsi dan Komposisi**
 - a. Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
 - b. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.
 - c. Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.
 2. **Pengerusi**
Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
 3. **Kuorum**
Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.
 4. **Pengundian**
Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.
5. **Prosedur dan Rengelolaan Mesyuarat**
Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.
6. **Setiausaha dan Minit**
Setiausaha Syarikat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Syarikat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.
7. **Kekerapan dan Panggilan Mesyuarat**
Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun.
8. **Notis Mesyuarat**
Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.
9. **Agenda Mesyuarat**
Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.
10. **Kehadiran Tambahan**
Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.
11. **Terma Pelantikan/Penggiliran Ahli Jawatankuasa**
Ahli Jawatankuasa hendaklah ditukar mengikut kesesuaian dan secara tetap. Pertukaran itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak ditukar dalam satu masa.
12. **Pelaporan**
Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
13. **Kajian Semula Piagam**
Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada



setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan.

14. Penilaian Sendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap di mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.

16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

D. Tugas dan Tanggungjawab Utama

1. Dasar dan Strategi

- Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dasar dan strategi utama sumber manusia dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu.
- Jawatankuasa hendaklah mengkaji falsafah imbuhan PIDM dan dasar yang berkaitan serta membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan jika ada.
- Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar dan prosedur yang berterusan, bersesuaian dan berkesan mengenai amalan perniagaan dan etika tingkah laku kakitangan serta hendaklah mengkaji semula dasar dan kod serta membuat syor kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, jika ada.

2. Pematuhan dan Laporan

Jawatankuasa hendaklah mengkaji laporan mengenai:

- Pematuhan terhadap keperluan perundangan dan dasar utama korporat berhubung hal sumber manusia pada setiap tahun; dan

- Pematuhan terhadap polisi berkenaan amalan urus niaga dan etika tatalaku kakitangan pada setiap tahun atau sebaik sahaja keadaan memerlukan. Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat permohonan kepada pihak Pengurusan untuk mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Audit sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau telah timbul perkara yang memerlukan pengemukaan laporan.

3. Hal yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula sebarang perkara berhubung sumber manusia dan perihal imbuhan yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

4. Laporan kepada Lembaga Pengarah

Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat laporan kepada Lembaga Pengarah mengenai sumber manusia dan perihal imbuhan serta prestasi pihak Pengurusan dalam hal ini.

5. Pemberian Bonus

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan meluluskan pemberian bonus kepada setiap kakitangan sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

6. Objektif dan Penilaian Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa hendaklah:

- Mengkaji semula pernyataan objektif tahunan untuk Ketua Pegawai Eksekutif dan mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan
- Mengkaji semula prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berdasarkan penilaian oleh pengerusi Lembaga Pengarah, dengan mengambil kira pernyataan objektif dan sebarang faktor lain yang relevan. Sekiranya ada, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai imbuhan dan bonus Ketua Pegawai Eksekutif.

7. Aduan

Jawatankuasa hendaklah bertindak sebagai perantara hubungan awal pada peringkat Lembaga Pengarah bagi sebarang aduan mengenai Ketua Pegawai Eksekutif yang sampai kepada pengetahuan Lembaga Pengarah dengan pemahaman bahawa mekanisme resolusi yang lazim hendaklah diikuti dan aduan akan hanya dibawa ke hadapan apabila proses rayuan yang lain telah gagal, melainkan ia dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana Piagam atau dasar lain Lembaga Pengarah.



A. Mandat

Menurut Seksyen 7 *Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005*, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penubuhan Jawatankuasa Audit adalah satu keperluan.

B. Objektif

Objektif Jawatankuasa Audit (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa pengauditan, prinsip dan amalan perakaunan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan Malaysia serta mematuhi kesemua keperluan perundangan. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: integriti penyata kewangan PIDM; proses pelaporan kewangan; sistem kawalan dalaman bagi perakaunan dan kewangan; pelaksanaan fungsi audit dalaman PIDM; pengenalpastian dan pengurusan risiko utama PIDM; dan pematuhan PIDM kepada polisi yang berkaitan dengan etika serta keperluan perundangan dan pengawalan.

C. Prinsip Operasi

1. a. Fungsi dan Komposisi

Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan. Jawatankuasa akan menjalankan apa-apa fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah.

b. Kecekapan

Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah sama ada:

- arif dalam bidang kewangan semasa pelantikannya iaitu mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai; atau

- berjanji untuk menimba pengetahuan dalam bidang kewangan dalam tempoh masa yang munasabah selepas pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa.

Tertakluk kepada kepakaran yang ada, sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan. "Kepakaran kewangan" bermaksud seseorang yang mempunyai ciri-ciri berikut: latar belakang dalam bidang perakaunan atau pengalaman berkaitan pengurusan kewangan termasuk sebarang pengalaman atau latar belakang yang memperlihatkan pengetahuan kewangan individu itu, termasuk menjadi atau pernah menjadi seorang juruaudit, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan atau pegawai kanan lain yang bertanggungjawab menyelia urusan kewangan.

Jika perlu, ahli Jawatankuasa akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang amalan kewangan, perakaunan dan bidang lain yang berkaitan dengan mengikuti perkembangan arah aliran dan amalan terbaik termasuk mempertimbangkan isu semasa dan aplikasinya kepada PIDM serta dengan mengambil bahagian dalam sesi pendidikan atau peluang latihan lain.

2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

5. Prosedur dan Rengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.



6. **Setiausaha dan Minit**
Setiausaha Syarikat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Syarikat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.
7. **Kekerapan dan Panggilan Mesyuarat**
Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setiap tahun.
8. **Notis Mesyuarat**
Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.
9. **Ketua Audit Negara**
Ketua Audit Negara sebagaimana yang dirujuk kepada Akta Audit 1957 (Disemak 1972) (Akta 62):
 - i. berhak menerima notis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa di mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM untuk menghadiri dan didengari pada setiap mesyuarat dan akan dijemput menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa; dan
 - ii. boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa.
10. **Mesyuarat Sulit**
Jawatankuasa boleh bermesyuarat secara sulit sebagai suatu jawatankuasa dan secara berkala dengan pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan Ketua Fungsi Audit Dalaman dalam sesi sulit yang berasingan.
11. **Agenda Mesyuarat**
Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.
12. **Kehadiran Tambahan**
Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.
13. **Terma Pelantikan/Penggiliran Anggota Jawatankuasa**
Ahli Jawatankuasa hendaklah ditukar mengikut kesesuaian dan secara tetap. Pertukaran itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak ditukar dalam satu masa.
14. **Pelaporan**
Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
15. **Kajian Semula Piagam**
Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusannya.
16. **Penilaian Sendiri**
Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap di mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.
17. **Pendedahan**
Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.
18. **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain**
Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding audit bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

**D. Tugas dan Tanggungjawab Utama**

1. **Nasihat dan Syor kepada Lembaga Pengarah**
Jawatankuasa bergantung pada kepakaran pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman PIDM dan Ketua Audit Negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Jawatankuasa tidak menjalankan audit dalaman, ia memantau audit yang dibuat dan menyemak laporan serta membuat siasatan yang munasabah bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.
2. **Penyiasatan**
Jawatankuasa diberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang dibawa kepada perhatiannya dengan akses penuh kepada semua buku, rekod, kemudahan, Ketua Audit Negara dan kakitangan PIDM bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan peranan penyeliaannya. Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah supaya penyiasatan khas dilakukan ke atas perkara yang difikirkan sesuai berdasarkan maklumat yang dibekalkan kepadanya.
3. **Pelaporan Kewangan**
Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah memainkan peranan penyeliaannya terhadap pelaporan kewangan yang benar, tepat dan jelas, termasuk menyemak semula penyata kewangan tahunan PIDM serta laporan perbincangan dan analisis pihak Pengurusan sebelum memperoleh kelulusan Lembaga Pengarah dan membuat kajian semula yang sewajarnya ke atas penyediaan dan penyebaran maklumat kewangan bukan umum yang penting. Kajian semula dibuat sekiranya perlu, tetapi sekurang-kurangnya sekali setahun dan harus merangkumi perbincangan dengan pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman dan Ketua Audit Negara berkenaan isu penting tentang prinsip perakaunan, dasar perakaunan PIDM serta anggaran dan pertimbangan penting yang dibuat oleh pihak Pengurusan termasuk isu kualiti dan kebolehterimaan prinsip

perakaunan yang diterima umum. Selain daripada pendedahan umum penyata kewangan tahunan PIDM, Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa terdapat prosedur yang mencukupi bagi kajian semula pendedahan umum maklumat kewangan PIDM yang diperoleh daripada penyata kewangan PIDM dan hendaklah menilai kecukupan prosedur tersebut secara berkala.

4. **Proses Pelaporan Kewangan, Dasar Perakaunan dan Struktur Kawalan Dalaman**
Pihak Pengurusan bertanggungjawab dalam penyediaan, persembahan, dan integriti penyata kewangan PIDM dan penyenggaraan prinsip, dasar, kawalan dalaman dan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan yang dirangka bagi memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan dan undang-undang dan peraturan yang telah diguna pakai.

Jawatankuasa hendaklah mendapatkan pandangan pihak Pengurusan dan Ketua Audit Negara tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki kualiti prinsip perakaunan PIDM yang diguna pakai dalam laporan kewangannya, menyiasat pelaksanaan alternatif yang telah dipertimbangkan tetapi ditolak kemudiannya, mengkaji keagresifan atau konservatisme prinsip dan anggaran perakaunan PIDM, dan menyiasat situasi di mana nasihat Ketua Audit Negara berkenaan perihal perakaunan atau pendedahan tidak diambil kira.

Secara khususnya, Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah dalam penyeliaan proses pelaporan kewangan PIDM termasuklah:

- a. menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan PIDM;
- b. menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan laporan audit tahunan Ketua Audit Negara;



- c. mengkaji perubahan utama yang berlaku kepada prinsip dan amalan pengauditan dan perakaunan PIDM sebagaimana yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara, fungsi audit dalaman atau pihak Pengurusan;
 - d. mengkaji integriti proses dan struktur kawalan dalaman pelaporan kewangan PIDM;
 - e. memastikan bahawa pihak Pengurusan mempunyai dasar dan prosedur berkaitan kawalan dalaman yang mematuhi undang-undang, peraturan dan panduan yang diguna pakai bagi memberikan jaminan yang wajar tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman PIDM; dan mengkaji semula laporan berkaitan daripada pihak Pengurusan dan fungsi audit dalaman tentang kawalan dalaman tersebut;
 - f. mengkaji proses berhubung perakuan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tentang integriti penyata kewangan PIDM;
 - g. mengkaji rancangan bagi audit tahunan dengan menilai kewajaran skop dan rancangan audit serta menentukan sama ada PIDM menerima liputan audit dan usaha keseluruhan yang sewajarnya, berpuas hati bahawa Ketua Audit Negara telah mempertimbangkan hasil kerja fungsi audit dalaman dalam membangunkan strategi audit keseluruhannya dan menilai tahap jaminan bahawa Lembaga Pengarah boleh mengambil alihnya daripada kerja Ketua Audit Negara. Oleh itu, Jawatankuasa hendaklah berpuas hati bahawa skop audit tidak terhad dalam apa-apa cara sekalipun dan bahawa bidang yang penting kepada Lembaga Pengarah diliputi dengan secukupnya;
 - h. mengkaji dan memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh Ketua Audit Negara dan sebarang surat pengurusan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap laporan dan surat tersebut;
 - i. menubuhkan sistem pelaporan kepada Jawatankuasa oleh pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman berkenaan pertimbangan penting yang dibuat dalam penyediaan penyata kewangan oleh pihak Pengurusan dan sebarang kerumitan yang dihadapi semasa kajian atau audit, termasuklah apa-apa sekatan ke atas skop kerja atau akses kepada maklumat yang dikehendaki; dan
 - j. melalui penyeliaannya ke atas fungsi audit dalaman, berpuas hati bahawa PIDM menyenggarakan buku akaun, rekod berkaitan kawalan kewangan dan pengurusan serta sistem maklumat dan amalan pengurusan mengikut cara yang boleh memberikan jaminan yang wajar bahawa:
 - i. aset PIDM dilindungi dan terkawal;
 - ii. transaksi PIDM adalah mengikut kehendak *Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240)*, peruntukan perundangan, arahan, pekelliling atau garis panduan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan atau Jabatan Perdana Menteri; dan
 - iii. sumber kewangan, manusia dan fizikal PIDM diuruskan dengan cermat dan efisien dan operasi PIDM dijalankan dengan berkesan.
5. **Pengawasan Pengurusan Kewangan**
- a. Bajet Operasi dan Modal
Memantau dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan bajet operasi tahunan dan rancangan modal.
 - b. Pembiayaan
Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan



- syarat pembiayaan luaran yang hendak dibuat atau diambil oleh PIDM melalui sekuriti PIDM atau selainnya.
 - c. Pelaburan
Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan syarat pelaburan aset tunai PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan jangka panjang.
 - d. Perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai
Menerima laporan daripada pihak Pengurusan dan menyemak laporan daripada fungsi audit dalaman dan/atau Ketua Audit Negara tentang semakan mereka ke atas akaun perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai PIDM.
6. **Fungsi Audit Dalaman**
Fungsi audit dalaman adalah untuk menyasiat serta memberi maklumat dan jaminan kepada Jawatankuasa dan pihak Pengurusan tentang buku akaun dan rekod PIDM; keberkesanan dan prestasi kawalan kewangan dan pengurusan; sistem maklumat dan amalan pengurusan; serta jaminan bahawa operasi PIDM dijalankan secara efektif mengikut perundangan yang berkaitan.
- Bagi memenuhi tanggungjawabnya, fungsi audit dalaman memerlukan status bebas bagi melaporkan secara langsung kepada Jawatankuasa dan Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan fungsi audit dalaman mempunyai akses secara langsung tanpa sekatan antara satu sama lain.
- Jawatankuasa Audit menyelia audit dalaman Perbadanan. Tanggungjawab khusus Jawatankuasa termasuklah:
- a. mengkaji semula mandat fungsi audit dalaman setiap tahun;
 - b. menilai keupayaan fungsi audit dalaman;
 - c. mengkaji semula kebebasan fungsi audit dalaman dan struktur pelaporannya;
 - d. mengkaji rancangan fungsi audit dalaman, bajet, kualiti dan kuantiti kakitangan dan sumber lain yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan;
 - e. mengkaji prestasi fungsi audit dalaman termasuk prestasi terhadap rancangan audit dan bajetnya;
 - f. mengkaji laporan fungsi audit dalaman;
 - g. memantau pelaksanaan laporan dan syor fungsi audit dalaman;
 - h. memastikan koordinasi fungsi audit dalaman dengan audit Ketua Audit Negara dan pemeriksaan khas tahunan; dan
 - i. mengkaji operasi keseluruhan fungsi audit dalaman dengan mengambil kira mandatnya dan piawaian audit dalaman semasa.
7. **Pengurusan Risiko**
Jawatankuasa hendaklah:
- a. memastikan bahawa dasar, garis panduan dan amalan yang utuh dilaksanakan bagi pengurusan risiko korporat yang penting;
 - b. menerima maklumat yang mencukupi bagi memahami keadaan dan magnitud risiko penting yang dihadapi oleh PIDM;
 - c. mengkaji bersama pihak Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah tentang dasar dan garis panduan yang dibangunkan dan dilaksanakan bagi mengurus risiko PIDM serta mengkaji semula dasar dan garis panduan itu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan bahawa ia masih sesuai dan berhemat;



LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

- d. mendapatkan jaminan yang wajar secara tetap bahawa dasar dan garis panduan pengurusan risiko penting PIDM adalah dipatuhi;
- e. melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang: profil risiko penting; terdapat pelan dan kawalan mitigasi bagi menguruskan risiko penting; dan keberkesanan keseluruhan proses pengurusan risiko itu;
- f. mempertimbangkan peranan Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman secara berkala berkenaan pengurusan risiko dalam PIDM dan menilai prestasi Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman pada setiap tahun berhubung peranan itu; dan
- g. meminta laporan daripada fungsi audit dalaman yang mengesahkan penilaian risiko pihak Pengurusan.

8. Pematuhan Etika dan Undang-undang

Jawatankuasa hendaklah:

- a. mengkaji bersama penasihat PIDM sebarang perkara perundangan yang boleh memberikan kesan ketara kepada penyata kewangan PIDM;
- b. memastikan pengawasan etika dan integriti serta pengekalan reputasi PIDM dengan menerima laporan tentang pematuhan dasar atau kod amalan perniagaan dan etika tingkah laku PIDM daripada pihak Pengurusan dan apa-apa perkara lain yang boleh mendatangkan liabiliti kepada PIDM; dan dengan mengkaji manamana laporan yang diterima daripada fungsi audit dalaman, Ketua Audit Negara dan/atau Pengerusi Jawatankuasa lain tentang kajian pematuhan;

- c. memastikan bahawa terdapat sistem bagi memantau pematuhan PIDM terhadap undang-undang dan peraturan serta mendapatkan laporan pada setiap tahun bahawa PIDM mematuhi kehendak perundangan yang diguna pakai;
- d. menyemak hasil penyiasatan pihak Pengurusan dan tindakan yang diambil berkaitan mana-mana kawalan dalaman atau perkara perakaunan yang boleh dipersoalkan;
- e. membina suatu proses bagi (i) Penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan atau perkara berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau perihal pengauditan; (ii) Pengemukaan rahsia dan tanpa nama mengikut dasar korporat yang mantap oleh kakitangan PIDM berkaitan perkara perakaunan atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan (iii) Penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan PIDM. Membina suatu proses bagi penilaian, penyiasatan dan resolusi berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan yang mungkin dipersoalkan; dan
- f. menyiasat apa-apa dakwaan bahawa mana-mana pegawai atau pengarah PIDM atau pihak lain yang bertindak di bawah arahan mereka telah mengambil tindakan untuk mempengaruhi, memaksa, memanipulasi atau mengelirukan pihak yang diambil khidmatnya untuk melaksanakan audit penyata kewangan PIDM bagi tujuan menyebabkan penyata kewangan itu mengelirukan dan mengambil atau mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan disiplin yang sewajarnya jika dakwaan itu dibuktikan benar.



LAMPIRAN

SCORECARD KORPORAT 2008-2010

OBJEKTIF KORPORAT		PENUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN			
			2008	2009	2010	
PEMEGANG KEPENTINGAN	A	Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: <ul style="list-style-type: none"> a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik b. Guna pakai amalan pengurusan c. Pematuhan terhadap polisi penting d. Keberkesanan polisi dan amalan pengurusan risiko organisasi e. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab 	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100%	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100%	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100%
			2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Tindakan bagi maklum balas diterima	Tindakan bagi maklum balas diterima	Tindakan bagi maklum balas diterima
			3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko organisasi : <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 4 - Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan ii. Polisi dan amalan pengurusan risiko organisasi iii. Rangka kerja penilaian keberkesanan pengurusan risiko organisasi b. Membangun dan melaksanakan pengauditan berasaskan risiko c. Melaksanakan rangka kerja kawalan dalaman d. Melaksanakan rancangan pengurusan penggantian bagi ahli Lembaga Pengarah 	Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan & dilaksanakan Disempurnakan	Kajian semula Dibangunkan & dilaksanakan Dilaksanakan Kajian semula & dipertingkatkan Disempurnakan	Kajian semula Kajian semula Kajian semula & dipertingkatkan Disempurnakan
PEMEGANG KEPENTINGAN	B	Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4. Indeks kesedaran awam (kesedaran awam insurans deposit)	35%	40%	45%
			5. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Kajian semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu: <ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan program pengiklanan ii. Melaksanakan program perhubungan awam iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan secara berterusan b. Membangun dan melaksanakan program pendidikan kesedaran c. Membangun dan melaksanakan program pendidikan dan biasiswa 	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan Dilaksanakan
			6. Hubungan PIDM dengan: <ul style="list-style-type: none"> a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota c. Pembekal d. Penginsurans deposit antarabangsa 	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh
PEMEGANG KEPENTINGAN	C	Perkongsian efektif	7. Penyertaan dalam forum antarabangsa	Penyertaan Aktif	Penyertaan Aktif	Penyertaan Aktif
			8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik b. Menganjurkan seminar insurans deposit 	Dibangunkan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan
			9. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	-10% perbezaan +20% perbezaan	-10% perbezaan +15% perbezaan	±10% perbezaan
KEWANGAN	D	Penggunaan sumber yang optimum	10. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Membangun dan melaksanakan rangka kerja peruntukan b. Membangunkan rangka kerja dan proses urusan pembiayaan 	Dibangunkan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	Dibangunkan Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan	Dilaksanakan



LAMPIRAN

SCORECARD KORPORAT 2008-2010

OBJEKTIF KORPORAT	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN				
		2008	2009	2010		
PROSES DALAMAN	E Kecemerlangan operasi	11. Pematuhan terhadap kawalan dalaman 12. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan sistem premium berbeza (DPS): i. Peraturan DPS ii. Rangka kerja/garis panduan DPS bagi penyata jumlah deposit diinsuranskan iii. E-filing DPS b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif: i. Fasa 2 – Peningkatan c. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif: i. Fasa 2 – Membangunkan metodologi, polisi, proses dan kriteria resolusi yang spesifik ii. Fasa 3 – Membangunkan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif d. Membangun dan menjalankan simulasi pengurusan krisis e. Membangunkan manual komunikasi krisis f. Membangun dan melaksanakan sistem pembayaran semula deposit i. Fasa 1 – Membangunkan pengurusan maklumat liabiliti pendeposit dan pengurusan hubungan pendeposit ii. Fasa 2 – Membangunkan pengurusan dan penyesuaian pembayaran antara deposit dan maklumat pinjaman iii. Fasa 3 – Membangunkan pangkalan data deposit dinamik g. Membangun dan melaksanakan polisi dan peraturan insurans deposit: i. Garis panduan/peraturan faedah boleh bayar dan dividen – Membangunkan kertas konsep – Membangunkan kertas rundingan – Membangunkan draf peraturan/garis panduan ii. Hubungan kontrak antara PIDM dan bank-bank menjalankan aktiviti perbankan Islam – Membangun dan mengeluarkan pekeliling h. Membangun dan melaksanakan kesinambungan urus niaga dan pelan pemulihan bencana i. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pematuhan dan jaminan kualiti j. Melaksanakan pelan peningkatan infrastruktur IT: i. Fasa 4 – Kerjasama: Peningkatan teknologi dan memperkasakan pengguna ii. Fasa 4 – Melaksanakan pelan peningkatan infrastruktur IT k. Melaksanakan sistem urus niaga utama l. Membangun dan melaksanakan rangka kerja dan sistem pengurusan pengetahuan	Kuku Dilaksanakan Dilaksanakan & kajian semula Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Disempurnakan Dibangunkan Disempurnakan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan	Kuku Kajian semula & dipertingkatkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Disempurnakan Disempurnakan Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	Kuku Kajian semula & dipertingkatkan Dilaksanakan Dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Simulasi dijalankan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Fasa 3 dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan	
	PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	F Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten	13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membina kecekapan kakitangan: i. Kajian semula dan melaksanakan rancangan latihan tahunan ii. Mengenal pasti, membangun dan melaksanakan peluang silang-fungsi iii. Mengenal pasti, membangun dan melaksanakan perkakas pembelajaran dan penilaian yang sesuai b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan bakat c. Membangun dan melaksanakan sistem perancangan/pengurusan penggantian	Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan	Disempurnakan Dilaksanakan Kajian semula & dipertingkatkan Kajian semula & dipertingkatkan Kajian semula & dipertingkatkan
		G Persekitaran korporat yang kondusif	14. Indeks kepuasan kerja kakitangan 15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Kajian semula dan pelaksanaan program pengiktirafan dan ganjaran b. Membangun dan melaksanakan pelan tindakan untuk bertindak terhadap keputusan kaji selidik indeks kepuasan kerja kakitangan c. Kajian semula, membangun dan melaksanakan program yang selamat, sihat dan bebas gangguan	75% Disempurnakan Tindakan penilaian dijalankan Dibangunkan & dilaksanakan	75% Disempurnakan Tindakan penilaian dijalankan	75% Disempurnakan Tindakan penilaian dijalankan



SENARAI POLISI UTAMA YANG DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2007

Polisi mengenai Gangguan di Tempat Kerja

Polisi mengenai Gangguan di Tempat Kerja bertujuan mencegah insiden gangguan di tempat kerja dengan menghuraikan takrifan gangguan dan melarang berlakunya gangguan tersebut. Polisi ini juga bertujuan untuk mendidik semua kakitangan untuk menyedari bahawa gangguan menjatuhkan maruah dan menjadikan tempat kerja kurang selamat atau selesa bagi kakitangan.

Prosedur Rungutan Kakitangan

Prosedur Rungutan Kakitangan menetapkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh kakitangan sekiranya ingin mengetengahkan isu, rungutan atau kebimbangan. Prosedur ini adalah mekanisma yang penting dan telus untuk menangani kesukaran yang timbul daripada hubungan kerja serta memastikan layanan yang konsisten dan adil kepada semua kakitangan. Prosedur ini juga menjelaskan bagaimana Perbadanan menangani rungutan yang diketengahkan, proses rayuan dan akibat pencabulan prosedur.

Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat

Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility* – “CSR”) menggariskan komitmen Perbadanan untuk menjalankan operasi dan hal ehwalnya dengan cara yang mampan dan bermakna. Polisi ini mengesahkan tanggungjawab Perbadanan mengenai kesejahteraan kakitangan, penglibatan komuniti dan perlindungan persekitaran. Selain itu, Polisi ini menyorot jenis aktiviti dan hal kebajikan yang boleh disokong atau diberi sumbangan oleh Perbadanan. Lihat muka surat 149 Laporan Tahunan ini.

Polisi CSR: Prosedur bagi Permohonan Luar

Bersama Polisi CSR adalah Prosedur bagi Permohonan Luar, yang membutuhkan bagaimana Perbadanan menimbangkan permohonan bagi sumbangan atau sokongan kepada pihak luar. Permohonan sebegini harus mengikut prosedur yang ditetapkan dan akan diluluskan sekiranya hal atau aktiviti tersebut menepati objektif Polisi CSR. Prosedur ini menjelaskan dengan lanjut bahawa jenis aktiviti yang Perbadanan tidak akan menyumbang atau menyokong. Ia juga menghuraikan bahawa permohonan untuk sumbangan atau sokongan harus dibuat secara cadangan bertulis, dengan penjelasan mengenai jenis maklumat yang perlu dikemukakan bersama.

Ringkasan perundangan subsidiari yang dicadangkan dalam tahun 2007 (dengan kertas cadangan dan draf yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah)

Cadangan Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Terma dan Syarat Keanggotaan)

Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Terma dan Syarat Keanggotaan) yang dicadangkan menjelaskan obligasi dan tanggungjawab institusi anggota dalam perkara berkenaan keutuhan dan keselamatan, maklumat mengenai deposit, bayaran premium dan caj, komunikasi kepada pendeposit. Tanggungjawab dan obligasi ini bertujuan menyumbangkan ke arah keselamatan dan kemampanan bank-bank, memperjelaskan beberapa peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) dan memperkukuhkan peranan kawal selia Bank Negara Malaysia melalui surcaj premium. Peraturan ini dibuat mengikut seksyen 38(1) Akta.



LAMPIRAN

SENARAI POLISI UTAMA

Cadangan Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza) dan perintah premium berkaitan

Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza) yang dicadangkan berkaitan dengan rangka kerja sistem premium berbeza bagi menaksir premium yang perlu dibayar oleh bank konvensional dan Islam berdasarkan profil risiko mereka. Peraturan ini mewujudkan sistem berasingan bagi mengkategorikan institusi anggota menurut klasifikasi berlainan untuk model perbankan konvensional dan Islam. Ia turut memperincikan kriteria atau faktor yang perlu dipertimbangkan dan prosedur yang perlu diikuti untuk menentukan kategori klasifikasi sesebuah institusi anggota. Peraturan ini dibuat mengikut seksyen 48 Akta. Lihat muka surat 129 Laporan Tahunan ini.

Cadangan Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit)

Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit) yang dicadangkan menghuraikan tata laku bagi institusi anggota berkenaan bila dan jenis maklumat insurans deposit perlu disediakan kepada pendeposit, dan pendedahan jenis produk deposit yang dilindungi oleh insurans deposit. Peraturan ini juga memperincikan jenis perwakilan yang dibuat oleh institusi anggota mengenai keanggotaan mereka dalam sistem insurans deposit, dan menjelaskan peranan institusi anggota dalam membina keyakinan awam mengenai insurans deposit. Peraturan ini dibuat mengikut seksyen 100(1)(a) Akta. Lihat muka surat 139 Laporan Tahunan ini.

Cadangan Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perjanjian atau Urus Niaga Kewangan)

Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perjanjian atau Urus Niaga Kewangan) yang dicadangkan digubal untuk menguruskan perkara berkenaan kebolehuatkuasaan peruntukan penamatan bersih dalam beberapa perjanjian derivatif di Malaysia. Peraturan ini meluaskan kategori semasa berkenaan perjanjian dan urus niaga terkandung dalam Akta dengan menghuraikan lain-lain perjanjian atau urus niaga yang boleh disamakan dengan jenis perjanjian dan urus niaga bagi seksyen 80(h) Akta. Peraturan ini dibuat mengikut peruntukan seksyen ini.

Cadangan Garis Panduan mengenai Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Boleh Diinsuranskan

Garis Panduan mengenai Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Boleh Diinsuranskan yang dicadangkan memperuntukkan satu set kriteria untuk digunapakai dalam menentukan sama ada sesuatu produk deposit diinsuranskan oleh Perbadanan. Garis Panduan ini membolehkan Perbadanan mengenal pasti obligasinya sekiranya perlu membuat pembayaran balik kepada pendeposit. Pengenalpastian garis panduan ini akan mengurangkan lagi ketidakpastian yang dihadapi oleh pendeposit berkenaan produk deposit yang diinsuranskan oleh Perbadanan dan yang mana tidak. Garis panduan ini dibuat mengikut seksyen 36(a)(iii) Akta.



LAMPIRAN

GLOSARI ISTILAH

Aset Berwajaran Risiko

Aset berwajaran risiko merujuk kepada konsep yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Bank untuk nisbah kecukupan modal. Aset diwajibkan mengikut faktor yang mewakili tahap risiko dan potensi kemungkiran.

Basel II

Rangka kerja Basel II menghuraikan ukuran dan piawaian minimum yang lebih menyeluruh untuk kecukupan modal yang kini diusahakan oleh badan-badan penguat kuasa penyeliaan kebangsaan untuk dilaksanakan melalui pembikinan peraturan domestik dan prosedur pemakaian. Di samping itu, Rangka Kerja Basel II bertujuan menggalakkan pendekatan yang lebih berpandangan hadapan mengenai penyeliaan modal, yang membolehkan bank mengenal pasti risiko yang mungkin dihadapi, pada masa kini dan di masa hadapan, agar dapat membangunkan atau meningkatkan keupayaan mereka untuk menguruskan risiko tersebut. Dengan itu, ia bertujuan agar lebih fleksibel dan dapat berkembang dengan kemajuan dalam pasaran dan amalan pengurusan risiko dengan lebih baik.

Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan

Campur tangan merujuk kepada tindakan yang diambil atau dikenakan oleh Perbadanan terhadap sebuah institusi anggota untuk menangani kebimbangan berkenaan institusi anggota tersebut. Tindakan ini selalunya dikenakan sebelum opsi resolusi kegagalan diambil ke atas institusi anggota. Resolusi kegagalan merujuk kepada rancangan disposisi sebuah institusi anggota yang gagal.

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM dan pulangan yang dibuat tolak kos langsung operasi sistem insurans deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM dan faedah diperolehi tolak kos langsung operasi sistem insurans deposit konvensional.

Gerbang enterpris

Gerbang enterpris adalah sistem untuk mengintegrasikan maklumat, insan dan proses. Ia membenarkan pengguna mengakses maklumat yang disimpan dalam gerbang ini melalui satu saluran sahaja.

Institusi Anggota

Institusi anggota adalah semua bank-bank perdagangan (termasuk bank asing yang beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Keanggotaan diwajibkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Institusi Pengambilan Deposit

Institusi pengambilan deposit merujuk kepada institusi berlesen yang mengurus niaga untuk menerima deposit bagi akaun semasa, akaun simpanan atau akaun-akaun lain yang seumpamanya.



Jaringan Keselamatan Kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pengawal aturan dan seliaan prudens, dan fungsi peminjam-paling-akhir.

Koridor

Zon pembangunan ekonomi yang direka khas oleh Kerajaan. Pihak Kerajaan telah melancarkan beberapa koridor seperti Wilayah Pembangunan Iskandar ("WPI"), Wilayah Ekonomi Koridor Utara ("Koridor Utara"), Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Koridor Pembangunan Sabah.

Nisbah Kecekapan

Nisbah kecekapan mengukur keupayaan institusi anggota untuk menggunakan sumber-sumbernya secara optimal untuk menjana pendapatan, dan dengan itu memberi penunjuk secepat mana institusi anggota tersebut beroperasi.

Nisbah Kecukupan Modal (*Capital Adequacy Ratio - CAR*)

Nisbah kecukupan modal adalah ciri utama Penjanjian Modal Basel (*Basel Capital Accord*) yang diguna pakai oleh semua institusi perbankan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia. Ia merupakan nisbah modal pengawal aturan sebuah bank terhadap pendedahan aset risiko berwajaran dan piawai antarabangsa mengesyorkan nisbah minimum 8% (teras elemen modal pengawal aturan seharusnya sekurang-kurangnya 4%), yang bertujuan membolehkan bank untuk menyerap kerugian tanpa menjadi insolven supaya dapat melindungi pendeposit.

Nisbah Konsentrasi

Nisbah konsentrasi mengukur pendedahan keseluruhan portfolio pinjaman sesebuah institusi anggota dalam ekonomi, iaitu peratusan pinjaman belum berbayar yang terdedah dalam beberapa sektor ekonomi. Sekiranya pinjaman sesebuah institusi anggota tidak diedarkan secara rata atau hanya tertumpu dalam beberapa sektor ekonomi, institusi anggota tersebut mempunyai risiko konsentrasi yang tinggi. Pinjaman yang berwajaran sektor ekonomi tertentu akan mewujudkan nisbah yang lebih tinggi berbanding satu set pinjaman yang diedarkan secara rata kerana pinjaman yang serata boleh mengurangkan risiko kerunduman ekonomi dan kemungkiran dalam sesuatu industri yang spesifik.

Mandat

Mandat ialah satu set arahan rasmi atau pernyataan tujuan sesebuah Perbadanan.

Produk Deposit

Deposit yang diterima atau dipegang oleh institusi anggota untuk atau daripada seseorang dalam urusan pengambilan deposit yang lazim seperti:

- deposit simpanan, permintaan, pelaburan atau simpanan tetap;
- draf bank, cek atau instrumen atau arahan pembayaran yang dibuat terhadap akaun deposit.

Premium Berbeza

Levi yang dikenakan kepada bank yang ditaksir berdasarkan profil risiko bank tersebut.



Pengurusan Risiko Organisasi (*Enterprise Risk Management*)

Rangka kerja ini diguna pakai secara menyeluruh dalam organisasi untuk memastikan bahawa risiko signifikan sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Pelan Komunikasi Bersepadu

Pelan lima-tahun ini mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk meningkatkan pemahaman dan penerimaan berkenaan sistem insurans deposit. Pelan ini berasaskan dua teras utama : mewujudkan kesedaran mengenai sistem insurans deposit dan membina kredibiliti Perbadanan sebagai pentadbir sistem insurans deposit.

Pinjaman Lampau Tempoh (*Loans Past Due - LPD*)

Situasi di mana status pembayaran pinjaman yang berjadual tidak dibayar mengikut masa.

Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadith dan pelakuan Nabi Muhammad S.A.W), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

Rangka Kerja Kecairan Baru (*New Liquidity Framework*)

Rangka kerja yang dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menaksir kedudukan kecairan institusi anggota melalui tiga peringkat iaitu:

- kecukupan kecairan institusi anggota dalam perjalanan perniagaannya yang lazim untuk beberapa bulan akan datang;
- keupayaan menahan kesan daripada pengeluaran kecairan; dan
- tahap pergantungannya ke atas pasaran yang diketahui ketidaktentuannya.

Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan

Satu rangka kerja yang memberi panduan kepada Perbadanan untuk menjalankan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan. Ia menggariskan tindakan dan pilihan yang boleh diambil oleh Perbadanan untuk menangani kebimbangan mengenai institusi anggota.

Sistem Pembayaran Semula kepada Pendeposit

Satu sistem yang melibatkan pembayaran semula deposit yang diinsuranskan sehingga RM60,000 kepada pendeposit yang layak sekiranya berlaku kegagalan bank.

Volatiliti Pulangan yang Diselaraskan (*Adjusted Return Volatility*)

Ketidaktentuan pulangan berselaraskan min mengukur kemampuan atau ketidaktentuan pendapatan sesebuah institusi anggota dengan menggunakan deviasi separa-standard bagi keuntungan sebelum cukai. Deviasi separa-standard adalah ukuran statistik yang hanya mengambil kira ketidaktentuan berkaitan dengan pengurusan pendapatan berbanding semua variasi (positif dan negatif) kepada min.



LAMPIRAN

BUTIRAN LANJUT

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan PIDM di talian bebas tol **1-800-88-1266** dari 8:30 pagi hingga 5:30 petang Isnin hingga Jumaat
- Layari laman web: www.pidm.gov.my
- E-mel kepada: info@pidm.gov.my
- Tulis kepada:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Aras 19, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Telefon: 603-2173 7436
Faks: 603-2260 7431/32

